



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4983]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 5019]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala B. 14 [Ruangan 5021]

Kepala B. 15 [Ruangan 5083]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5019]

Anggaran Pembangunan, 1973:

Kepala P. 14 [Ruangan 5021]

Kepala P. 15 [Ruangan 5083]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 17hb Januari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, **TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL**, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, **TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN**, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN**, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, **TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR**, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, **TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG**, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM**, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, **TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI**, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG**, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI LEE SIOK YEW**, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, **DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA**, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH**, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, **TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM**, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, **DATUK ONG KEE HUI**, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD**, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, **Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Krian Darat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- .. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- .. DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- .. Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- .. DATUK HAJI ABDULRAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- .. TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- .. DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- .. DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- .. CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- .. TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- .. TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- .. TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- .. TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- .. TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN NG HOB HUN (Larut Selatan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, K.M.N., P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- .. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL
GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- .. Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.,
M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- .. Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI
MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL
KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN
MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- .. PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- .. PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- .. TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- .. TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P.
(Sungai Patani).
- .. DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- .. TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- .. TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,
O.B.E. (Marudu).
- .. TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- .. RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- .. DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- .. DATUK S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P.
(Menglembu).
- .. TUAN HAJI SHAFIE BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- .. PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- .. DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- .. TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

CUTI SETENGAH HARI DALAM BULAN PUASA

1. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah bertanya kepada Perdana Menteri mengapa kakitangan Kerajaan yang beragama Islam tidak diberi cuti setengah hari dalam Bulan Ramadan tahun 1972 seperti dahulu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telahpun menjawab soalan yang serupa dalam Dewan ini pada 11hb yang lepas. Walaupun begitu, saya suka menyatakan sekali lagi iaitu perubahan waktu bekerja dalam bulan puasa bagi tahun lepas dan tahun-tahun hadapan untuk pekerja dan pegawai-pegawai Kerajaan adalah dibuat untuk kepentingan negara, khasnya orang-orang Islam juga. Dalam keadaan sekarang, di mana usaha-usaha pembangunan sedang dipergiatkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru, adalah perlu setiap usaha dan tenaga rakyat, termasuklah kakitangan-kakitangan Kerajaan ditumpukan untuk mencapai matlamat-matlamat Rancangan dan Dasar itu. Saya percaya masa menjalankan hukum-hukum Allah seperti berpuasa, Tuhan tidak menegah bahkan menggalakkan kita berusaha untuk memajukan masyarakat dan Negara.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengetahui ada sebuah estet di Malaysia Barat ini telah menegah dengan secara tidak langsung buruh-buruh yang bekerja dalam estet itu daripada menunaikan fardu sembahyang Jumaat. Jika buruh itu pergi menunaikan fardu sembahyang Jumaat, maka gajinya akan dipotong pada hari itu.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa kena-mengena dengan soalan yang asal?

Tuan Hashim bin Gera: Soalan asal ialah mengenai ugama Islam.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Soalan ini mengenai kakitangan Kerajaan.

TALIAIR MELINTASI SEGENTING KRA—PEMBINAAN

2. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan telah mendapat sebarang tanda dari Kerajaan Thai mengenai cadangan mereka berkenaan dengan pembinaan taliair melintasi Segenting Kra.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, sepertimana yang telah saya terangkan dalam Dewan ini, semasa menjawab soalan yang serupa dalam persidangan yang lepas, cadangan membina terusan di Segenting Kra adalah urusan negeri Thai dan untuk mereka menentukannya sendiri. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Thai telah berbaik hati dan telah memaklumkan kepada kita mengenai perkara itu, yang masih dalam pertimbangan mereka.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah tanda-tanda itu yang telah diberi oleh Kerajaan Thai atas perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan Thai hanyalah memberitahu yang perkara itu sedang dalam pertimbangan mereka.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Jika Kra Canal dibina, apakah tindakan Kerajaan Pusat telah mengambil supaya mengatasi akibat-akibat Canal itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perkara ini sedang dalam timbangan kita.

BAYARAN PASPOT HAJI

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa Paspot Haji dikenakan bayaran \$20.00 dan hanya boleh digunakan untuk satu perjalanan sahaja sedangkan Paspot Malaysia hanya dikenakan bayaran \$15.00 dan boleh digunakan bagi tempuh lima tahun; jika ya, adakah Kerajaan bercadang hendak mengambil tindakan atas perkara ini untuk kepentingan bakal-bakal haji kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, bayaran untuk sebuah Paspot Haji ialah \$15.00 dan bukan \$20.00. Kerajaan sedar bahawa Paspot Haji boleh digunakan untuk satu perjalanan sahaja manakala Paspot Antarabangsa Malaysia ialah untuk lima tahun.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat mungkin termaklum, Paspot Haji ini dikeluarkan di Pejabat-pejabat Daerah untuk memberi kemudahan dan kesenangan kepada bakal-bakal haji di mana sahaja mereka berada, tetapi Paspot Antarabangsa Malaysia dikeluarkan di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching sahaja. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada bakal-bakal haji termasuk urusan kesihatan, visa, urusan perhubungan dan lain-lain lagi adalah jauh bezanya dengan perkhidmatan, kalau pun ada, yang didapati daripada Paspot Antarabangsa. Dan lagi bayaran visa tidak dikenakan terhadap bakal-bakal haji yang hendak masuk ke Arab Saudi.

Memandangkan perkhidmatan-perkhidmatan yang didapati oleh bakal-bakal haji, Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengubah bayaran bagi sebuah Paspot Haji itu.

Kebanyakan orang-orang Islam yang menunaikan Fardhu Haji pergi ke Tanah Suci hanya sekali seumur hidup, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukun Islam. Dari itu tempuh Paspot Haji tidaklah perlu dipanjangkan sehingga lima tahun.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang hendak membenarkan orang-orang yang acap pergi menunaikan fardhu haji kerana mengambil haji sunat, sampai dua tiga kali berturut-turut tiap-tiap tahun, dia menggunakan hanya satu paspot dan diperbaharui paspot itu juga pada tahun-tahun yang terkemudiannya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya fikir kalau seseorang itu berupaya atau boleh pergi dua tiga kali ke tanah suci, mereka itu tentulah mampu membayar \$20.00 bagi satu-satu paspot.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah Kerajaan bercadang hendak menghapuskan paspot haji?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Tidak ada paspot bagaimana hendak pergi ke Mekah? (*Ketawa*)

Tuan Ng Hoe Hun: Boleh pakai paspot Malaysia, Tuan Yang di Pertua.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perkara ini tidak boleh dihapuskan, kerana inilah peraturan yang kita buat dengan persetujuan Kerajaan Saudi Arabia.

Tuan Ng Hoe Hun: Apa sebabnya bakal-bakal haji terpaksa menggunakan paspot haji bila mereka pergi ke Mekah?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah terangkan tadi, inilah peraturan yang kita perbuat dengan persetujuan Kerajaan Saudi Arabia.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah Kerajaan bercadang hendak mengurangkan bayaran paspot haji dari \$20.00 kepada \$10.00?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Soalan itu sudah dijawab tadi iaitu tidak hendak dikurangkan.

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kasih.

REJIM RHODESIA

4. **Dr A. Soorian** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia terhadap Kerajaan Haram di Rhodesia Selatan dan kesannya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Malaysia sentiasa menghormati seruan Bangsa-bangsa Bersatu supaya memulaukan rejim Rhodesia yang "haram" itu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu mungkin maklum, polisi ini telah dipatuhi dengan telitinya semenjak tahun 1965 apabila Kerajaan kita mengeluarkan "Customs Prohibition of Exports and Imports (South Rhodesian) Order of IN 467". Di bawah undang-undang ini ekspot-ekspot kepada Rhodesia dan juga impot-impot daripada Rhodesia telah diharamkan sama sekali dan Malaysia akan terus menjalankan pengharaman ini selagi Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkenaan dijalankan. Pengharaman atau "total ban" itu telah dikuatkuasakan

semenjak tahun 1965 dan tidak ada apa barang-barang pun yang telah diimpotkan dari Rhodesia; dan Malaysia pun tidak mengeksportkan barang-barang apa pun kepada Rhodesia.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan apakah tindakan Kerajaan kita telah ambil untuk menjatuhkan Kerajaan racist di Rhodesia Selatan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kita sentiasa berkerjasama dengan negara-negara lain, khasnya dalam Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan dengan hal ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, adakah Kerajaan kita bercadang membantu "Freedom Fighters" di Rhodesia Selatan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya fikir tidak mustahak dan kita pada masa ini tidak mampu untuk memberi apa-apa bantuan, tetapi apabila sampai masanya dan kalau difikirkan perlu, langkah itu boleh ditimbang.

PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN—JEMPUTAN

5. **Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Perdana Menteri mengapakah wakil-wakil dari Parti Pembangkang tidak dijemput ke upacara tahunan Pertandingan Membaca Al-Quran di peringkat-peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, jemputan-jemputan kepada upacara-upacara pertandingan membaca Al-Quran di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa adalah diperbuat secara perseorangan dan tidak kepada satu-satu badan atau Parti Politik. Jemputan-jemputan itu adalah dihadkan kepada orang-orang yang beragama Islam.

Dalam pertandingan yang lepas, beberapa orang ahli-ahli Parlimen dari Parti-parti Pembangkang yang beragama Islam telah dijemput secara perseorangan. Jikalau orang-orang yang bukan beragama Islam, termasuk Ahli Yang Berhormat sudi hendak menghadiri jemputan akan diedarkan pada masa yang akan datang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Terima kasih atas jemputan kepada saya di masa yang akan datang. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan sebab-sebab wakil daripada Parti Pembangkang tidak dijemput ke pertandingan membaca Quran.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah terangkan tadi, cara kita mengeluarkan jemputan kepada mereka itu ialah secara perseorangan dan tidaklah menjemput wakil-wakil daripada mana-mana pertubuhan termasuk parti politik. Jadi kepada sesiapa yang hendak hadir, bolehlah memberitahu, kita akan keluarkan jemputan sebagai perseorangan.

PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN—FATWA

6. **Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa banyak perkara-perkara yang bukan berunsur Islam telah dilakukan semasa Pertandingan Membaca Al-Quran di peringkat Antarabangsa seperti perarakan Kompang (memukul gendang bagi perkahwinan orang-orang Melayu) dan Pembinaan Gua Hira; dan
- (b) samada beliau telah meminta fatwa daripada ulama-ulama Islam sebelum mengambil keputusan untuk mengadakan pentomin di pembukaan Pertandingan Membaca Al-Quran Antarabangsa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa ada perkara-perkara yang telah dilakukan di upacara yang berkenaan yang tidak mempunyai unsur-unsur Islam yang tulen; tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maalum sesuatu kebudayaan itu mempunyai unsur-unsur yang diterima dari kebudayaan-kebudayaan lain. Perarakan kompang dan pembinaan Gua Hira adalah merupakan ciri-ciri budaya dan dalam konteks ini adalah kebudayaan orang Melayu yang beragama Islam.
- (b) Adalah difikirkan tidak payah diminta fatwa dari alim-ulama Islam sebelum diadakan pentomin di upacara pertandingan membaca Al-Quran di

peringkat Antarabangsa oleh kerana fatwa pada kebiasaannya adalah diminta berkenaan dengan pentafsiran undang-undang Islam. Oleh hal yang demikian, soalan ini tidaklah timbul.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa perbuatan yang boleh dinyatakan unIslamic tidak akan berlaku di pertandingan membaca Quran pada tahun ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, ini bukan perbuatan unIslamic. Ini saya kata tadi ciri-ciri kebudayaan yang menjadi sebahagian kebudayaan orang-orang Islam sekarang ini. Dan ini patut sangat ditunjukkan daripada satu masa ke satu masa, jika difikirkan perlu.

ANGGOTA POLIS/TENTERA— KEMUDAHAN LATIHAN

7. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang pertukaran latihan anggota-anggota polis dan tentera di antara Singapura dan Malaysia daripada menghantar mereka ke negara-negara yang jauh.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kerajaan adalah selalu mengambil kesempatan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan latihan untuk anggota-anggota polis dan tentera kita jika ianya sesuai dan terdapat di Singapura ataupun di negara-negara jiran yang lain. Jika tidak mereka akan dihantar ke negara-negara yang lebih jauh di mana terdapat latihan-latihan yang dianggapkan sesuai bagi kehendak-kehendak kita.

Tuan V. David: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini, berapa ramai pegawai-pegawai polis hingga sekarang ini telah pergi keluar negeri untuk training, dan negeri manakah pegawai itu telah dihantar?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, ini soalan lain, saya berkehendakkan notis, kalau hendak dijawab soalan ini.

GANJARAN DAN PENCEN— KELAMBATAN

8. Tuan V. Veerappen meminta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab kelambatan memberikan ganjaran dan pencen kepada keluarga kakitangan Kerajaan yang mati semasa masih dalam perkhidmatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, sebelum Kerajaan membuat sesuatu pembayaran yang berupa ganjaran dan pencen kepada keluarga kakitangan Kerajaan yang mati semasa masih dalam perkhidmatan, jabatan yang berkenaan tentulah akan menjalankan penyiasatan yang sesuai dahulu, umpamanya berhubung dengan tanggungan dan jumlah caruman Kerajaan bagi pekerja itu di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kerja-kerja ini biasanya memakan masa sedikit, walau bagaimanapun segala usaha sedang dijalankan bagi mempercepatkan pembayaran itu.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Oleh kerana masa diambil untuk siasatan ini dan pada masa itu keluarga-keluarga dan anak-anak orang yang mati itu tidak dapat makan dan yang meminta sedekah pun ada juga. Oleh yang demikian, bolehkah Kerajaan memberi sedikit bantuan wang tiap-tiap bulan sampai pencen boleh dibayar kepada keluarga-keluarga supaya dapat menanggung sara hidup mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, biasanya kalau keluarga-keluarga itu susah pihak Kerajaan bolehlah memberi wang pendahuluan yang difikirkan patut.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar ada juga pekerja-pekerja terpaksa menunggu lama hingga satu dua tahun dan mestilah ada satu peraturan berapa bulan seseorang pekerja itu menunggu baharu mendapat pencen. Bolehkah Kerajaan membuat satu peraturan yang tetap dalam masa beberapa bulan orang itu boleh mendapat pencen.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, peraturan telah dibuat iaitu mustahaklah pencen-pencen ini dibayar dengan seberapa segera yang boleh.

FILEM DARI CINA—PERMIT TAYANGAN

9. **Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan filem-filem dari Republik Rakyat Cina yang telah diberikan permit-permit tayangan dan bilangan filem-filem yang telah diharamkan dari ditayang sejak 1-5-1972 hingga 3-10-1972; nyatakan sebab-sebab diharamkan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, hanya dua filem sahaja yang diterima dalam masa yang tersebut. Kedua-dua filem itu telah ditapis dan diluluskan.

MELAWAT CINA—MELONGGARKAN SYARAT

10. **Tuan V. Veerappen** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada beliau akan melonggarkan syarat-syarat yang dikenakan kepada rakyat-rakyat Malaysia yang ingin melawat negeri Cina sebagai pelancung.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, pada masa ini Kerajaan memberi pertimbangan kepada rakyat-rakyat Malaysia yang ingin pergi ke negeri Cina untuk perubatan, melawat saudara-mara yang rapat dan untuk maksud perniagaan melalui agensi yang telah dilantik oleh Kerajaan jika mereka itu memenuhi syarat-syarat yang tertentu. Pertimbangan kepada permohonan-permohonan itu diberi mengikut keadaan masing-masing (*on merits of each case*).

Oleh kerana pada masa ini juga Kerajaan kita belum lagi ada hubungan diplomatik dengan negeri Cina maka tidaklah dapat Kerajaan melonggarkan syarat-syarat yang dikenakan kepada rakyat-rakyat Malaysia yang ingin melawat ke negeri Cina sebagai pelancung.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menerangkan bahawa jika perhubungan diplomatik diadakan antara Republik Cina dan Malaysia, maka Kerajaan kita akan memberi kebenaran kepada penduduk-penduduk atau rakyat di Malaysia melawat Republik Cina sebagai pelancung?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tunggalah bila kita sudah ada hubungan nanti.

BANK-BANK ASING—KEBENARAN BERNIAGA

11. **Tuan Mustapha bin Hussain** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah mana-mana bank yang dimiliki oleh Kerajaan asing dibenarkan berniaga dalam negeri kita, dan jika ada, bolehkah kemudahan seperti itu diberi kepada bank-bank yang dimiliki oleh Kerajaan-kerajaan asing yang lain.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, tidak ada bank-bank di negara kita ini yang dimiliki atau dikawal oleh Kerajaan asing. Akibat dari menghak-negarakan bank-bank India yang didirikan di India oleh Kerajaan India, Kementerian Kewangan telah bersetuju membenarkan tiga cawangan bank India di Malaysia, menjalankan operasinya atas dasar sementara sehingga bank itu disusun semula sebagai bank Malaysia yang baru. Ordinan Bank, 1958, melarang pengeluaran lesen kepada satu-satu bank dan juga melarang operasi bank tersebut tidak kira samada lesen telah dikeluarkan, jika 50% atau lebih daripada modal bank itu, dipunyai oleh Kerajaan asing atau jika sebahagian besar daripada mereka yang mempunyai kuasa mengarah, mengawal atau mengurus bank itu, adalah dilantik oleh, atau bagi pihak Kerajaan asing.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Berkenaan dengan soalan No. 11 ini, saya hendak bertanya apakah sebabnya Kerajaan kita tidak membenarkan Bank of Cina menubuhkan cawangannya di negeri kita?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, untuk menjaga kepentingan negara kita.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar banyak negara di luar negeri kita ada bank-bank asing dibenarkan membuka cawangannya, umpamanya di Singapura ada banyak bank asing dibenarkan membuka cawangan di sana dan bukan di negeri itu sahaja.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, itu negeri luar dan apa yang dibuat oleh negeri luar tidaklah mesti kita ikuti 100% dan kita terpaksa menimbang keadaan negeri kita sesuai dengan keadaan yang ada dalam negeri kita.

PELABURAN LUAR NEGERI— PERANGKAAAN

12. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan asing dalam tahun 1971 dan 1972, dan samada jumlah ini dapat memenuhi kehendak angka-angka yang dijangkakan dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, perangkaan-perangkaan bagi pelaburan dari luar negeri dalam semua sektor ekonomi di Malaysia bagi tahun 1971 dan 1972 tidak dapat diperolehi di Kementerian saya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya mempunyai perangkaan tentang kemungkinan pelaburan dari luar negeri di dalam sektor perkilangan. Bagi tahun 1971, sejumlah \$96.5 juta daripada jumlah pelaburan terhadap projek-projek yang telah diluluskan akan berpunca dari luar negeri. Angka bagi jangka masa Januari-November, 1972 ialah lebih kurang \$110.3 juta. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, tidak ada matlamat yang ditetapkan bagi pelaburan asing dalam sektor perkilangan tetapi adalah dijangka bahawa matlamat pelaburan swasta yang ditetapkan bagi punca-punca dalam dan luar negeri ialah sebanyak \$1,250 juta.

Daripada bulan Januari, 1971 hingga November, 1972, pelaburan swasta dari dalam negeri yang mungkin diperolehi dianggarkan berjumlah \$636.7 juta. Ini akan menjadikan pelaburan swasta bagi punca-punca dalam dan luar negeri di dalam sektor perkilangan berjumlah \$843.5 juta dalam tempoh tersebut. Ini bererti bagi tempoh 2 tahun yang pertama Rancangan Malaysia Kedua lebih separuh daripada sejumlah \$1,250 juta yang ditetapkan itu akan tercapai.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah jumlah pelaburan asing yang ditanam di Malaysia sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi adalah termasuk dalam sektor membeli tanah secara besar-besaran dalam negeri ini dan membangunkan rumah-rumah di dalam negeri ini, adakah termasuk?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu dengar

penjelasan saya tadi, saya telah menyatakan bahawa angka-angka ini ialah berhubung dengan penanaman modal di dalam sektor perkilangan sahaja.

COLOUR TV

13. Tuan Chan Fu King minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan butir-butir mengenai kajian Kerajaan terhadap kemungkinan mengadakan talivisyen berwarna dan nyatakan tujuan-tujuan Kerajaan mengenai perkara tersebut.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di Pertua, soal Colour TV ini sudah pun diterangkan dalam Dewan ini pada 20hb Disember, 1972 dan dengan itu saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat rojokkan kepada lapuran Dewan.

SEKIM GAJI BARU TENTERA— PERLAKSANAAN

14. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Petahanan menyatakan dalam masa hendak melaksanakan sekim gaji baharu kepada anggota-anggota tentera kita, adakah benar bahawa tujuh belas pegawai-pegawai tinggi telah memohon hendak meletakkan jawatan mereka.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, Tangga Gaji Baharu Angkatan Tentera telah dilaksanakan pada 1hb Ogos, 1972. Semenjak tarikh tersebut sebanyak lima pegawai, (satu Mejar, tiga Kapten dan satu Leftenan) telah dibenarkan berhenti daripada perkhidmatan Angkatan Tentera. Pemberhentian itu tidak ada kaitan langsung dengan pelaksanaan tangga gaji baru itu. Dalam tahun 1972 hanya seorang pegawai tinggi yang berpangkat Bridgediar Jeneral sahaja telah dibenarkan bersara sebelum sampai umur bersara, dan ini telah berlaku sebelum tangga gaji baharu diluluskan oleh Kerajaan.

Oleh yang demikian, adalah tidak benar samasekali bahawa tujuh belas pegawai-pegawai tinggi tentera telah meletakkan jawatan.

Tuan Mustapha bin Hussain: Tuan Yang di Pertua, soalan saya bukan meminta penjelasan samada mereka letak jawatan atau tidak. Soalan saya, adakah mereka memohon meletakkan jawatan oleh kerana Sekim baru itu tak mencukupi.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, jawapan saya tidak benar sebagaimana yang saya jelaskan tadi.

PENTADBIRAN KERETAPI— MENYELENGGARAKAN

15. Dr Chen Man Hin meminta Menteri Perhubungan menyatakan penilaian realistik tentang kebolehan Pentadbiran Keretapi sekarang untuk menyelenggarakan pentadbirannya secara menguntungkan atau sekurang-kurangnya tidak merugikan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, Pentadbiran Keretapi di dalam daya usahanya untuk mencapai taraf perniagaan yang berkeuntungan sedang giat mengambil langkah-langkah bagi memperoleh hasil yang maksima dengan mengeluarkan perbelanjaan yang minima. Ke arah matlamat untuk mengawal perbelanjaannya, Pentadbiran Keretapi memajukan langkah-langkah pelaburan dan mengelolakan pergerakan-pergerakan Keretapi seperti berikut:

- (i) Pengeluaran perbelanjaan sebanyak \$34.5 juta untuk membeli 40 buah kepala keretapi disel bagi mengganti baki 90 buah kepala keretapi wap dan dengan itu rancangan pendiselan keretapi selesai. Kepala keretapi disel ini mempunyai tenaga dua kali ganda besarnya daripada keretapi wap iaitu dapat menarik muatan lebih kurang 1,000 tan dan juga dengan itu akan menjimatkan perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$3 juta setahun di samping memperoleh hasil yang lebih.
- (ii) Pengeluaran perbelanjaan sebanyak \$24.5 juta untuk membeli 900 buah gerabak-gerabak moden bagi mengganti gerabak-gerabak lapuk dan gerabak-gerabak yang tidak berekonomik. Langkah ini akan menjimatkan perbelanjaan dari segi penyelenggaraan dan gerakan seperti mengurangkan angka-angka kegelinciran (derailment) di samping memperoleh muatan yang lebih.

- (iii) Lebih kurang \$25 juta akan dibelanjakan untuk memodenkan sistem perhubungan dan semboyan keretapi bagi mengawal pergerakan teren dengan lebih teratur lagi. Dengan cara ini keretapi akan dapat menambahkan hasilnya lagi.
- (iv) Peruntukan tahunan telah ditambah daripada lebih kurang \$3 juta kepada lebih kurang \$5 juta bagi rancangan pembaharuan dan mengukuhkan lagi landasan keretapi daripada 20 batu setahun kepada 30 batu setahun dan juga perbelanjaan telah dikeluarkan lebih kurang \$1 juta bagi memanjangkan gelung selisih (crossing loop) di beberapa bahagian rangkaian keretapi.
- (v) \$13.4 juta akan dikeluarkan untuk projek pembaikan penjajaran semula (re-alignment) Jalancawang Seremban/Port Dickson untuk keperluan terafik minyak yang dianggarkan akan bertambah dan memberi hasil tahunan yang berlebihan kepada Pentadbiran Keretapi.
- (vi) Setelah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak \$1.7 juta juga untuk pembinaan Pusat Latihan Keretapi telah memulakan perkhidmatannya dengan memberi latihan yang cukup di dalam semua lapangan sebagai persediaan untuk memberi kecakapan kepada pekerja-pekerja keretapi mendapatkan lebih lagi produktiviti.
- (vii) Perbelanjaan juga akan dikeluarkan untuk memberi kemudahan-kemudahan perumahan dan lain-lain yang memuaskan kepada kakitangan-kakitangan Keretapi keseluruhannya sebagai satu langkah untuk menanam semangat dedikasi dan ingin berkhidmat dalam jiwa tiap-tiap kakitangan keretapi.
- (viii) Merentikan perkhidmatan penumpang yang tidak berekonomik melainkan keadaan mendesak untuk keperluan negara. Sebagai contoh Pertadbiran Keretapi dapat mengelakkan kerugian sebanyak \$400,000 setahun apabila perkhidmatan-perkhidmatan penumpang ke Jalancawang Port Klang yang baru direntikan kerana telah ada perkhidmatan bas yang boleh digunakan oleh orang ramai.

Dengan kelengkapan-kelengkapan tersebut di atas Pertadbiran keretapi akan lebih

berkemampuan untuk memainkan peranan yang lebih dalam sistem pengangkutan negara. Dengan kelengkapan ini Pertadbiran Keretapi akan berusaha untuk memperolehi hasil yang bertambah dengan mengatur langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Memperkemas dan membesarkan kelengkapan dan jentera Bahagian Perdagangan supaya Bahagian itu akan dapat mengatur kempen bagi menarik terafik dengan rancak dan dinamis lagi, terutama sekali terafik pukal (bulk) seperti kayu-kayan, pengeluaran daripada Rancangan Jengka, Muda dan Kemubu dan juga muatan-muatan kontainer.
- (ii) Sungguhpun hasil daripada pengangkutan penumpang telah meningkat kepada \$23.3 juta bagi tahun 1972 iaitu melebihi daripada matlamat untuk tahun 1975 yang dianggarkan sebanyak \$21.9 juta Pertadbiran Keretapi akan terus berusaha bagi membolehkan hasil yang berlebihan daripada lapangan ini. Kearah ini Pertadbiran Keretapi merancang untuk mengadakan perkhidmatan disel relkar berhawa dingin yang akan berjalan terus-menerus selama 12 jam daripada Singapura ke Butterworth pergi dan balik.

Langkah-langkah ini adalah diambil dengan perakuan Pakar-pakar Perunding Luar negeri daripada Canada. Mereka sedang berada di sini lagi dan setelah dikaji dengan mendalam oleh Pegawai-pegawai Pertadbiran Keretapi sendiri.

Apa yang saya sebutkan di atas ialah perkara-perkara yang besar yang sedang diselenggarakan oleh Pertadbiran Keretapi. Ada banyak lagi perkara yang sedang dirancang akan dijalankan dan Kementerian saya sendiri pun akan memberi sumbangan kepada Pertadbiran Keretapi untuk menutup kerugian dan mendapatkan keuntungan.

Dengan langkah-langkah yang rancak yang sedang diaturkan oleh Pertadbiran Keretapi di atas saya berpendapat, Insallah Pertadbiran Keretapi akan berkebolehan untuk menyelenggarakan pentadbirannya secara menguntungkan atau sekurang-kurangnya dapat mengawal ekonominya dan tidak berkerugian menjelang tahun 1978.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat

Menteri Perhubungan menerangkan kepada Dewan ini mengenai tugas-tugas seorang delegasi daripada Canada yang dikatakan sebagai pakar yang sedang menyiasat sistem keretapi negara kita. Sudahkah pakar itu membuat laporan dan adakah Kabinet menerima atau menolak laporan itu dan apakah kandungan laporan itu, diharap Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu Dewan ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, pakar-pakar dari Canada sedang menjalankan penyiasatan dan mereka itu pakar praktikal bukan pakar tiori sahaja. Mereka juga akan membuat summary jika ada sesuatu yang tidak dapat dijalankan mengikut short term, itu juga akan diberitahu, tetapi kita belum terima daripada mereka dan mereka itu masih ada di sini. Tetapi dalam pandangan praktikal yang sudah kita jalankan satu daripadanya ialah wang sebanyak \$400,000 telah dapat diselamatkan iaitu pemberhentian perjalanan yang tak ekonomik ke Klang itu.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Saya nampak keretapi kita bukan sahaja mahu beri ekonomi, tetapi mahu beri kesenangan rakyat yang miskin berjalan dari satu tempat ke satu. Tetapi saya nampak dari Port Klang hingga ke Kuala Lumpur, tiap-tiap pagi dan petang beribu-ribu orang penumpang tunggu bas tidak dapat, dengan sebab itu Pentadbiran Keretapi mengadakan transport untuk digunakan. Sekarang ini Kerajaan sudah tarik balik transport system daripada Port Klang ke Kuala Lumpur. Bolehlah Yang Berhormat Menteri fikir bahawa transport yang macam dahulu itu janganlah kita pandang dari segi ekonomi sahaja, tetapi hendaklah kita pandang kesenangan rakyat juga.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tak patut saya jawab lagi. Saya sudah jawab dengan panjang lebar. Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat ini cakap masaalah beribu-ribu. Cubalah beri saya statistik yang betul. Saya kata average 24 jam perjalanan kita sebab itu keretapi tak boleh dapat untung tetapi pihak perjalanan bas telahpun diusahakan, ditambah, dan kalau Ahli Yang Berhormat itu ada bukti, tolonglah berhubung dengan Pendaftar Kereta-kereta Jentera (Registrar of Motor Vehicles) Selangor. Kita akan adakan berapa banyak bas-bas asalkan ada penumpangnya.

Tuan V. David: Yang Berhormat Menteri kata beberapa buah bas telah ditambah dengan sebab itu perjalanan keretapi dari Port Klang ke Kuala Lumpur ditutup.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya dapat pengakuan daripada dua kompeni bas, iaitu Bas Sri Jaya dan juga Bas Klang akan mengadakan beberapa buah bas lagi, akan ditambahkan, kalau kurang, tetapi saya mintalah bukti-bukti, tidaklah cakap sahaja.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah terbayang kepada fikiran Menteri Perhubungan jika keretapi ini merugikan negara setiap tahun akan ditutupkan supaya tidak menjadi bebanan?

Tuan Yang di Pertua: Kalau tanya fikiran tak boleh jadi.

Tuan Hashim bin Gera: Terima kasih.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Menteri Perhubungan menyatakan sebab-sebab keretapi dari Klang ke Kuala Lumpur ditamatkan atau diberhentikan oleh sebab kerugian. Adakah Menteri Perhubungan sedar tiap-tiap tahun keretapi pun ada rugi. Kalau mengikut lojik Menteri Perhubungan, maka keretapi diseluruh Malaysia Barat pun perlu ditutup atau diberhentikan oleh sebab rugi tiap-tiap tahun. Bolehkah Menteri Perhubungan menjelaskan lojik itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat dari Batu patut menggunakan sedikit fikiran. Kalau tak tahu, tanya dahulu. Tiap-tiap line keretapi yang tak banyak digunakan, tentu rugi. Apabila rugi kita kena bayar juga kepada keretapi. Jadi kita stop, tetapi saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Batu dan Dato Keramat dan lain-lain lagi supaya jangan pandai kritik sahaja. Dia tak fikir dahulu. Perhubungan penumpang (passenger) keretapi dari Kuala Lumpur pergi ke Singapura dengan railcar, untung. Perjalanan perkhidmatan keretapi dari Kuala Lumpur pergi ke Butterworth dengan railcar, untung. Sebab itu, bila perjalanan railcar itu rugi, kita berhentikan, kita jalankan railcar itu dari Kuala Lumpur ke Johor dan Butterworth, lebih untung lagi. Sebab itu kita rancangkan. Dia tak dengar jawapan saya. Kita hendak rancangkan sebuah railcar yang

besar yang ada airconditioned 12 jam terus-menerus dari Singapura sampai ke Butterworth. Mengikut World Bank adalah ekonomik, jadi keretapi passenger kita jalankan dan tentang membawa barang-barang, ini kita untung. Mana yang tak untung, kita akan tutup. Jangan hendak salahkan keretapi. Rugi salah, untung salah, mana satu yang betul? Saya rasa lebih baiklah untung, tetapi dasar kita ialah "The railway must be run on a commercial basis" "Keretapi mesti dijalankan dengan berdasar commercial bukan national service".

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, saya pun menyokong pandangan Menteri Perhubungan the Railway must be run on the commercial basis, itu saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya. Apa saya hendak tanya kepada Menteri yang berkenaan bila railway will be run on the commercial basis and show profit.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Jawapannya untung.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah jawab tadi, tahun 1978 targetnya.

Tuan V. David: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, tiket-tiket kelas tiga, kalau didapati 100 tempat kosong, tiket dijual 200. Bukan macam manusia bila ada orang yang naik, kita hantar mereka dalam coach-coach itu untuk pergi ke Butterworth atau Singapura. Bolehkah Yang Berhormat Menteri siasat, bila kita beri transport, kita pun memberi kesenangan, sebab kita ambil wang daripada rakyat, bukankah railway sebagai commercial undertaking, ini satu badan Kerajaan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat itu berdiri bersama-sama saya di keretapi waktu hendak merayakan Hari Thaipusam atau hendak hariraya kelak. Kita tahu satu gerabak itu boleh muat barangkali 50, tetapi orang ini berkata, asal dapat tiket saya berdiri tidak apalah. Kita tidak boleh sekat, tetapi kita akan tambah coach-coach, dan apabila terlampau banyak, kosong—terlampau kurang, rugi pula. Kita akan selidiki atas perkara ini. Kalau Ahli Yang Berhormat ini tengok sendiri, tanya orang itu, baharu tahu, jangan kata kita hendak jadikan penumpang-penumpang macam ikan sadin. Tidak ada satu orang

hendak bayar duit hendak jadi sadin. Saya pun nama Sardon dan bukan hendak menyiksakan penumpang-penumpang macam sadin (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan menyatakan keretapi akan menunjukkan keuntungan pada tahun 1978, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan sebelum kita tiba pada tahun 1978, berapa juta Keretapi akan rugi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak boleh jawab agak-agak. Kita tiap-tiap tahun ada buat kira-kira, ini dia tanya saya agak-agak, buat apa? (*Ketawa*) I cannot give you an opinion in this Honourable House, thank you.

Dr Tan Chee Khoon: Bukan opinion, estimate, Menteri

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Beliau jawab tidak boleh beri, cukup setakat itu.

Tuan V. David: Tetapi Yang Berhormat Menteri selalu cabar, kita tidak tengok di stesyen keretapi, dua minggu dahulu saya sendiri ada pergi di Stesyen, nampaknya tidak ada coach. Tetapi sebelum Yang Berhormat Menteri itu menjadi Menteri Kesihatan, ada juga Menteri Pengangkutan selalu dalam suratkhbar kita nampak Menteri ini

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa soalnya? (*Ketawa*).

Tuan V. David: Saya mahu tahu samada Yang Berhormat Menteri, bila Yang Berhormat itu telah menjadi Menteri Pengangkutan, berapa coach kita telah beli dari Jepun? Selalu kita nampak ada lawatan dibuat pergi ke Jepun untuk membeli coach, tetapi sekarang tiap-tiap station master kata tidak ada cukup coach, tidak boleh jalan, kita tidak boleh ambil passengers. Beritahu berapa coach kita sudah dapat, yang telah dibeli, dan lagi berapa yang kita hendak tambah. Ini tidak guna expert dari Canada, kita sendiri boleh buat.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kita minta peruntukan, berapa lama kita hendak dieselise, ada stages: first stage, second stage. Kalau hendak beli \$500 juta darimana duit

itu hendak datang? Bukan kita tidak minta, kita minta, tetapi Treasury telah allot benar-benar atau hadkan sekian-sekian. Itu sebab saya berkata on "record" we got 900 wagons in the history of the railway in Malaysia. Tidak cukup lagikah itu, apa lagi hendak. Tetapi bila hendak sampai, kenalah tunggu. Keretapi ini tidak boleh angkat sekali gus 900 wagons. Ahli Yang Berhormat ini fikir ada magic words, saya kata 900 wagons yang hendak datang ke mari serta-merta. Sabarlah dahulu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, loco kita di Kuala Lumpur, tidakkah boleh kita taruh lebih daripada 50 coach? Coach-coach yang lebih mana kita hendak simpan?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ini telah melarat, melarat lebih daripada yang ditentukan.

MELAPURKAN KEUNTUNGAN FIRMA—REAKSI

16. Dr A. Soorian minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah reaksi firma-firma yang besar di negeri ini ke atas seruan Kerajaan supaya melaburkan semula keuntungan-keuntungan mereka di negeri ini bagi meninggikan perkembangan ekonomi Malaysia dan mengatasi masalah pengangguran.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, oleh kerana kekurangan data pada masa sekarang dukacita saya tidak dapat menyatakan dengan tepat setakat mana Kerajaan telah berjaya di dalam seruannya kepada pihak swasta supaya mereka melaburkan semula keuntungan mereka di Malaysia. Walau bagaimanapun, adalah diketahui bahawa ada beberapa syarikat yang telahpun berbuat demikian.

KAJIAN PENDAPATAN PETANI- PETANI DI PERAIRAN MUDA

17. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau telah membuat kajian perangkaan terhadap kehidupan dan pendapatan petani-petani di kawasan Perairan Muda selepas rancangan penanaman padi dua kali setahun dijalankan dan samada pendapatan seseorang petani itu seimbang dengan usaha dan perbelanjaannya.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, kajian sedang dijalankan di kawasan Perairan Muda bagi mendapat perangkaan terhadap kehidupan dan pendapatan petani-petani. Kementerian Pertanian dan Perikanan telah menerima bantuan kewangan dan teknikal dari Pertubuhan Makanan dan Pertanian/Lembaga Antarabangsa bagi pemulihan dan Pembangunan (F.A.O./I.B.R.D.) supaya Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menjalankan satu kajian penilaian ekonomi dengan tujuan mencatatkan kesan dan imek (impact) Rancangan Perairan Kawasan Muda ke atas petani-petani khususnya dan ke atas ekonomi tempatan amnya di sekitar kawasan itu. Sehingga kajian-kajian yang dijalankan itu sempurna diselesaikan maka jawapan seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat ini belumlah lagi boleh diberi.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa double-cropping system penanam padi banyak menggunakan insecticide dan germicide to boost Malaysia's economic growth dan dengan sebab itu banyak ikan di parit dan sawah telah mati. Kalau sedar, apakah tindakan Kerajaan akan ambil hendak correct the balance of nature dan menghidupkan pendapatan petani-petani di Kawasan Muda?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, perkara ini masih dalam siasatan lagi. Setelah selesai baharulah kita dapat menilai samada kematian ikan-ikan ini menandatangani kerugian kepada petani ataupun menguntungkan disebabkan kelebihan pendapatan padi.

EJENSI PEMASARAN LADA HITAM— PENUBUHAN

18. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada Kerajaan Persekutuan akan mendesak FAMA supaya menubuhkan ejensi pemasaran lada hitam di Pusat-pusat Bahagian di Sarawak di mana lada hitam adalah salah satu daripada hasil-hasil pertanian yang utama untuk membantu pengeluaran-pengeluaran lada hitam memasarkan lada hitam dengan harga yang lebih baik dan mengelakkan daripada melalui terlampau ramai orang-orang tengah.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah menubuhkan Jemaah Pemasaran Lada Hitam yang beribupejabat di Kuching untuk mengawal perdagangan lada hitam di Malaysia dan oleh itu ejensi pemasaran lada hitam yang lain tidaklah perlu di tubuhkan di pusat-pusat Bahagian di Sarawak. Jemaah ini akan menubuhkan pusat-pusat memproses dan mengred lada hitam di kawasan-kawasan mengeluarkan lada hitam yang besar di Sarawak, misalnya dekat Kuching dan Sarikei sebagai langkah permulaan menjaga masalah-masalah perdagangan lada hitam di Sarawak. Walaupun ada terdapat beberapa orang-tengah atau peraih-peraih, bilangan pengeluar-pengeluar yang menjual melalui mereka adalah kecil. Malahan kebanyakan pengeluar-pengeluar dapat menjualkan terus kepada pemborong-pemborong dan tidak melalui peraih-peraih. Pengeluar-pengeluar yang menjual kepada peraih-peraih hanya terdapat di tempat-tempat terpencil di mana cuma sedikit lada hitam dikeluarkan dan dimana kos pengangkutan adalah tinggi.

Tuan Valentine Cotter: Tuan Yang di Pertua, samada Kerajaan Persekutuan akan dapat beri jaminan supaya harga lada hitam itu ditetapkan pada harga yang paling rendah?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, harga lada hitam adalah ditetapkan mengikut pasaran dunia dan bukan diletak ataupun ditetapkan oleh FAMA.

TANAMAN MODAL LUAR NEGERI

19. Tuan Loh Jee Mee (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah modal yang telah ditanamkan oleh syarikat-syarikat asing pada tahun 1972.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya hanya boleh memberikan maklumat mengenai jumlah modal yang dilaburkan dalam sektor perindustrian sahaja. Sehingga bulan September, 1972 projek-projek perindustrian yang telah diluluskan ialah 238 buah dan jumlah modal terkumpulnya dianggarkan sebanyak \$228.8 juta. Daripada ini, modal dari luar negeri dianggarkan berjumlah \$87.2 juta (atau 38%).

MAJLIS PEMINDAHAN DARAH KEBANGSAAN

20. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah telah terjadi kepada Majlis Perkhidmatan Tabung Darah Kebangsaan yang telah dilancarkan pada 13-1-1969 di Kementerian Kesihatan, Kuala Lumpur.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, dari semenjak mesyuarat pembukaan Majlis Pemindahan Darah Kebangsaan pada 13.1.1969, satu Jawatankuasa Sementara yang mengandungi tujuh orang ahli telah ditubuhkan untuk mengkaji Undang-Undang Tubuh Majlis itu dan telah bermesyuarat hanya sekali sahaja pada 20-2-1969. Adalah saya memahami bahawa mungkin keadaan yang ada sekarang ini ialah disebabkan oleh pengeliruan dalam menamakan Majlis itu "Majlis Pemindahan Darah Kebangsaan" dan bukannya "Persatuan Penderma-penderma Darah Kebangsaan."

Pada pendapat saya dari aspek perkhidmatan, Pemindahan Darah Kebangsaan itu adalah perkara yang berkaitan dengan segi teknik yang tinggi, ianya hendaklah semata-mata menjadi tanggungjawab Kementerian saya di bawah arahan teknik seorang Pengarah Perkhidmatan Pemindahan Darah. Seorang Pengarah telah pun dilantik. Dari segi mendapatkan Penderma Darah, perkara ini sewajarnya adalah menjadi tanggungjawab orang awam dan beberapa badan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang telah menyumbangkan perkhidmatan yang terpuji dalam bidang ini. Walaubagaimanapun Kementerian saya akan tetap berhubung rapat dan menyelaraskan kerja-kerja badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela itu.

Dr Chen Man Min: Tuan Yang di Pertua, saya hendak minta daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan adakah Yang Berhormat Menteri sedar di dalam Malaysia ada black marketing mengenai pemindahan darah? Kalau sedar, apakah langkah Kementerian beliau akan ambil untuk mengatasi masalah ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar ada, tetapi saya telah memberi nasihat kepada orang ramai supaya menderma (donate) darah dengan

semangat sukarela untuk menolong pesakit-pesakit kita dan juga persatuan-persatuan yang berkenaan telah bekerja dengan ber-sungguh-sungguhnya untuk mendapatkan lebih ahli lagi untuk mendermakan darah kepada Blood Bank kita.

MENYIARKAN BERITA DI TALIVISYEN

21. Dr Tan Chee Khoon (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan mengapa penggambaran TV hanya meliputi Menteri-menteri sahaja ketika mereka menjalankan upacara-upacara pembukaan tetapi tidak pula kepada orang lain.

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Yang di Pertua, tidaklah betul tuduhan Yang Berhormat itu. Dasar Kementerian ini ialah menyiarkan berita-berita yang difikirkan penting untuk rakyat. Suka saya hendak tegaskan bahawa "coverage" adalah bukan untuk seseorang Menteri, tetapi ialah kejadian-kejadian atau kerja-kerja dan projek-projek yang dijalankan untuk orang ramai.

HOSPITAL DAERAH PEKAN SERIAN—PEMBINAAN

22. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan Pusat akan membina sebuah Hospital Daerah di Pekan Serian di Bahagian Pertama Sarawak untuk memberi perkhidmatan kepada 50,000 orang rakyat di Daerah Ulu Sadong di Sarawak.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, plan untuk hospital Daerah Serian sedang di dalam perhatian Pejabat Kerja Raya, negeri Sarawak. Pembinaan akan di jangka bermula dalam bulan Mac 1973 dan hospital ini akan siap dalam masa setahun.

PERSEIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN KANAN

23. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah beliau sedar bahawa terdapat tidak perseimbangan di dalam kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan kanan di kalangan orang-orang bukan iktis di Jabatan Kesihatan di

Sarawak antara bumiputra dan bukan—Bumiputra. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan tidak seimbang ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, saya ketahui tentang adanya tidak seimbang itu. Ini patutlah diketahui iaitu tidak seimbang itu telah berlaku beberapa tahun lalu dan dari pemerintah penjajah British. Sungguhpun demikian supaya peraka ini diperbetulkan keutamaan adalah diberi kepada bumiputra-bumiputra dalam urusan pemilihan jawatan-jawatan, urusan latihan dan juga urusan kenaikan pangkat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri Kesihatan menjelaskan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk melatih bumiputra-bumiputra daripada Sarawak di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya dan di Universiti Kebangsaan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, berkaitan dengan latihan bagi pekerja-pekerja bumiputra untuk berkhidmat di hospital Sarawak, jawapan daripada saya sudah diterangkan. Keutamaan adalah diberi kepada bumiputra-bumiputra dalam urusan-urusan pemilihan jawatan-jawatan, urusan latihan dan juga urusan kenaikan pangkat. Inilah langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Ada berapa orangkah yang bukan iktisas di Jabatan Kesihatan Sarawak?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain walaupun saya boleh jelaskan, tetapi saya minta notis.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju iaitu dalam masaalah kenaikan pangkat, dasar yang telah diterima oleh Kerajaan ialah keutamaan itu hanya akan diberi jikalau kedua-dua calon itu mempunyai pengalaman yang serupa dan seniority yang serupa; maksud saya ialah seorang anak bumiputra itu tidak harus diangkat untuk mengganti kumpulan yang bukan bumiputra semata-mata untuk menyeimbangkan kenaikan senior posts; kalau ini berlaku akan timbullah tidak puashati di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan ini akan menyusahkan lagi di dalam negeri itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya akan mengkaji daripada beberapa segi untuk mengatasi perseimbangan itu, dan inilah yang saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu dalam Dewan ini iaitu Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah. Saya harap langkah ini bukan sahaja untuk mengatasi perseimbangan ini dalam jangka masa yang pendek, tetapi juga terpaksa mengambil masa yang panjang sedikit.

SAHAM SYARIKAT/PERUSAHAAN— MENETAPKAN

24. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar bahawa dasar Kerajaan yang menetapkan bahawa 51% daripada saham dalam syarikat-syarikat/perusahaan-perusahaan yang ditubuhkan oleh pelabur-pelabur luar negeri dalam negara ini mestilah dipunyai oleh rakyat Malaysia itu selalunya tidak dipatuhi dan ini menjadikan dasar itu tidak penting lagi; jika benar, sila nyatakan bilangan syarikat/perusahaan yang tidak mematuhi dasar tersebut.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, setakat mana yang saya ketahui dan juga berasaskan kepada keterangan-keterangan dan maklumat-maklumat yang ada di Kementerian ini, adalah tidak benar bahawa ada syarikat-syarikat yang tidak mematuhi syarat 51% daripada saham-saham mereka untuk diperuntukkan kepada rakyat Malaysia. Kementerian saya mengawasi dengan rapi syarikat-syarikat yang dikenakan syarat ini. Syarikat-syarikat yang telah diberi kelulusan adalah dikehendaki mengemukakan ke Kementerian ini maklumat-maklumat yang tertentu dan syarikat-syarikat yang tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan akan diketahui berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang dikemukakannya itu.

Bagaimanapun jika Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat tentang syarikat-syarikat yang tidak mematuhi syarat itu, saya berharap Yang Berhormat dapat mengemukakan nama dan alamat syarikat-syarikat berkenaan untuk membolehkan saya menyiasat tentang perkara ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Peraturan ini pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bercadang hendak meminda atau membuat satu pemikiran bahawa disebabkan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di luar negeri pada suatu ketika di mana peraturan ini tidak begitu penting dan juga dengan satu ulasan yang dibuat oleh sebuah majallah luar negeri yang mengatakan bahawa dasar ini tidak begitu diamalkan sangat bagi membolehkan pelabur-pelabur asing datang ke sini, adakah itu benar?

Tuan Musa Hitam: Soalan yang dikemukakan tadi ialah berhubung dengan perlaksanaan syarat-syarat yang telah dikenakan, jadi soalan yang baharu ditanyakan itu ialah soalan lain.

SISTEM MENYEBERANG SUNGAI— JAMBATAN

25. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kerjaraya dan Tenaga menyatakan bilakah sistem menyeberang sungai-sungai dengan jambatan-jambatan akan dilaksanakan di Malaysia dan mengapa hanya selepas berlaku trajidi Parit Buntar/Bandar Baru, baru kita kedengaran rancangan hendak membina jambatan di sana.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, saya telah menjawab satu soalan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Seremban Timur pada 7-12-1972 mengenai perkara yang sama. Oleh yang demikian sukacita jika Ahli Yang Berhormat dapat merujuk kepada jawapan yang saya berikan itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan soalan 25 iaitu berkenaan dengan jambatan Parit Buntar/Bandar Baru, di dalam Dewan ini kita cuma dengar sahaja akan dibuat satu jambatan baharu, tetapi di kawasan itu belum ada lagi jambatan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa pertanyaan Ahli Yang Berhormat?

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak tahu, bilakah hendak dibuat jambatan itu? Kita dengar sahaja, tetapi tidak ada. Bila hendak disiapkan, bila hendak buat, bila hendak didirikan? (*Ketawa*).

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri maklum, jika kita membuat sesuatu projek yang semacam ini tentulah kita kena membuat rekabentuknya dahulu, sesudah itu baharulah dapat kita buat. Takkanlah sesudah kita bina jambatan itu, baharu kita buat rekabentuknya. Jadi rekabentuk ini sudah hampir selesai, pembinaanya akan kita mulakan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Ng Hoe Hun: Bila? (*Ketawa*).

Tuan Yang di Pertua: Dia sudah jawab iaitu seberapa cepat yang boleh.

PERKHIDMATAN FERI DENGAN JAMBATAN—MENGGANTIKAN

26. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kerjaraya dan Tenaga menyatakan samada beliau telah membuat tinjauan bersama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai bilangan jambatan-jambatan yang perlu dibina di sungai-sungai kecil di kawasan-kawasan luar bandar, jika ya, adakah peruntukan bagi pembinaan jambatan-jambatan ini telah disediakan, jika belum samada beliau akan menanti berlakunya lagi sesuatu trajidi seperti di Sungai Krian.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, seperti yang sudah saya katakan berkali-kali di dalam Dewan yang mulia ini memanglah menjadi satu polisi Kerajaan Persekutuan bagi menggantikan perkhidmatan-perkhidmatan feri dengan jambatan-jambatan tetap mengikut keutamaan serta punca-punca kewangan yang ada. Bagi pihak Kerajaan Persekutuan tindakan-tindakan pembinaan jambatan-jambatan tetap di Temerloh, Endau, Sabak, Jerantut dan Kuala Selangor bagi menggantikan perkhidmatan-perkhidmatan feri sedang dijalankan. Saya percaya pihak Kerajaan Negeri juga sedang mengambil tindakan yang sama berpandukan kepada keutamaan projek-projek itu serta kedudukan kewangan masing-masing. Satu-satu trajidi yang berlaku seperti yang berlaku di Sungai Krian itu menurut fikiran saya adalah di luar daripada kawalan kita.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi pertanyaan No. 27 hingga 40 adalah diberi di bawah ini).

KAIN BUATAN MALAYSIA

27. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, memandangkan kepada kontrek-kontrek yang ditandatangani baru-baru ini di Eropah bagi menjual kain buatan Malaysia bernilai \$140 juta, langkah-langkah yang beliau telah ambil atau akan ambil untuk menentukan supaya pengguna-pengguna di Malaysia Barat mendapat cukup bekalan kain-kain berharga murah yang diimpot.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Dr Ismail Al-Haj): Perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh pengeluaran-pengeluar kain Malaysia semasa lawatan Rombongan Perdagangan Kain ke Eropah baru-baru ini adalah terhadap kain-kain yang bermutu tinggi dan yang mahal harganya. Keupayaan pengeluaran kain perusahaan tempatan adalah cukup untuk memenuhi "demand" tempatan terhadap kain-kain yang murah. Sungguhpun begitu, impot kain-kain berharga murah adalah dibenarkan dan pengguna-pengguna adalah bebas memilih di antara kain yang diimpot dengan kain yang dikeluarkan di negeri ini.

PERISTIWA PEMBUNUHAN— SEBAB BERLAKU

28. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab utama berlakunya peristiwa pembunuhan dahsyat enam orang pasukan keselamatan Thai yang menjadikannya peristiwa antarabangsa, dan samada langkah-langkah beringat-ingat telah diambil untuk mengelakkan kesilapan seperti ini berlaku lagi di masa akan datang.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Kejadian yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu telah berlaku pada 12hb Oktober, 1972 pada jam lebih kurang 7 petang. Pada waktu itu satu pasukan keselamatan telah menyediakan satu kedudukan seranghendap di satu tempat kira-kira 3½ batu di timur laut Kroh—lebihkurang satu batu dari sempadan Malaysia/Thai. Kawasan ini ialah di dalam kawasan operasi di mana

perintah berkurung selama 24 jam dikuatkuasakan. Ketika itu beberapa orang yang berpakaian pereman dan bersenjata telah memasuki kawasan seranghendap itu dan pasukan keselamatan yang berada di situ telah melepaskan tembakan. 6 orang telah didapati terbunuh dalam seranghendap itu. Pada mulanya peristiwa itu disangkakan satu kejadian pasukan keselamatan tetapi apabila disiasat didapat kejadian itu telah menimbulkan satu trajedi yang sangat-sangat dikesalkan. Mereka yang mati itu bukannya penganas komunis sepertimana yang disangkakan oleh Pasukan Keselamatan tetapi sebenarnya adalah rakyat Thai. Mayat keenam-enam orang yang terbunuh itu telah diserahkan kepada pihak berkuasa Thai pada hari mayat-mayat itu dikeluarkan dari kawasan seranghendap itu.

Pada masa ini kita sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa Kerajaan Thai untuk menentukan tindakan-tindakan yang pratikal dan berkesan yang perlu diambil bagi mengelakkan dari berlakunya kejadian-kejadian seperti ini di masa-masa yang akan datang.

PROSPEKTUS SYARIKAT MENGENAI SAHAM

29. Dr A. Soorian minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan syarikat-syarikat yang telah diminta memberikan keterangan-keterangan kenapa mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam surat peridarannya dan di antara syarikat-syarikat ini berapakah yang telah memberikan keterangan-keterangan yang tidak memuaskan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Pendaftar Syarikat telah menghantar surat kepada semua syarikat yang ditubuhkan di Malaysia yang sahamnya diniagakan menerusi Pasaran Saham Malaysia dan Singapura meminta mereka memberi keterangan berkenaan dengan kemajuan masing-masing mengikut apa yang telah dijanji di dalam prospektus yang dikeluarkan waktu syarikat-syarikat ini membuat tawaran saham-sahamnya kepada orang ramai. Semua syarikat ini telahpun mematuhi permintaan Pendaftar Syarikat.

Setakat ini didapati enam buah syarikat yang tidak sampai ke matlamat yang diramalkan di dalam prospektus, dan syarikat-syarikat ini telahpun diminta memberikan keterangan-keterangan kenapa mereka tidak dapat memenuhi janji-janji tersebut.

Dua daripada syarikat-syarikat ini telah pun memberi jawapan dengan panjang-lebar dan kandungannya telah dikaji dengan teliti dan didapati memuaskan. Sebuah syarikat belum lagi memberi jawapan dengan sepenuhnya oleh sebab syarikat ini sekarang sedang diatur semula selepas diambil alih oleh jumaah pengurus baharu. Tiga buah syarikat belum lagi menjawab dan mereka telah diberi tempoh hingga 31hb Januari 1973 untuk berbuat demikian.

Pada masa ini prospektus syarikat-syarikat yang lain sedang dikaji dengan teliti dan sekiranya syarikat-syarikat itu didapati tidak menepati janji-janji yang dikemukakan di dalam prospektus masing-masing, syarikat-syarikat ini juga akan diminta memberi keterangan-keterangan sepenuhnya.

TANDA HARGA BARANG-BARANG

30. Dr A. Soorian minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan oleh kerana penguatkuasaan tanda harga pada barang-barang tidak dapat menghalang kenaikan harga barang-barang itu, apa tindakan yang akan diambil oleh Suruhanjaya Harga bagi mengatasi masalah ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya telahpun beberapa kali menerangkan di dalam Dewan ini bahawa soal kenaikan harga tidaklah boleh diatasi dengan peraturan tanda harga sahaja. Penentuan harga adalah ditentukan oleh dua faktor iaitu penawaran dan demand. Sebarang langkah yang bertujuan mengawal harga boleh dilaksanakan berasaskan kepada kedua-dua faktor ini. Yang demikian, berasaskan hakikat ini Kementerian menentukan harga-harga yang munasabah dengan mengwujudkan keadaan-keadaan yang menggalakkan persaingan seperti meluluskan taraf perintis dan lain-lain galakan kepada sebanyak mungkin projek perindustrian di dalam sesebuah perusahaan. Lain-lain langkah tambahan sedang diambil termasuklah langkah-langkah mengekalkan harga-harga mengikut paras-paras yang diluluskan oleh Kerajaan dan juga mendapatkan kelulusan daripada saya terlebih dahulu sebelum sesuatu perubahan ke atas harga hendak dikuatkuasakan.

Saya sukalah memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa kenaikan harga akan hanya dibenarkan sekiranya didapati ianya tidak boleh dielakkan dan selepas menentukan setakat mana beban kenaikan harga itu boleh diserap oleh perusahaan tersebut dan juga menimbang kesan-kesan kenaikan harga yang berkenaan kepada pengguna-pengguna.

BUKU/MAJALLAH CINA— KEBENARAN MASUK

31. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan buku-buku dan majallah-majallah dari Republik Rakyat Cina yang dibenarkan di bawa masuk dan bilangan buku-buku dan majallah-majallah yang diharamkan daripada dibawa masuk pada tahun 1972.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kedudukannya daripada Januari, 1972 hingga 13.11.72 adalah seperti berikut:

- (a) 4 jenis buku telah dibenarkan di bawa masuk dari Republik Rakyat Cina manakala 6 jenis tidak dibenarkan di bawa masuk;
- (b) Majallah-majallah yang dibenarkan di bawa masuk ialah majallah-majallah China Pictorial keluaran 2, 3, 4, 7 dan 10 manakala majallah-majallah yang tidak dibenarkan di bawa masuk ialah China Pictorial keluaran 1, 5, 6, 8 dan 9.

POLIS TERHADAP ORANGRAMAI— KEKASARAN

32. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada:

- (a) beliau sedar bahawa kejadian-kejadian kekerasan anggota-anggota Polis terhadap orangramai sedang menjadi-jadi dari sehari ke sehari; dan
- (b) adakah menjadi dasar Kerajaan bersabar atau sengaja membenarkan pihak Polis dengan cara tiada rasmi menggunakan kekerasan kepada orang-orang yang disyaki dalam sesuatu kesalahan atau orang-orang yang ditahan di bawah sebarang Undang-undang.

Tun Dr Ismail Al-Haj:

- (a) Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu adalah satu tuduhan yang liar sahaja. Setahu saya tidak ada anggota-anggota Polis yang melakukan kekerasan terhadap orangramai.
- (b) Bukanlah menjadi dasar Kementerian saya membenarkan pihak Polis menggunakan kekerasan ke atas sesiapa jua. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang tulin bagi memperkukuhkan tuduhannya, harap kemukakan kepada Kementerian saya supaya perkara ini dapat disiasat dengan cara mendalam bagi tindakan-tindakan tegas diambil terhadap anggota-anggota Polis yang terlibat.

PENGARAH PENCEGAH RASUAH

33. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandang kepada hal Tuan Hakim Harun bin Hashim sebagai Pengarah Pencegah Rasuah telah berjaya mengurangkan kejadian-kejadian rasuah, maka adakah beliau bercadang hendak mengembalikan jawatan Pengarah Pencegah Rumah itu kepada Tuan Hakim Harun bin Hashim.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tidak.

LAWATAN KE NEGARA SOSIALIS EROPAH TIMUR

34. **Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada syarat-syarat yang dikenakan ke atas lawatan-lawatan ke negara-negara sosialis Eropah Timur bagi tujuan pendidikan atau sebaliknya akan dikendurkan dimasa hadapan sebagai hasil daripada lawatan beliau ke negara-negara Sosialis di Eropah Timur dan perjanjian-perjanjian yang dicapai di sana.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Paspot Malaysia sekarang ini berlaku untuk melawat, samada lawatan tersebut lawatan biasa ataupun lawatan pendidikan, ke semua negara-negara Sosialis di Eropah Timur kecuali Jerman Timur dan Albania.

SJIL KERAKYATAN—BAYARAN

35. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

menyatakan bayaran yang dikenakan sekarang untuk mendapat Sijil Kerakyatan dan samada Kerajaan bercadang hendak menaikkan bayaran tersebut.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Bayaran yang dikenakan untuk Sijil Kerakyatan yang dikeluarkan di bawah Peraturan 30 (1) Aturan-aturan Kewarganegaraan 1964 ialah seperti berikut:

- (a) tiap-tiap satu Sijil Kerakyatan yang dikeluarkan di bawah Aturan 30 (1) dikenakan bayaran asas sebanyak \$1;
- (b) bagi Sijil Kerakyatan yang dikeluarkan di bawah Perkara 19 Perlembagaan pula bayaran tambahan sebanyak \$100 adalah dikenakan.

Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan bayaran-bayaran ini.

PERTUBUHAN AL-FATAH DI KUALA LUMPUR

36. **Tuan V. David** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) bilangan warganegara-warganegara asing yang bertempat di Ibu Pejabat Al-Fatah di Bangunan UMNO, Kuala Lumpur; dan
- (b) samada beliau akan menimbang membenarkan pergerakan-pergerakan pembebasan yang lain mengadakan pejabat-pejabat mereka di Malaysia seperti Badan Pembebasan Kebangsaan Vietnam dan juga Pergerakan Pembebasan Afrika Selatan.

Perdana Menteri:

- (a) Pejabat Al-Fatah tidak ditempatkan di Bangunan UMNO. Pertubuhan Al-Fatah mempunyai seorang sahaja wakil di Kuala Lumpur.
- (b) Tidak ada apa-apa permohonan pun diterima daripada kedua-dua pertubuhan tersebut dan oleh itu saya tidak dapat menjawab soalan ini. Jika dan bila permintaan dibuat oleh mana-mana pertubuhan, ianya akan dipertimbangkan di dalam context permintaan tersebut.

SURAT PENGAKUAN—ANUGERAH PINGAT-PINGAT

37. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa surat-surat pengakuan yang diberi kepada seseorang oleh Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan orang-orang yang dianugerahi pingat-pingat oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong, Baginda-baginda Sultan dan T.Y.T. Gabenor-gabenor tidak dihargai dan dihormati langsung oleh pihak yang ditujukannya; jika sedar, samada beliau akan mengeluarkan satu arahan supaya surat-surat pengakuan yang diberi oleh orang-orang tersebut akan diberi layanan yang tinggi.

Perdana Menteri: Saya sedar bahawa ada orang-orang kenamaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu suka memberi perkhidmatan mereka kepada orang awam dengan jalan memberi surat-surat akuan kepada pihak-pihak yang berkuasa.

Surat-surat akuan ini biasanya ditujukan kepada pihak-pihak yang berkuasa seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkuasa bagi menimbangkan satu-satu permohonan. Dalam perkara ini haruslah diingat bahawa badan-badan berkuasa seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, adalah bebas dalam menjalankan kuasa-kuasanya dan kriteria pemilihan calon-calon bagi satu-satu jawatan adalah atas "merit" calon-calon itu dan tidak kepada sokongan-sokongan orang-orang kenamaan.

Walau bagaimanapun, surat-surat akuan daripada orang-orang kenamaan tentang latar belakang atau kelakuan baik seseorang calon adalah diterima oleh badan-badan berkenaan, akan tetapi adalah tidak bijak bagi orang-orang kenamaan itu memberi akuan bahawa seseorang calon layak untuk satu-satu jawatan. Kelayakan seseorang calon dan pemilihannya akan ditentukan oleh pihak badan yang berkenaan sendiri dan tidak patut dipengaruhi oleh sesiapa pun.

Dengan keterangan ini saya fikir adalah tidak wajar bagi saya mengeluarkan arahan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA

38. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilakah Malaysia bercadang untuk keluar dari Peraturan Pertahanan Lima Negara yang telah ditubuhkan dalam tahun 1968.

Perdana Menteri: Saya telahpun menjawab soalan serupa ini beberapa kali dalam Dewan ini dan saya tidak ada apa-apa untuk ditambah.

PERJANJIAN EKONOMIK DAN TEKNIKAL

39. Dr A. Soorian minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Perjanjian-perjanjian Ekonomi telah dicapai antara negara kita dengan Austria dan Poland semasa lawatan Perdana Menteri ke dua-dua buah negara itu.

Perdana Menteri: Semasa lawatan saya ke Austria saya tidak menandatangani perjanjian ekonomik dengan negara itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan Austria telah menyatakan keinginan mereka membantu kita dalam rancangan-rancangan pembangunan ekonomi kita, umpamanya dalam bidang pelancungan. Semasa di Poland satu perjanjian Ekonomik dan Teknikal telah di buat.

DEKLARASI KUALA LUMPUR

40. Tuan Edmund Langgu anak saga bertanya kepada Menteri Luar Negeri adakah dengan adanya tentera-tentera asing di kawasan Asia Tenggara adalah bersesuaian dengan Peristiharan Perkecualian Asean. Apakah langkah-langkah yang Malaysia telah ambil selama ini untuk menentukan Perkecualian Asean oleh Kuasa-kuasa Besar.

Perdana Menteri: Sepertimana yang telah saya terangkan dahulu, Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa apabila objektif-objektif deklarasi Kuala Lumpur, untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai satu kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali telah tercapai, maka penempatan tentera-tentera asing di rantau ini tidaklah secucok lagi. Pada masa ini butir-butir berkenaan rancangan itu masih diuruskan lagi. Apabila itu sudah dijalankan dan persetujuan di

antara negara-negara yang berkenaan tercapai, mereka akan menentukan bila dan bagaimana hendak mendapatkan persetujuan kuasa-kuasa besar. Sementara itu saya telah mengambil kesempatan semasa lawatan saya ke Washington dan Moscow untuk menerangkan secara am konsep Pengecualian itu kepada Kerajaan-kerajaan Amerika Syarikat dan Russia.

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

(Usul)

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG (PENCEN
DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTAD-
BIRAN DAN AHLI PARLIMEN (PIN-
DAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LALULIN-
TAS DAN KENDERAAN BERMOTOR
NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
(SABAH DAN SARAWAK) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 Negeri-negeri Tanah Melayu, Ordinan Lalulintas Jalan, 1960 Sarawak dan Ordinan Kereta Jalan, 1963 Sabah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perhubungan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
PERINDASTRIAN KAYU MALAYSIA
(PERBADANAN), 1973**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi memansuhkan Akta Perindustrian Ekspot Kayu Malaysia (Perbadanan), 1966 dan membubarkan Lembaga Perindustrian Ekspot Kayu Malaysia, bagi menubuhkan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan mengadakan peruntukan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan perindustrian kayu Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1973**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

JAWATANKUASA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (22hb Disember, 1972).

Majlis Mesyuarat menjadi jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita menyambung perbincangan dalam Jawatankuasa, saya sukalah hendak meminta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya teguran-teguran yang dibuat itu minta dipendekkan, sebabnya hari persidangan mesyuarat ini ialah berjumlah 12 hari sahaja dan masanya adalah sengkat, pada hal di hadapan kita dalam Jawatankuasa ini ada hampir-hampir 17 Kepala Bekalan yang besar dan ada lagi 23 Rang Undang-undang yang kita kena bincang dan putuskan sebelum daripada ditangguhkan mesyuarat kita pada kali ini. Jadi, saya mintalah dengan timbangan dan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memendekkan teguran-tegurannya dengan tepat sahaja dan supaya kita tidak rugi masa, jika-lau tidak terpaksa kita kena bersidang sampai jauh malam pada tiap-tiap malam.

Sekarang kita sambung semula perbincangan di bawah Kepala B. 14—Kementerian Pertanian dan Perikanan dan juga Kepala Pembangunan P. 14.

Kepala-kepala B. 14 dan P. 14—

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam anggaran perbincangan tentang Kementerian Pertanian dan Perikanan dan di samping itu, saya akan bercakap dalam Bahasa Malaysia dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, kalau kita siasat perbelanjaan peruntukan kepada Kementerian ini pada tahun 1972 peruntukan sebanyak \$164 juta lebih, tetapi malangnya pada tahun ini peruntukannya ialah \$158 juta lebih, kurang sebanyak \$5,855,745.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, agriculture, despite the fall in the price of rubber and despite the fall in the price of palm oil, is still the mainstay of our economy and agriculture still provides the workforce of this country with work. Therefore, any reduction in the allocation for agriculture is to be regretted. I have searched through these explanations very carefully and, as I shall point out a little later, it is regrettable that there has not only been a reduction in the allocation, Sir, but also a reduction in the

posts, not just for agriculture alone but also for allied departments to agriculture.

Mr Chairman, I shall give one example. Under kepala B. 14, page 93, for Jabatan Parit dan Taliair, in 1972 there were 554 posts, but this year there is an increase of only 4 posts which makes it 558 posts. The pensionable posts in the States, which are on page 94 of the Estimates, show that in 1972 there were 134 posts while in 1973 there are only 122 posts—a reduction of 12 pensionable posts.

Then, in the allocation too for D.I.D. in 1972 there was an allocation of \$33 million plus; in 1973 there is an allocation of \$28 million plus. Sir, this shows that at least where the D.I.D. is concerned there is not only a reduction in the allocation for D.I.D. but also a reduction in the number of posts available. I do not know whether the Honourable Minister of Agriculture is going to tell this House that he is well satisfied that the D.I.D. is manned with enough people, not only to take care of the agricultural needs of this country but also to look after the floods that seem to be an annual feature of the Malaysian way of life. I shall be very grateful if the Minister in his reply tells us why there has been a reduction in the number of posts for the D.I.D. and why there has been a reduction in the estimates for the D.I.D.

Mr Chairman, Sir, I now wish to touch a little on Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia on page 101. There is an allocation of \$2.4 million for the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia and with your permission, Sir, I wish to quote a little bit from the blue book that I have got here regarding this Board.

“Tujuan-tujuan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia adalah seperti berikut:

- (a) untuk meninggikan taraf ekonomi dan keadaan sosial nelayan;
- (b) untuk menambahkan pengeluaran ikan dan mengadakan peluang-peluang bekerja;
- (c) untuk menambahkan keluaran perseorangan (*per capita* output) serta pendapatan nelayan-nelayan menerusi cara-cara yang lebih cekap dan moden;
- (d) untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi nelayan-nelayan; dan

(e) untuk menggalakkan penubuhan dan perkembangan perusahaan-perusahaan yang berkaitan."

Mr Chairman, Sir, I wish to enlighten this House further on the problems and dangers that the trawler fishermen are exposed to in their efforts to develop and modernise the fishing industry which is a very important field of activity in the nation's economy. From time to time one hears of clashes between the trawler fishermen and the inshore fishermen. From time to time one hears of investigations by the Fisheries Department and from time to time one hears of pronouncements by the Minister himself or some other important Government officials regarding these quarrels and these fights that have occurred at sea and we are assured by the Minister that that would be the last fight between the trawler fishermen and the inshore fishermen. Malangnya, Tuan Pengerusi, pergaduhan ini tidak ditamatkan dan kadang-kadang pun ada berlaku.

Mr Chairman, Sir, whilst it is encouraging to note that the Government has helped the industry to modernise by way of loans and technical know-how, it is saddening to note that in the process of modernisation feuds have developed between the inshore fishermen, who conform to the traditional methods which yield very little catch, and the trawler fishermen, who have been persuaded to modernise their way of life and to increase their catch. This is particularly true in the Port Weld-Krian District where ten lives and thousands of dollars worth of fishing boats and gear have been lost in the recent past. Until and unless these problems, which are a matter of life and death to the fishing community in that district, are resolved, the economy of this country will suffer and the lives of the trawler fishermen also will be jeopardised.

Mr Chairman, Sir, it will be true to say that the trawler fishermen are constantly haunted by the fear of attacks by marauding groups of fierce and blood-thirsty inshore fishermen who come in small, fast-moving boats, armed with lethal weapon which include spears, bottles, bricks and petrol bombs. So far the trawler fishermen have remained calm and sober, though very angry that the Government has not taken any concrete measures or has not been able to afford them the protection that they so very

badly need. This group of fishermen who has responded to Government's call to modernise the fishing industry has yet to feel the full protection of the law or the full protection that can be given by the Police or by the Ministry of Agriculture and Fisheries.

In answering the nation's call to accept change and modernisation, the fishing community in Port Weld has gone through lots of serious hardships, including getting loans from relatives, finance companies and tontines in order to raise sufficient capital to start a fleet of trawler boats and equipment. Most of these trawler boats are family-owned concerns. These people who have answered the call to change and modernise are now hoping to recover their capital invested to repay their loans and at the same time to improve their standard of living. Unfortunately, this has not been the case. Instead they are coming to feel frustrated and forgotten because they are not enjoying the fruits of modernisation. It is not because they cannot enjoy the fruits of their efforts, but rather the sickeningly ineffective Police protection that is not making it possible for them to go about their vocation. Already the fear that is gripping this fishing industry at Port Weld is mounting and it may not be long before emotion takes the better of them and if that day comes, then it will be another sad chapter in the history of the fishing community there.

Not so long ago, Mr Chairman, Sir, on 13th November, 1972, three trawler fishermen fell victims to a premeditated attack by marauding fishermen from the Krian area. So far two bodies have been recovered and I believe one is still missing. Three boats and fishing gear worth several thousands of dollars were burned or carried away. Amongst the three victims was Ng Ah Moy, aged 42, of Telok Ketang, Matang. According to eyewitness accounts and the information extracted from the family, the late Ng Ah Moy, like many trawler fishermen in the area, raised a loan of more than \$10,000 to get a new trawler boat and gear with the hope that this loans taken to put into trawler fishing will pay dividends. Ng Ah Moy had taken out his new boat for just a little over a week before the fatal attack on the 13th November, 1972 and no wonder why poor Ah Moy refused to leave his boat in spite of the barrage of bricks and other missiles, including petrol bombs, thrown at him and

his boat, from no less than twenty boats of fully-armed inshore fishermen.

To add insult to injury, the body of the late Ng Ah Moy, when recovered, was not accorded the usual Police investigations pertaining to murder; more so, when fishermen like Ah Moy operate on a legitimate basis, paying all the fees imposed by the Fisheries Department. Imagine the grief and shock of the family, the dear ones, nine in all between the ages of four and fourteen, not including the distressed widow, who is now faced with the problem of feeding and educating the children and the old folks as well. It is most unfortunate that misfortune should befall this family at this stage. The poor widow who had prior to her husband's death helped to subsidise the family by rearing pigs now finds it difficult to do so too. The recent swine fever has decimated the herd of pigs that she reared with the result, Mr Chairman, Sir, that with the New Year, the children now find it very difficult to go to school as they have to buy uniforms, buy books, pay fees and the like. I do hope that the Honourable Minister of Agriculture and Fisheries will take prompt action to investigate this case so that the family can be helped to find a better life with the loss of the wage-earner.

Mr Chairman, Sir, what I have said is typical of the antagonism that unhappily still prevails between trawler fishermen and inshore fishermen up and down the country. Whilst it is true that the Fisheries Department has made a demarcation line, an invisible sea boundary, as to where the disputing fishermen could operate, it is sufficiently clear from the seriousness of the clashes that recur now and again, that such a solution has been found not to be a practical one and that the answer lies in the Minister of Agriculture and Fisheries being able to persuade the Police to provide patrolling of the disputed areas so that fights and quarrels that may occur can be prevented before they do occur.

Mr Chairman, Sir, I would be failing in my duty if I do not warn this House, particularly the Government, that if it continues to treat this matter lightly, then more and more fights will occur. I do call on the Minister to take quick and positive action so that the quarrels between the two warring groups can be prevented. One way, Mr Chairman, Sir, would be for the Minister of

Agriculture and Fisheries through the Fisheries Board to persuade the inshore fishermen to give up their way of life and take to trawler fishing and to be able to convince them that trawler fishing, where you can buy bigger and better boats and go further and further into the ocean, will be far more profitable than inshore fishing.

Mr Chairman, Sir, I now wish to touch on MARDI, page 101 also, where the allocation for this year is in the region of \$5.034 million. Mr Chairman, Sir, I wish to quote a little from this book which is the Government's explanation and with your permission, I shall quote a little:

“Pengambilan kakitangan akan menjadi satu aktiviti yang rancak dalam tahun 1973. Adalah menjadi cita-cita Instituit ini untuk menubuhkan mana-mana jawatan yang telah diluluskan bagi tahun 1972 yang masih kosong dan juga jawatan-jawatan baru yang telah diluluskan untuk tahun 1973 yang berjumlah 332 semuanya. Tumpuan yang berat akan diberi kepada mengisikan jawatan-jawatan kakitangan-kakitangan penyelidikan. Ini ialah untuk membolehkan Instituit ini menjalankan kerja-kerja penyelidikan dengan lebih teratur dan berkesan. Jawatan-jawatan tambahan kakitangan-kakitangan penyelidikan yang telah diluluskan bagi tahun 1973 ialah sebanyak 291.”

Mr Chairman, Sir, I do wish to call on the Minister to see that MARDI takes all available steps to try and fill up the posts, particularly the higher grade technical posts. I do agree that sometimes it is difficult to find science graduates to fill some of these posts. But I wish to bring to the attention of the Minister that there is a Class II (Lower Division) science graduate with genetics which, I think, is a skill which would be needed in MARDI. He has been applying for jobs all over the country and, unfortunately, he has not been given a job. I believe he has also applied to MARDI for a job. Mr Chairman, Sir, if science graduates, who are qualified in such narrow fields like genetics, cannot be used by a research body like MARDI, then I shudder to think what our universities are training our graduates for, if they cannot find jobs in research institutions. I do hope that the MARDI will take as many of our local graduates as possible, so that in time to come it will prove to be a research

institution of the calibre of the I.M.R., for one example, or of the R.R.I., for another.

Mr Chairman, Sir, I wish now to touch a little on Bank Pertanian. On page 101 also we see allocations of \$9 million for 1971, \$10 million for 1972 and \$11 million for 1973. Mr Chairman, Sir, the poor farmers in this country are overwhelmed with aid by Government agencies. First, there is this Bank Pertanian, which is supposed to help the farmers of this country. Then there is the Bank Kerjasama, now known as the "Bank Rakyat" which also caters for the farmers of this country. There is the Apex Bank. There is the Bank Bumiputra. There is MARA. There are Farmers Associations; and also now the State Governments have come in and they have established Agricultural Boards in every State also to help the farmers in this country. Mr Chairman, Sir, I am not against any form of aid to the farmers. In fact, I think the farmers should be helped, they should be given more aid, so that they can have a richer and fuller life. But the poor farmer might be fuddled if he finds all these agencies descending on his ladang. There must be some sort of co-ordination between the various Government agencies, so that Government can make the best use of the funds that are available for the farmers, and the farmers too can make the best use of the aid that is available to them.

Mr Chairman, Sir, the padi harvesting season is about to take place soon, at least in the north-west Selangor, i.e. in the Districts of Tanjong Karang, Sekinchan, Sungai Besar and Sabak Bernam. I wish to bring to the attention of the Minister the woes of some of the farmers in that region. The farmers say that whenever there is a harvesting season, there are not enough lorries to take away their padi. I myself, in August this year I believe, went to that area and I saw piles and piles of padi lying on a rail-side exposed to weather. If it rained, the padi would get wet and then it would start to sprout. I had contacted the officials of the Lembaga Padi Negara and I had spoken to the Chairman of the L.P.N. They all had been very helpful, Mr Chairman, Sir. I brought the Director-General of the L.P.N. to see that place and he had been very helpful. But being very helpful itself is not enough, Mr Chairman, Sir—the Government or the

L.P.N. must take measures to see that the mistakes that occurred in August last year should not occur this year. One of the biggest bottlenecks when the harvesting of padi takes place, is the lack of lorries to carry away the padi from the *sawahs* all along the Tanjong Karang, Sekinchan, Sungai Besar and the Sabak Bernam areas.

Mr Chairman, Sir, there are lots of other difficulties about which the farmers are always grouching. I think there is a reason for their grouching that they are given short-weight for their padi. For example, moisture content is a thing that I doubt that even the L.P.N. or the Ministry of Agriculture can ascertain with any degree of certainty. Then the price of padi given to these people is always for the third grade. Nobody ever achieves the first grade. Hardly anybody ever achieves the second grade however good may be the padi produced by the farmers. I do hope that the Minister will, before the harvesting season occurs again, take steps to see that the difficulties of the padi farmers can be taken care of.

Mr Chairman, Sir, recently there had been a swine fever in this country, and I regret to say that the Ministry of Agriculture and Fisheries had not, to my mind at least, taken adequate steps to assure the people of this country that with the outbreak of swine fever, the taking of pork infected with swine fever, for example, cannot pass the disease on to the human beings. When the attack had passed its peak, I do not think that the Ministry or the Veterinary Department had made an all-out effort to assuage the fears of the people of this country in taking pork, with the result, Mr Chairman, Sir, for more than two months unnecessarily the housewives had refused to take pork, for the simple reason that the housewives were afraid that by taking pork they would be contracting swine fever. Mr Chairman, Sir, I do hope that the Ministry of Agriculture and Fisheries, or the Veterinary Department, will from time to time, if such an attack does occur again, take steps to assure the people of this country that steps have been taken to control or to isolate the disease and, when the danger period is over, to assure the people of this country that it is no longer a danger to eat pork, so that not only the pig farmers can sell their pork but also the people can continue to take pork. The result

is that you have this ridiculous position where there is a shortage of pigs and pork in this country because of the swine fever, but those who have healthy pigs cannot sell their pigs because the people are afraid to eat pork and therefore in both ways they lose: they lose from the death of their pigs and they lose from having to feed the pigs which they cannot sell. I do commend this problem of the pig-rearers to the Honourable Minister of Agriculture and Fisheries.

Finally, Sir, I do hope that the Minister of Agriculture and Fisheries will pay a little attention to the fruit orchard industry in this country. The ostensible reason given by the Honourable Minister of Finance in increasing the duty on fruits, Sir, is a very laudable one, i.e., we should be encouraged to eat more and more fruits. That I agree with the Honourable Minister of Finance, but I do not know whether he has liaised with his colleague, the Minister of Agriculture because I myself do not see any big pieces of land or more acreage of land being devoted to fruit orchards. I do not know whether the Ministry of Agriculture and Fisheries itself has statistics on this matter—I doubt. But be that as it may, Mr Chairman, Sir, I do hope that the Honourable Minister will make it a point when he visits the various State Governments, to ask them to alienate land for fruit cultivation because unless more and more acreage is devoted to fruit orchards it is futile to ask the people of this country to eat more and more fruits because where are the fruits to come from.

I do hope that the Honourable Minister will take note of some of the points I have raised, Mr Chairman, Sir, so that we can make the best use of the allocations that have been made for the Ministry of Agriculture and Fisheries for this year.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bimbingan mengenai Kementerian Pertanian.

Yang pertama, ialah Pecahan-kepala 4100 muka surat 99—Pemberian, Subsidi dan Carum-carum: (5) Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian MARDI dan (6) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Kalau dikaji daripada perangkaan yang ada di dalam Buku ini, Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa subsidi yang dicadangkan untuk tahun 1973 kepada MARDI adalah

bertambah dari tahun 1972. Apa yang saya maksudkan di sini, Tuan Pengerusi, kerap kali kita dengar di dalam Dewan ini bayangan-bayangan atau fikiran yang diberikan samada oleh pihak Menteri sendiri bahawa Malaysia dalam tempoh beberapa tahun lagi akan menghadapi masalah kelebihan padi dan beras berikutan dengan banyaknya rancangan perairan yang kita usahakan di dalam negara kita ini.

Saya dapat faham selama ini pihak MARDI tidak diberi suatu tanggungjawab untuk menjalankan suatu penyelidikan secara besar-besaran supaya padi dan beras bukan sahaja untuk menjadi makanan manusia, tetapi hendaklah juga diikhtiarkan atau dicari jalan supaya padi dan beras dapat dijadikan bahan makanan kepada binatang-binatang dalam negara kita ini. Kerana kiranya apa yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu bahawa negara kita ini akan menghadapi kelebihan padi dan beras hanya berdasarkan kepada perhetungan untuk makanan manusia sahaja, maka saya berpendapat kiranya padi dan beras dapat dijalankan suatu penyelidikan oleh pihak MARDI maka dapat mengurangkan kemasukan bahan-bahan yang digunakan untuk makanan binatang daripada luar negeri, maka sedikit sebanyak apa yang kita takut daripada kelebihan padi dan beras akan dapat diatasi.

Keduanya, saya katakan tadi berkenaan dengan subsidi kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Nampaknya di sini peruntukan yang diberi juga bertambah daripada tahun 1972, jika dibandingkan dengan anggaran yang dicadangkan untuk tahun 1973 ini. Boleh jadi penambahan ini kerana kepada FAMA akan ditugaskan dalam tahun 1973 ini ialah menjalankan suatu rancangan pemasaran kelapa di dalam negara kita ini untuk mengatasi masalah kejatuhan harga kelapa. Saya nampak, Tuan Pengerusi, dari apa yang diberi faham kepada saya, rancangan pemasaran kelapa yang hendak dijalankan di dalam tahun 1973 adalah merupakan rancangan percubaan. Saya berpendapat seperti rancangan pemasaran kelapa, mengeringkan kelapa, hendak memproses kelapa, satu perkara yang pernah dibuat oleh rakyat dalam Malaysia ini dan tidak seharusnya pihak Kerajaan menjalankan pekerjaan ini dengan membuat percubaan lagi, kerana kejatuhan harga kelapa dalam negara ini

bukanlah merupakan perkara kecil. Dan kalau Kerajaan hendak mengadakan rancangan percubaan dari setahun ke setahun tentulah pekebun-pekebun kelapa yang mengalami kehidupan yang menderita disebabkan kejatuhan harga kelapa memakan masa yang begitu lama untuk menunggu percubaan yang akan dijalankan oleh pihak Kementerian ini. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji balik arahan yang telah dikeluarkan kepada jemaah pemasaran daripada mengadakan rancangan percubaan kepada rancangan yang tidak lagi percubaan dan dijalankan secara besar-besaran.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan P. 14 muka surat 101—Pecahan-kepala 2, berkenaan dengan Bank Pertanian Malaysia. Mengikut peruntukan di sini dalam tahun 1973—diberi peruntukan sebanyak \$11 juta kepada Bank Pertanian Malaysia. Tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa Bank Pertanian Malaysia telah memainkan peranan yang amat penting untuk menolong petani-petani di dalam negara kita ini. Cuma ada satu perkara yang menimbulkan desas-desus di kalangan petani-petani ialah masalah bunga yang dikenakan oleh pihak Bank ini kepada peminjam. Sebab kalau kita kaji pihak MARA juga merupakan badan berkanun di dalam negara kita ini, MARA telah memberi pinjaman kepada ahli-ahli perniagaan dengan bunga yang begitu rendah, tetapi Bank Pertanian memberikan pinjaman kepada petani dengan bunga yang tinggi. Petani adalah merupakan golongan yang paling miskin daripada ahli perniagaan, tetapi petani dikenakan bunga yang lebih tinggi daripada apa yang dikenakan oleh MARA terhadap ahli perniagaan. Jadi saya percaya sudah sampai masanya pihak Kementerian ini mengkaji semula tentang cara penganan bunga yang dikenakan oleh Bank Pertanian kepada petani supaya hasrat Kerajaan hendak menolong petani bukan sahaja pada cakap, tetapi dapat dilihat pada amalannya dengan cara yang baik.

Tuan Pengerusi, perkara keempat, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang muka surat 103 pecahan kepala 19—Sekolah-sekolah pertanian. Saya nampak di dalam perangkaan di sini ada diperuntukkan \$3,495,600 untuk mendirikan sekolah pertanian. Saya ingin mendapat penjelasan di manakah sekolah

pertanian ini hendak didirikan, samada di kawasan Pantai Timur atau selatan ataupun utara. Saya terpaksa meminta penjelasan ini kerana berdasarkan kepada kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa di Pantai Timur akan didirikan sebuah sekolah pertanian dan Kerajaan Negeri Trengganu sendiri telah memberi penegasan bahawa sekolah pertanian itu akan didirikan pada tahun ini di negeri Trengganu. Jadi saya ingin mendapat penjelasan adakah peruntukan ini untuk Pantai Timur yang dicadangkan bagi negeri Trengganu.

Yang kelima, saya ingin menyentuh tentang pecahan kepala 20, Kemudahan-kemudahan Persatuan Peladang. Di dalam perangkaan ini telah diberi peruntukan sebanyak \$3 juta untuk tahun 1973 dan jika dibandingkan dengan tahun 1972 didapati kekurangan sebanyak \$172,000 kerana bagi tahun 1972 diperuntukkan sebanyak \$3,172,000. Tetapi bagi tahun 1973 diperuntukkan sebanyak \$3 juta. Saya ingin mendapat penjelasan mengapa peruntukan tahun 1973 untuk kemudahan kepada Persatuan Peladang dikurangkan sebanyak \$172,000 sedangkan apa yang saya dapat faham sekarang ini, pihak Persatuan-persatuan Peladang yang telah kita tubuhkan di seluruh negara kita sangat-sangat berkehendak kepada bantuan dan pertolongan daripada Kerajaan dan kemudahan-kemudahan sepatutnya dilipat-gandakan, bukannya dikurangkan, sebab kalau kita melihat kepada peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ialah sebanyak \$15,960,000 diuntukkan untuk kemudahan Persatuan-persatuan Peladang.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 14 juga, muka surat 114 Pecahan-kepala 121—Rancangan-rancangan Taliair dalam Negeri Trengganu. Saya ingin menyampaikan ucapan terimakasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana di dalam tahun 1972 suatu rancangan taliair kecil iaitu Rancangan Pelegat telah mula dijalankan pada tahun ini, cuma yang menimbulkan kesamaran kepada saya, kenapa rancangan taliair kecil untuk Pengkalan Nangka yang ditulis sini dalam butiran (iv) jumlah anggaran 1971-1975 ialah sebanyak \$100,000 tetapi bagi tahun 1973 hanyalah ditandakan dengan \$10.00 sahaja. Apa yang saya timbulkan di sini, Tuan Pengerusi, saya merayu sungguh-sungguh kepada Menteri yang berkenaan supaya rancangan taliair

bagi Pengkalan Nangka ini diberi keutamaan kerana sejak kebelakangan ini, sejak tahun 1969, 1970, 1971 dan 1972 keluasan tanah padi di sini ada lebih kurang 500 ekar, petani-petani di sini sudah masuk tahun yang keempat, tidak dapat menuai padi sesudah mereka tanam kerana sejak daripada tahun 1969 banjir yang menyerang negeri Trengganu, inilah kawasan yang paling dahsyat sekali di dalam Derah Besut yang terjadi padinya hancur.

Kehancuran ini mengikut penyiasatan saya, adalah berpunca daripada ketiadaan taliair kerana kawasan ini apabila musim kemarau airnya tidak boleh dapat dan apabila datang musim banjir airnya terlampau banyak, maka inilah punca terjadinya kehancuran dan di dalam banjir tahun ini kawasan ini jugalah merupakan kawasan yang paling terok kehancuran padi.

Petani-petani di sana di dalam tahun ini tidaklah dapat saya hendak membayangkan daripada punca mana padi yang mereka akan dapati. Jadi dengan sebab itulah kalau sudah petani di kawasan ini 4 tahun lamanya, Tuan Pengerusi, mengalami kehancuran padi, elok benarlah pihak Kementerian ini memberi keutamaan kiranya boleh, biarlah pada tahun 1974 dapat dijalankan rancangan taliair di Pengkalan Nangka ini.

Perkara yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, yang saya ingin nyatakan di sini ialah mengenai dengan muka surat 119, Pecahan-kepala 166 berkenaan dengan perkembangan kawasan-kawasan Padang Ragut. Saya dapati tiap-tiap tahun peruntukan ini ada di dalam buku anggaran ini, tetapi kalau kita menyiasat kedudukan kawasan-kawasan Padang Ragut di seluruh Malaysia, barangkali tidak sampai 2% yang telah diusahakan, yang telah ditanam dengan rumput-rumput yang baik samada oleh pihak orang perseorangan ataupun oleh jabatan yang berkenaan sendiri. Saya nampak pihak Kementerian ini ada sedikit lemah di dalam menjalankan usaha ini dan dengan sebab itulah sekarang ini kita dapati bahawa kawasan-kawasan Padang Ragut ini bukanlah dipenuhi dengan rumput-rumput, tetapi setengah-setengah negeri diceroboh oleh orang ramai dengan menanam pokok-pokok yang kekal dan setengah-setengahnya pula telah diceroboh mendirikan kawasan-kawasan rumah di tanah-tanah Padang Ragut ini, kerana pihak Pejabat Pertanian ataupun

pihak Jabatan Haiwan sangat-sangat cuai untuk mengawasi kawasan ini.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I refer to Kepala P. 14, page 121, Subheads 195, 196 and 197.

Mr Chairman, large numbers of Malaysians have traditionally made a living out of the fishing industry. Basically they were all inshore fishermen. As is in the nature of things, modernisation takes place in all industries, not just the fishing industry, and as a result of modernisation, we have had trawlers coming in to harvest the seas and make huge profits out of this industry. But in the process, Sir, many of the inshore fishermen, who have made their living through inshore fishing by methods that are not so modern for generation, have found that their means of making a livelihood has been endangered.

Mr Chairman, Sir, I am not against modernising the fishing industry. It is all for the good, but whilst that is happening, we must consider the economic well-being and the social well-being of those who have for generations eked a living out of the seas. What has happened, Mr Chairman, Sir, is that the fishing grounds of the inshore fishermen have been destroyed and therefore they have suffered a loss and whilst they are suffering this loss they are in no position, even if they want, to modernise their methods of fishing because they do not have the capital to modernise. The industry, Mr Chairman, Sir, has allowed others, people who have never been involved with the fishing industry, to come in because of their capital to go into trawler fishing and reap the profits. What the Government should be doing, Mr Chairman, Sir, is to see that, if there is to be modernisation in that industry, those who have been traditionally involved in the industry and their children should be the people to benefit from modernisation, not a group of people who by virtue of their command of capital are able to buy modern equipment and then just engage labourers or other fishermen as workers to work their trawlers and make the profits. It is the inshore fishermen who should be encouraged to turn to trawler fishing, who should be helped with finance and advice to go into the trawler fishing industry, to adopt modern methods. As things stand, the fishing industry

has to some extent been modernised, but it is the outside people who have benefited, not the traditional fishermen, Mr Chairman, Sir, and this is not good for the inshore fishermen, because large numbers of them have been displaced; they have lost their means of livelihood and they have become a social problem and the Government should adopt a more serious attitude and a more sympathetic attitude towards their problems. Of course, the Government has told them, "You must modernise", but it is no use just telling them, "Modernise, adopt modern methods". That does not solve the problem, whilst outsiders with capital are allowed to come into the industry. Therefore the Government owes a duty to the traditional fishermen to come in and support the traditional inshore fishermen with finance and expertise, if necessary.

Mr Chairman, Sir, again on this subject of our fishing industry, this country exports quite a bit of shrimps to Japan and the United States and the Government Ministers have proudly stood up in this House and in other places crowing on the amount of foreign exchange the shrimps have earned for the country—just a few million dollars, Mr Chairman, Sir, less than \$10 million. But the Government makes a loud noise about it. What the Government fails to see is that as a result of the export of these shrimps, shrimps in the local markets have gone short and, in fact, the price of shrimps in the markets has shot up, so much so that most housewives find the price of shrimps too high—and the price of fish is also high, everything seems to go up—and therefore, Mr Chairman, Sir, I hope the Government before encouraging the export of shrimps would see to it that the requirements of the local markets are met first.

Mr Chairman, Sir, I would now like to turn to another item under Agriculture on page 102, Kepala P. 14—Crop Production Facilities, Crop Protection Facilities, Soils and Analytical Facilities, etc. Mr Chairman, Sir, it is all very good, if one were to do research into fertilisers or insecticides to increase production and to protect the crops but what invariably happens, is that the prices of these fertilisers and insecticides that can increase production and protect the crops steadily go up over the years. It is an industry

that requires a lot of capital and the capitalists, if they are going to put up huge sums of capital to start these industries to produce fertilisers and insecticides, would want to make certain that they get huge profits. Tuan Pengerusi, the Government gives a lot of incentives to all sorts of industrialists to industrialise this country. They are allowed to make huge profits, but who finally pays? The price of fertilisers goes up; the price of insecticides goes up. The farmers have to pay for these products. The industrialists are not going to bear the burden, Tuan Pengerusi. They naturally pass it on to the consumers and as a result the prices of vegetables have gone up. Aside from the measures taken by the Finance Minister, the prices of vegetables have gone up and we find that all over the country housewives are complaining that they cannot make ends meet. I would, therefore, suggest, as has been suggested by my colleague from Seremban Timor, that the Government should get involved in the production of fertilisers and insecticides. It should go into this business, simply because the capitalists, foreign or local, are not willing to venture into these fields. The Government must therefore venture, and venture in a big way, so that they can be run, not for the purpose of making profits, but for the purpose of ensuring a cheap supply of fertilisers and insecticides to the farmers of this country.

Tuan Pengerusi, I would like also to refer to the orchid industry, if I may. The Government, as I have said, gives so much inducement to foreign and local capitalists to start industries in order to save foreign exchange. But here, Tuan Pengerusi, the orchid industry in this country can be made to be a very big foreign exchange earner. The market for cut orchid flowers is one that Malaysia is in no position to satisfy. The market is there but the production of cut flowers lags. Why is it that the Government is not willing to give more help to this particular industry, other than to make arrangements for cheap freights, to find foreign markets? The Government need not involve itself, Tuan Pengerusi, in finding markets, for the markets are there. It is only a question of whether a person who wants to export it can find the cut flowers to export. It would be better if the Government were to involve itself in other methods of helping people who are willing to go into the orchid industry, that is,

to find land for them or give them T.O.L.s (Temporary Occupation Licence) to Government land which is not being used—huge tracts of land are not being used—and if those who are willing to go into this business are permitted to use this land, they could start an orchid industry.

There is not enough research, Tuan Pengerusi, into this field. The Government does not seem to take very great interest in this in spite of the fact that it has great potential for growth. An island like Singapore exports more cut flowers and earns more foreign exchange from orchids than we do. I cannot see why if there is interest and determination we cannot become the biggest grower of orchids and earn larger sums of foreign exchange from it. Thailand exports more cut flowers. In fact, what are we doing? We impose restrictions on those who want to import into the country small orchid plants or “compots”, but we allow exports of plants to Thailand without restrictions. In fact, Thailand is importing a lot of our plants in order to start their cut flower trade there, and a lot of our people who have these plants are selling because when they want to expand they find it difficult to get land. Tuan Pengerusi, I hope the Ministry of Agriculture would look into this matter.

Tuan Pengerusi, I refer back to page 93, Kepala B. 14, Code 1100, Salaries and Wages, Item 2 (d) Haiwan. Another Honourable Member has touched on the question of swine fever in this country. What surprises me is that when swine fever struck in Penang, other States did not take sufficient precautionary measures. The Ministry did not import the necessary amount of vaccine and so we arrived at a situation where hog rearers were informed that there was no vaccine. The Government had not enough vaccine. A situation, like that should not have been permitted. The Department concerned should have foreseen that swine fever can spread and should have taken the necessary measures to ensure that if it should spread there would have been sufficient vaccine for hog breeders; instead we get statements in the Press by officials of the Department informing hog breeders and the public that they were short of vaccine. If that is not an admission or confession of failure, I do not know what is. I hope next time when we have foot or mouth disease or some other

diseases for cattle or chickens or whatever else we have, we would not be faced with this kind of situation again—insufficient vaccine, no stock, waiting for supplies to arrive. This is not how a department ought to be run. Their job, Tuan Pengerusi, aside from curing what is already sick is to prevent the sickness.

Tuan Pengerusi, I refer to the same page, same heading, Item 3 Ukur (Survey). I had occasion previously in this House to support the acquisition of modern equipment for this Department. As I had said, there was then a lot of delay in this Department. Unfortunately, there is still this delay, and the reasons for this delay, Tuan Pengerusi, is because the Department is under-staffed. We all know that there is a lot of development taking place in this country, a lot of housing schemes are coming up with housing estates all over the place, and therefore more people call on the services of this Department, but if the staff in the Department is not increased proportionately to meet the demand we are bound to have delays and these delays cause a lot of hardships to a lot of people like the farmers who have got land which has been fragmented previously and are not properly.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Survey Department atau Jabatan Ukur bukan di bawah Kementerian ini.

Tuan Peter Paul Dason: Anyway, Tuan Pengerusi, I hope that the Ministry would take into consideration what I have said especially regarding helping inshore fishermen to acquire modern equipment and the other points and do something about them and not have some replies given in this House at every Budget Session whereby Members have to come again next year and perhaps raise the same issues all over again.

Tuan T. S. Gabriel (Pulau Pinang Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Kepala Pembangunan—Kementerian Pertanian dan Perikanan—B. 14 iaitu Pertanian.

Tuan Pengerusi, ada satu kejadian berlaku di Kampung Jawa Sungai Nibong dalam kawasan saya di Pulau Pinang Selatan di

mana seorang tua Cina yang ada 6 ekar bendang dipaksa keluar daripada bendangnya kerana untuk mengadakan satu rancangan kilang oleh sebuah kompeni baharu.

Tuan Pengerusi, saya suka membawa perkara ini di dalam Dewan ini untuk pengetahuan dan tindakan Kementerian yang berkenaan, bendang ini cukup masanya untuk memotong dalam tempoh satu bulan dan notis yang diberi oleh Pegawai Daerah kepada orang tersebut itu 2 bulan kemudian setelah dia telahpun menanam di bendang ini. Saya telahpun bawa perkara ini kepada Pegawai Daerah dan juga rakan-rakan yang berkenaan, akan tetapi sangat dukacita tidak sesiapa pun boleh menolong orang tua ini.

Tuan Pengerusi, saya bawa perkara ini di Dewan ini dengan harapan iaitu Menteri Pertanian dan Perikanan akan mengambil tindakan atas perkara ini dan tolong beri tempoh satu bulan kepada orang miskin untuk dia memotong padinya itu.

Saya dapat tahu jikalau Kerajaan menahan dia daripada memotong padi ini, dia akan rugi lebih kurang \$4,500 daripada 6 ekar bendang dia boleh dapat lebih kurang 7,000 gantang padi. Saya harap sekali lagi, Tuan Pengerusi, dan merayu kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan menolong apa-apa yang patut kepada orang yang miskin ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, muka 121—Melatih Nelayan-nelayan. Tuan Pengerusi, ada beberapa banyak kampung nelayan-nelayan kecil dalam kawasan saya dan cara hidup mereka itu telah sangat deplorable dan miserable. Bantuan-bantuan yang diberi oleh Kerajaan pada masa sekarang bukan begitu memuaskan. Ada juga orang-orang nelayan kecil ini ada memberi tahu kepada saya, mereka itu tidak peduli, tidak kenamengena tidak peduli siapa menjadi Ahli Parlimen atau Menteri. Jika mereka tidak dapat tangkap ikan satu hari 60 sen keluarga dia tidak dapat makan. Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian kita tidak boleh benarkan rakyat kita yang miskin dengan *begini*—a feeling of desperation and frustration. Saya harap Kementerian ini akan mengambil tindakan dan memberi bantuan-bantuan yang berpatutan kepada nelayan-nelayan kecil dalam kawasan saya dan di seluruh negeri ini.

Dalam perkara ini juga, Tuan Pengerusi, iaitu Parit dan Taliair serupa juga iaitu Jabatan Parit dan Taliair tidak menjalankan tugas-tugasnya begitu memuaskan. Apabila hujan sedikit air masuk ke dalam rumah disebabkan parit-parit ini tidak dibersihkan oleh Jabatan Parit dan Taliair.

Saya dapat tahu dalam kawasan ini dan beberapa banyak tempat sudah beberapa tahun, tidak mengambil apa-apa tindakan untuk membersehhkan parit-parit ini. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan dan membersihkan parit-parit ini, apabila hujan mereka tidak dapat kesusahan. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) I would refer to Page 93, Head 14, Sub-head 2 (b). It has been said many a time in this House that Malaysia is self-sufficient and self-supporting in rice to the extent of 90% only. I for one have always felt that the Government is adopting a wrong attitude in not making Malaysia self-supporting to the full extent of 100%. To support the Government's point of view, the Honourable Minister of Finance has stated that as the cost of production of rice in this country is high when compared to the cost of production in other countries, the Government will only produce 90% and buy the other 10% from other countries. I might say this is a penny-wise-and-pound-foolish method of thinking on the part of the Government. When the Government can spend so much on producing 90% of the rice needed in this country, the saving that is obtained by purchasing the 10% extra rice is quite negligible. Rice being the main staple food of this country, we should be proud of ourselves in producing our own rice to feed all the people all the time, not merely 90% of the people and not to beg from other countries to feed the remaining 10% of the people.

Fruits are another important item which needs close attention. The Honourable Minister of Finance stated the other day that in his own house he has not bought any imported fruits literally for years. The only imported fruit in his house is that given by his friends. But nowhere has the Honourable Minister stated that he does not eat those fruits that were presented by his friends or that he discards those fruits away. It is,

therefore, to be assumed that he eats those foreign fruits which are presented to him and it is also assumed that he has a large circle of friends and, therefore, it is also fairly safe to assume that these friends would be giving him not merely one or two fruits but fruits in large quantities. Under such circumstances, I suppose that there will be no necessity for the Honourable Minister to buy any more of these fruits as he already has a large stock in his own house. It is only the man who wears the shoe who will know where the shoe pinches. So if the Honourable Minister does not buy fruit himself, it would not pinch him, even if the import duty on fruits is raised 100% or more. Now, take, for example, friends of patients who are hospitalised. Are they to take a durian or a jack fruit with a chopping knife to cut open the fruit and make a mess of the hospital wards or are they to take the lovely, nutritious and less cumbersome oranges, apples and grapes? I hope the Honourable Minister will reconsider this matter and waive the 100% duty until such time as our country can produce oranges in sufficient quantities. No doubt, even if we start planting orange trees now, it will take a few years for the trees to bear fruits.

On the question of fruits, I would also urge the Government to grow in areas which have already been mined watermelon, groundnuts, pumpkins, tapioca and so on. Tapioca, when planted in large quantities, will open the door to manufacturing plastic articles and this will in turn go a long way to solving the unemployment problem in this country.

I would also say that the Government has not given much attention to cattle farming in this country. If cattle farming is encouraged, we do not have to import condensed milk from foreign countries as we are doing now because there will be plenty of cow's milk for local consumption by the people. Cattle farming will also go a long way towards the opening of hide and leather factories and the production of shoes and slippers in this country itself, without having to import shoes, slippers, etc. from foreign countries.

On the question of fishing, I would urge the Honourable Minister to consider using electronics or other modern devices for locating and catching fish instead of the

present traditional method of going about witch-hunting for fish.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam peringkat Jawatan-kuasa ini dan saya akan menyentuh dua pecahan-kepala sahaja bagi Kementerian Pertanian dan Perikanan, dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I refer only to page 102, Pecahan-kepala 11 and 12, Crop Production Facilities and Crop Protection Facilities for the Malaysian farmers.

I have received representations from the Johore farmers about the agricultural crisis they are facing as a result of the Government ban on the import of chicken droppings or fowl-dungs manure into West Malaysia from Singapore from the 1st of December last year. The ban on the import of chicken droppings has created a major agricultural crisis and threatened the livelihood and employment of thousands of people in the vegetable and fruit growing areas in Johore, who comprise Malay and Chinese farmers. For the last two decades, these vegetable and fruit farmers in Johore have used the chicken droppings imported from Singapore as the staple or basic manure for their cultivation. The vegetable farmers have found from experience that the chicken droppings manure is superior to the chemical fertilisers for two chief reasons:

- (1) The chicken droppings ensure better and faster vegetable and fruit growth; and the chemical fertilisers are used as a mere accompaniment and in some cases are used only in the ratio of 1:25 when compared to chicken droppings.
- (2) The chicken droppings they import from Singapore are 15 to 20 times cheaper than chemical fertilisers.

The ban on the import of chicken droppings from Singapore would not only lead to poor productivity and low quality of the vegetables and fruits but also to such high cost of production as to make it economically unfeasible to be engaged in vegetables and fruit cultivation in Johore. This would throw several thousands of Chinese and Malay farmers presently dependent on this sector into unemployment. Already the farmers in

many parts of Johore as in Yong Peng, Ayer Itam, Machap and Batu Pahat, are unable to recultivate because of the import ban. I am shocked that the Government should impose this ban when there is no local alternative comparable in price and quality. Such an action would probably benefit a handful of Alliance businessmen, while thousands of people are threatened with the loss of their earnings and livelihood. If the Government would send teams of officials to visit the affected areas, they will find confirmation of the vegetable crisis in Johore. They can even go and ask the ketua-ketua kampung of the affected areas to find out for themselves how this measure has adversely affected the livelihood of thousands of Malay farm workers and farmers. I believe that some of the ketua-ketua kampung have even written to the Government appealing against the ban. It is also highly irresponsible on the part of the Government that despite representations the Johore farmers had made against the ban, the Ministry of Agriculture has just ignored their pleas and representations. In fact, up to this date, the Ministry of Agriculture has failed to give the Johore farmers and the public a cogent reason for the ban.

The continued ban on the chicken droppings from being imported into Johore will not only break the rice-bowls of several thousands of farmers in Johore but it will also lead to a swift rise in the price of vegetables and even local fruits. Already in Johore markets, the prices of vegetables are beginning to rise. Under the Alliance rule for the last 15 years, there has been an endless increase and rise in the price of consumer goods such as sugar, milk, cakes, a cup of coffee or tea, clothes, shoes, books, etc.—in fact, you name it, you have it, the price has increased, and in many cases the Government is directly responsible for the price increase. And this is a good instance where the ban on the import of chicken droppings must lead to more expensive vegetables and local fruits in Southern Malaya.

I call on the Ministry of Agriculture to look after the welfare of the farmers and take swift action to get the ban on the import of chicken droppings into Johore lifted and save the Malay and Chinese vegetable farmers and fruit growers from the crisis of unemployment, retrenchments and even bankruptcy; otherwise the Ministry of Agriculture and

the Alliance Government must bear full responsibility for the hardships, sufferings and unemployment caused to the Johore vegetable farmers and fruit growers from this short-sighted ban on the import.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Pengerusi, Kepala P. 14, muka surat 101 dan 103, Pecahan-kepala 2, 20, 145 dan 146.

Tuan Pengerusi, pada masa ini banyak Persatuan-persatuan Peladang telah ditubuhkan di mukim-mukim untuk menyatukan tenaga dalam melaksanakan usaha pertanian di negara kita ini yang berjalan dengan pesatnyanya semenjak beberapa ketika yang lalu.

Tuan Pengerusi, Jabatan Pertanian, sebagaimana biasa telah menghulurkan bantuan-bantuan benih, baja dan sebagainya kepada petani-petani.

Tuan Pengerusi, satu masalah yang dihadapi oleh setengah petani dan persatuan-persatuan peladang, pertama sekali di Trengganu, ialah alat-alat kelengkapan moden terutama sekali trekter untuk membajak dan membersihkan tanah-tanah mereka. Saya tidak menafikan tentang adanya sebuah dua trekter dari Jabatan Pertanian bagi satu-satu daerah untuk disewakan kepada petani-petani. Tetapi bilangan alat jentera itu tidaklah dapat menolong petani-petani dan persatuan-persatuan peladang bergerak dengan sewajarnya, oleh kerana kekurangan alat-alat tersebut. Oleh itu, dengan adanya Bank Pertanian yang mana diberi peruntukan secara langsung sebanyak \$11 juta itu, saya berharap Bank itu dapat memberi pinjaman untuk membeli beberapa alat kelengkapan jentera bagi memajukan perusahaan pertanian di negeri kita ini, dengan tidak dikenakan syarat-syarat yang begitu berat seperti cagaran dan sebagainya.

Kedua, Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Bank Pertanian dapat mengedarkan risalah-risalah atau mengadakan penerangan sekali-sekala mengenai bank ini tentang cara-cara bank ini dapat menolong petani-petani dalam bidang aktibiti-aktibiti mereka.

Saya membuat syur ini ialah kerana memandangkan ramainya petani-petani dalam kawasan saya yang meminta penjelasan tentang cara-cara mendapat pinjaman dari bank tersebut.

Tuan Pengerusi, menyentuh soal nelayan, sebagaimana yang kita tahu setelah 15 tahun kita mencapai kemerdekaan, banyak usaha-usaha kerajaan yang telah disumbangkan bagi memajukan berbagai-bagai bidang perusahaan di negara kita ini terutama di dalam bidang pembukaan tanah untuk petani-petani, lapangan perusahaan dan perdagangan dan lain-lain lagi, yang kita dapat lihat pada hari ini kesan-kesan dari usaha tersebut. Tetapi apa yang menyedehkan ialah dalam lapangan perikanan, walaupun ada sedikit sebanyak usaha Kerajaan ke arah meninggikan taraf hidup nelayan di negara kita ini, tetapi kesan dan perubahannya tidak begitu ternyata jika dibandingkan dengan jangka masa kemerdekaan yang kita capai semenjak 15 tahun terutama nelayan-nelayan di Pantai Timur. Oleh itu, saya berharap satu langkah yang tegas dan satu rancangan yang konkrit dapat disusun oleh Kementerian ini dengan segera bagi mengatasi soal nelayan-nelayan ini, seperti mengadakan usaha bersama dengan syarikat-syarikat luar, seperti syarikat Jepun yang telah dirangkaikan oleh Kementerian baharu-baharu ini atau memberi pinjaman kepada mana-mana syarikat nelayan yang tersusun dengan baik untuk membeli alat-alat kelengkapan sehingga dalam tempuh yang tertentu nelayan-nelayan yang bekerja dengan taukeh-taukeh telah bertukar menjadi nelayan-nelayan yang mempunyai kelengkapan sendiri.

Tuan Pengerusi, walaupun rancangan ini memakan wang yang banyak, tetapi saya rasa, kalau Kerajaan dapat menyediakan wang beratus-ratus juta ringgit untuk projek pertanian bagi kepentingan petani-petani, maka saya tidak nampak kenapa Kerajaan tidak dapat mengadakan peruntukan yang sama bagi pembangunan dan memberi kehidupan yang lebih baik kepada nelayan-nelayan walaupun dengan pinjaman dari luar negeri dan kalau perlu mengadakan sebuah bank, sebagaimana Bank Pertanian yang kita adakan bagi kemudahan-kemudahan petani-petani di negara kita ini. Dan saya rasa dengan adanya sebuah bank yang seumpama itu dapatlah nelayan-nelayan diberi bantuan yang lebih berkesan bagi meninggikan kehidupan mereka pada masa yang akan datang.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu-alukan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pertanian dan Perikanan.

Tuan Pengerusi, dalam memperkatakan Kementerian ini saya rasa Kementerian ini adalah menjadi nyawa bagi rakyat dan di sinilah atau Kementerian inilah tempatnya yang rakyat akan bergantung harapan untuk masa hadapan mereka yang akan datang.

Memandang kepada banyaknya jabatan-jabatan yang penting yang ada di bawah Kementerian ini saya rasa amatlah mustahak bagi Yang Berhormat Menteri memikirkan supaya diadakan lebih banyak lagi beberapa orang Timbalan-timbalan atau Setiausaha-setiausaha Pariimen bagi menjalankan tugas-tugas yang lebih tegas dan teratur di dalam melaksanakan, khususnya Rancangan Malaysia Yang Kedua ini kerana di masa-masa yang lalu saya dapati Yang Berhormat Menteri sangat sibok. Kadang-kadang dia datang ke Perlis minta tunggu sekejap, katanya saya sibok sangat hendak pergi ke Pulau Langkawi. Jadi banyakkah rakyat berkata sepatutnya Menteri kalau hendak pergi ke mana pun dapatlah memberi ceramah, bertukar-tukar fikiran dengan rakyat. Saya kata Menteri sangat sibok, maka dengan sebab itu dia tak dapat bertemu dengan rakyat, kemudian mereka kata mengapa tak ditambah lagi. Saya berharap Yang Berhormat Menteri ini supaya dapat mencari jalan keluar supaya kerjakerja ini dapat dijalankan dengan beresnya bagi mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh puia Kepala P. 14 berkenaan dengan Pembangunan dan Bekalan, saya ambil sekali iaitu muka 93 Aktiviti (2) Pertanian: (a) Kajiteknik Makanan dan muka 99 MARDI, MADA, FAMA dan muka 101 mengenai Parit dan Taliair. Tuan Pengerusi, dalam saya memperkatakan berkenaan dengan kemajuan pertanian di dalam negara kita pada hari ini ada beberapa masalah yang patut dititikberatkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu berkenaan dengan tanaman pokok buah-buahan. Pada tahun yang lalu saya telah juga bercakap dalam masalah ini.

Sebagaimana Tuan Pengerusi maklum di masa yang telah lalu Pulau Pinang adalah menjadi pulau rambutan di mana sahaja kita pergi ke Pulau Pinang pada masa itu kita akan dapati penuh dengan pokok-pokok rambutan dan rambutan itu ialah rambutan yang paling baik sekali. Itu di masa penjah, tetapi pada masa sekarang ini banyak pokok-pokok rambutan itu telah ditebang kerana

dijadikan rancangan perumahan. Oleh kerana itu Yang Berhormat Menteri memikirkan supaya mencari satu tempat bagi menggantikan Pulau Pinang bagi tanaman pokok buah rambutan ini dengan banyaknya kerana kalau keadaan tanaman seperti sekarang ini tidak mencukupi. Saya tidak menafikan bahawa Kementerian ini banyak telah memberi benih-benih dan sebagainya untuk tanaman buah-buahan kepada rakyat tetapi oleh kerana kita tidak mempunyai perkhidmatan luar yang cukup (extension service) dari pegawai-pegawai iaitu seiepas diberi benih, baja dan sebagainya kalau kita tak mengawasi selalu pergi periksa, beri nasihat kepada orang-orang kampung macam mana hendak ditanam, macam mana hendak membasmikan penyakit, bagaimana hendak menggunakan baja ini, maka sudah tentulah wang yang begitu banyak yang kita belanjakan untuk tanam-tanaman yang tersebut ini akan keciwa.

Saya berharap supaya dibanyakkan pegawai-pegawai extension service ini bagi tiap-tiap negeri umpamanya dalam Negeri Perlis sangat kekurangan pegawai-pegawai pertanian, kalau tak salah saya ada dua orang penolongnya dan begitu juga pegawai-pegawai pertanian muda tak mencukupi. Kalau minta kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri kata kami tak mempunyai wang. Jadi saya berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri supaya menimbangkan perkara ini oleh kerana Perlis adalah sebuah negeri yang miskin dapat memberi pertolongan kepada pegawai-pegawai tadi supaya dapat berkhidmat di dalam Negeri Perlis dan dengan cara yang demikian, maka dapatlah kita memajukan lagi tanaman buah-buahan ini sebagaimana ramai rakan-rakan saya telah bercakap berkenaan dengan pada masa sekarang ini kenaikan cukai hasil buah-buahan dan buah-buahan dari luar negeri tak lagi masuk dan buah-buahan dalam negeri pun naik harganya, Tuan Pengerusi, penjual-penjual mengambil peluang juga. Buah durian kalau pada masa dahulu harganya 50 sen tetapi sekarang sudah jadi \$2 sebiji, kerana apa begitu? Kerana tak mencukupi. Kalau ada banyak bekalannya tentu barang itu murah tetapi ini oleh kerana tak mencukupi. Oleh kerana itu, saya sangat berharap supaya diadakan satu rancangan khas sebagaimana rancangan kelapa sawit dan lain-lain lagi untuk menanam buah-buahan sahaja. Dengan cara yang demikian dapatlah kita

membuat penyelidikan dan sekarang kita sudah ada MARDI dan sebagainya boleh membuat penyelidikan umpamanya pisang. Pisang kita tak mempunyai standard, ada kecil dan ada besar dan sebagainya. Jadi kita pilih satu benih yang baik dan kalau kita pergi ke Negeri Jepun pisangnya begitu cantik berbungkus dengan kertas dan sebagainya, tetapi pisang kita digantung begitu sahaja dan lama-kelamaan kering. Oleh kerana itu, saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri dengan adanya MARDI dengan kita membuat penyelidikan dan beri belanja yang begitu banyak, maka kita harap tanaman-tanaman kita untuk buah-buahan tadi akan mendapat perhatian yang lebih banyak lagi dan akan memberi faedah yang lebih besar lagi kepada rakyat.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan rancangan MUDA atau MADA. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap dan ramai yang memuji dan sebagainya tetapi ada beberapa banyak masalah negeri berkenaan dengan Perairan MUDA berkenaan petani-petani kita. Kerana Tuan Pengerusi, pertama kita hanya ada saluran untuk membekal air, takong air tetapi pada masa ini kita tak mempunyai saluran yang cukup untuk memberi air kepada petani-petani umpamanya di dalam Negeri Perlis yang mana petani-petani yang berhampiran dengan parit takong tadi orang itu mendapat air yang cukup tetapi jika mereka yang jauh, maka sudah tentulah air tadi tak sampai ketempatnya. Dengan sebab itulah mereka membuat bendang ini, jadi masanya tidak sama. Ada orang sudah tanam, yang kedua, baharu hendak menabor dan yang ketiga, air tak sampai lagi. Saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan supaya rancangan parit gila itu dapat dijalankan dengan segera kerana dengan adanya parit gila tadi, maka dapatlah petani-petani menyelesaikan masalah-masalah pembahagian air yang sama. Yang keduanya mengenai perbelanjaan. Sungguhpun pada masa sekarang ini kita tanam padi dua kali setahun, tetapi perbelanjaan sangat mahal. Buruh tak ada, baja mahal dan segala-segalanya melambong tinggi dan harga padi macam itu juga. Oleh kerana itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menimbangkan bahawa dengan kenaikan harga-harga seperti baja dan sebagainya itu, maka padi juga harus dinaikkan harganya supaya

dengan kenaikan harga padi ini maka dapatlah petani-petani tadi meliputi pendapat-pendapat mereka. Tetapi dengan keadaan harga padi yang ada sekarang ini maka sudah tentulah yang petani-petani tadi tak dapat juga nikmat sebagaimana yang kita agung-agungkan hanya mereka kata kami pada masa ini hanya satu sahaja nikmat kami iaitu kami tak berhutang lagi, itu sahaja, kerana tidak berhutang padi dan beras itu sahajalah, tetapi dengan mendapat wang yang banyak sebagaimana yang kita rancangan, rancangan itu masih jauh lagi dengan harga-harga padi, dengan upah yang begitu mahal, upah potong kemudian upah tanaman dan sebagainya. Kalau masa yang telah lalu senang kita dapat buruh-buruh tetapi pada masa sekarang ini sangat susah kita mendapat buruh, tetapi yang lebih untung ialah buruh mereka itu selaiu menaikkan harga-harga upah.

Saya berharap supaya Menteri yang berkenaan dapat menimbangkan, memberi nilai berkenaan dengan harga padi supaya kalau boleh biarlah setaraf dengan keadaan harga barang-barang yang ada pada masa ini, harga padi pun patut dinaikkan. Begitu juga berkenaan dengan pertanian, pada masa sekarang ini banyak syarikat-syarikat mendirikan kilang-kilang seperti ICI dan sebagainya. Saya berharap supaya kilang-kilang yang menggunakan bahan-bahan tersebut supaya saham-sahamnya dijual dan diberikan keutamaan kepada petani. Dengan cara yang demikian, maka dapatlah petani tadi menikmati, kalau pun tak dapat menerima keuntungan yang tinggi daripada pertanian mereka, maka dapat juga mereka membeli saham-saham yang boleh memberikan keuntungan yang banyak.

Satu perkara lagi berkenaan dengan perikanan. Apa yang saya faham bahawa masalah perikanan ini pun satu masalah yang cukup rumit, kerana pada masa sekarang ada banyak syarikat perikanan yang telah ditubuhkan di seluruh ceruk rantau negara kita, tetapi oleh kerana syarikat-syarikat itu tidak mempunyai bot-bot mereka sendiri, maka terpaksa mereka menyewa bot-bot daripada orang tengah. Dengan demikian banyakkah timbul pertelingkahan di antara ahli syarikat dan begitu juga di antara tuan-tuan punya bot. Saya harap supaya Yang Berhormat Menteri dapat mencari jalan bagaimana syarikat-syarikat itu dapat memiliki bot-bot mereka sendiri. Saya percaya dengan

adanya bot mereka sendiri, maka dapatlah mereka itu menjalankan kerja-kerja mereka dengan lebih baik. Begitu juga dengan bot-bot kecil iaitu yang beratnya 10 tan. Saya juga pernah menyuarakan perkara ini supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberikan pertimbangan kerana kebanyakan daripada bumiputra hanya dapat mengadakan bot-bot kecil 10 tan iaitu dengan modal \$3,000—\$4,000 sahaja itu mereka dapat membeli dengan wang mereka sendiri, tetapi kalau bot-bot besar yang berharga \$20,000—\$30,000 itu tentulah mereka tak mampu. Dengan adanya rancangan Kerajaan membukakan peluang menjalankan bot yang 10 tan itu kepada syarikat-syarikat nelayan, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan pertimbangan supaya rancangan bot yang 10 tan dapat dijalankan dalam negeri Perlis. Dengan cara demikian, saya percaya pihak nelayan khususnya kaum bumiputra, tentulah mereka itu dapat berkongsi membeli bot-bot sendiri. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi pertimbangan dalam masaalah tersebut.

Pada akhirnya, saya menyokong Bekalan Kementerian Pertanian dan Perikanan.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbekalan Kementerian Pertanian dan Perikanan iaitu dalam Kepala P. 14 Pecahan-kepala 18, 19, 20, 73 dan 199.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah berhubung dengan kemajuan pertanian yang hendak dilaksanakan dalam negara kita ini, rasa saya, pertanian tentulah perkara yang besar dan inilah satu sumber ataupun satu jalan untuk memperseimbangkan kedudukan ekonomi terutama sekali penduduk yang tidak berada melalui pertanian, perusahaan perikanan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dalam Pecahan-kepala 19. Di samping kita hendak memberikan kemajuan kepada petani, pihak Kementerian, rasa saya perlu meneliti iaitu dalam masaalah cara hendak menjalankan perkembangan ekonomi itu melalui daripada pegawai-pegawai pertanian, penyelidikan dan sebagainya. Sekarang ini, saya tengok sekolah pertanian adalah sangat kurang, saya beri contoh umpamanya di Melaka Sekolah Pertanian tidak ada, hanya ada satu Jabatan Pertanian yang mengadakan

kursus jangka pendek. Dengan itu, saya mengharapkan supaya Kementerian yang berkenaan dapat memperbesarkan, kalau tidak pun dapat mengambil peserta-peserta menjadi pegawai pertanian, tetapi sekurang-kurangnya dapat memberikan satu kursus lanjutan iaitu bukan setakat enam bulan sahaja kepada pegawai-pegawai muda pertanian yang dicadangkan menjadi Pegawai Pertanian hendaklah dilanjutkan kepada satu tahun. Dengan adanya latihan kepada pegawai-pegawai yang ingin melengkapkan dirinya bagi melaksanakan rancangan pertanian itu dapat memberikan perkhidmatan kepada persatuan dan juga pekebun-pekebun samada petani sawah padi, pekebun kelapa dan sebagainya. Dengan ini, rasa saya, baharulah pelaksanaan dari segi pertanian samada peladang-peladang dapat kita atasi dan dapat diikuti betul perkembangan negara sebagaimana yang dirancang oleh Kerajaan. Tetapi kalau sekiranya pegawai-pegawai kurang latihan dan sebagainya rasa saya rancangan ini hanya kita dapat mengatakan sahaja kepada rakyat atau petani ini maju, tetapi tunjuk ajar dan latihan tidak dapat diberikan dengan pesat, maka saya rasa, ini akan kurang memuaskan pihak petani sekalian.

Kedua, berhubung dengan Persatuan Peladang. Perkara ini juga perlu dikaji oleh pihak Kementerian dalam masa-masa pelaksanaannya, kerana persatuan peladang yang berbentuk baru ini kebanyakannya berkehendakkan pegawai-pegawai pertanian. Tiap-tiap satu Persatuan Peladang sekurang-kurangnya patutlah diadakan 5 pegawai yang datang daripada pegawai pertanian baharulah Persatuan Peladang itu dapat bergerak. Tetapi Persatuan Peladang sekarang yang saya tahu seperti Persatuan Peladang Mesra di Merlimau dan satu lagi Persatuan Peladang yang hendak ditubuhkan di Daerah Jasin Utara, setakat ini hanya ada dua orang pegawai sahaja. Jadi kalau ada dua pegawai timbul masalah jawatankuasa atau pengarah tidak boleh buat apa-apa. Mereka menunggu Pegawai Pertanian menjalankan tugas dan segala kerja-kerja. Harus Persatuan Peladang ini dengan cara yang macam ini, menunggu pegawai pertanian yang boleh menjadi pengarah, penolong pengarah, kemudian memegang peranan kredit pinjam-meminjam, kemudian kemajuan secara hendak membuat perlaksanaan dan kemajuan, maka rasa saya sampai sekarang juga ada banyak Persatuan-

persatuan Peladang masih tidak dapat mengikut peraturan-peraturan Persatuan Peladang baharu ini, kalau mesyuarat 2 tahun masuk 3 tahun pun belum mesyuarat lagi, disebabkan pegawai, Pengarah Persatuan Peladang sudah bertukar.

Ini satu masalah juga, perlu bagi pihak Kementerian yang berkenaan mengkaji dan memperbaiki, mudah-mudahan Persatuan Peladang ini kalau betul-betul dijalankan adalah baik tetapi malang dan mendukacitakan iaitu kerana pegawai-pegawai muda pertanian kurang dilengkapkan di tiap-tiap satu daerah ataupun sesuatu sub-daerah. Jadi diharap dapat pihak Kementerian mengambilnya supaya mudah-mudahan Persatuan Peladang dapat berjalan dengan baik dan lagi satu saya mengharapkan supaya bank-bank pertanian, bank kerjasama ini macam mana yang dicapkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat dari Kemaman tadi, iaitu pinjaman hendak mengadakan perkakas jentera, umpamanya jentera membajak amat ketat daripada bank-bank ini. Ada setengah bank tidak hendak pula mesen Iseki. Dia kata kalau kita hendak memohon Iseki, dia kata Iseki tak pakai. Dia mahu pula Kabota. Ada sebahagian daripada bank pula, Kabota tidak pakai, mahu Mutubishi, jadi di antara Mutubishi, Kabota dengan Iseki ini tadi, maka masalah orang ramai atau ahli-ahli Persatuan Peladang yang hendak memohon terpaksa menunggu sampai 6 bulan, sampai 8 bulan. Ini satu perkara yang terjadi betul-betul, sudah dekat setahun, menunggu samada Iseki, Mutubishi ataupun Kabota, jadi sampai sekarang masa sawah pun sudah turun, terpaksa pula menyewa perkakas pembajak sawah ini daripada satu orang yang lain.

Ini saya harap daripada pihak Kementerian yang berkenaan perlu menjalankan penyiasatan dan mudah-mudahan kalau misal kata bank pertanian berkehendakkan petani-petani ataupun melalui Persatuan Peladang, syarikat ataupun bank ini berkehendakkan Mutubishi, terus terang cakap hendak Mutubishi, jadi orang pun senang membawa Mutubishi ataupun kalau hendak Kabota, katakan hendak Kabota, tidak berbalik-balik. Ini saya harap mendapat penyiasatan dan mudah-mudahan dengan ini dapat mententeramkan atas segala sungutan-sungutan daripada petani-petani melalui Persatuan-persatuan Peladang yang ada di dalam negeri kita.

Satu lagi perkara iaitu dalam Kepala P. 14 Pecahan-kepala 18 Penanaman/Pemulihan Semula Kelapa. Ini nampaknya saya perhatikan ataupun saya pandang sungguhpun pihak pekebun-pekebun kelapa ataupun petani-petani melalui pekebun-pekebun kelapa sungguh tertarik hati dan boleh dikatakan rancangan ini baik dalam penerimaannya. Tetapi yang kita mendukacitakan sedikit iaitu kalau dahulu pemulihan kelapa diberi bantuan sebanyak \$300 ini agak-agak dengan tema harga barang-barang dan upah kerja pada masa $1\frac{1}{2}$ tahun yang lalu, jawabnya agak sesuai sedikit. Tetapi misal kata saya bagi satu contoh pemulihan kelapa \$300. \$300 bantuan ini iaitu satu daripadanya dia mesti basmi atau membunuh semua lalang-lalang. Hendak membunuh lalang daripada satu ekar memakan belanja sampai mati, sampai habis, tidak kurang dekat-dekat juga \$100. Kemudian dia kena ambil anak kelapa pula 55 batang dengan harga \$1.50. Itu dah makan \$70 lebih kurang. Kemudian pula ada anak kopi 200 lebih ataupun 300 batang. Kalau 35 sen, sudah memakan hampir-hampir juga \$100. Bantuan itu, rasa saya, bolehlah pada takat dahulu. Itu belum masuk hendak gali parit lagi yang dikerjakan bagi pihak pekebun kelapa. Dengan keadaan sekarang ertinya kalau nak dikira upah gali parit kalau dahulu satu rantai \$6 ataupun \$5 tetapi sekarang, kecuali pekerja-pekerja tidak makan lagi \$5 sekurang-kurangnya pun mahu \$8 sebab barang katanya sudah naik walaupun gula tidak naik, tetapi beras ada juga angin-angin naik. Dengan ini, rasa saya, perlulah dan seterusnya tanaman semula ini mengerjakan pada satu ekar pokok kelapa seterusnya, menggali parit, kemudian memusnahkan lalang, menjaga tanaman kopi dan sebagainya, pokok pisang lagi hendak ditanam, maka bantuan-bantuan yang \$300 tanaman pemulihan dan \$500 tanaman semula ini hampir-hampir tidak cukup, tetapi saya berharap bagi pihak Kementerian yang berkenaan mudah-mudahan pemulihan daripada \$300 itu kita beri bantuan naikkan sampai \$500 dan tanaman semula daripada \$500, ertinya kita beri bantuan sehingga \$700. Ini baharu seimbang, jadi kalau misal kata getah mula-mula pun kelmarin \$500-600, kemudian naik \$650, kemudian naik \$750, jadi kelapa begitu juga, kalau \$300, naik sedikit kepada \$500 tanaman pemulihan dan tanaman semula daripada \$500 naik ke \$700. Baharulah rakyat dapat merasakan

sedikit sebanyak atas rahmat dan nikmat Kerajaan kita sendiri. Dengan ini, rasa saya, maka bagi pihak pekebun-pekebun kelapa ertinya dengan senang hati sahaja kalau agak-agak dia culas sedikit itu kalau diberi bantuan sedikit barangkali lebih sedikit maka ia lekas mengambil borang itu dan dia tidak payah menunggu hendak ditolak macam kerbau takut mandi. Jadi saya haraplah bagi pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat menimbangkan dan mudah-mudahan dapat melaksanaakn atas kehendak rakyat.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, berkenaan Taliair—DID. DID, saya fikir, saya hendak kata dia tidak pandai memang pandailah, kerana ada mempunyai engineer dan sebagainya, tetapi saya suka menyatakan perkara ini dengan terus terang iaitu satu perkara berlaku dalam bah kecil iaitu di kawasan DID Rancangan Taliair Merlimau. 6 bulan dahulu kita telah menyatakan kepada pegawai DID di daerah itu ataupun di daerah Melaka supaya dibuat satu pintu air tambahan. Jawabnya tidak payah, ini sudah cukup. Tetapi dengan kehendak Tuhan, pendapat orang ramai ini agak-agaknya ada bah sedikit, air pasang pun besar, betul-betul air pasang: 27, 28, 29 30 air pun naik, hujan pun ada turun sedikit, baik benteng Sungai Kesang, Sungai Rambai tak pecah, kalau pecah langsung habis, tidak pecah juga air menyenak, 200 lebih ekar kurang iaitu anak kopi yang mati di kawasan Benteng Merlimau.

Dengan ini, saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya pakailah sedikit pakar-pakar D.I.D. ini. Saya rasa cakap orang ramai ini jangan dia buat membabi buta sahaja. Dia fikir dia pakai saintisnya dan tidak timbangkan kehendak orang ramai. Ini saya rasa ada kadang-kala juga jangan fikirkan bagi pihak saintis itu, dia pandai. Tetapi kita adalah manusia yang sama, kerana orang kampung itu dia tahu keadaan tempat itu. Jadi dengan memberikan pendapat itu, rasa saya, itu lebih tepat lagi daripada engineer D.I.D. ataupun Penolong Engineer D.I.D. yang datang daripada Kuala Lumpur ataupun yang datang daripada Melaka, dia tidak duduk ditempat itu.

Ini saya harap bagi pihak Kementerian yang berkenaan dan pegawai-pegawai D.I.D., dia kena fikir supaya seimbang. Jangan

dia menggunakan kuasanya bagi memusnahkan 200 ekar lebih kurang. Sampai sekarang orang ramai bagi pihak yang mengambil tanaman pemuliharaan kelapa dari kawasan Merlimau sampai ke Sungai Rambai sekarang mereka tidak dapat hendak tanam lagi kerana hendak mengeluarkan bantuan anak kopi, kopi ini bukan senang hidup dan hendak buat kerja itu bukan ada bantuan lagi, sudah tidak ada. Jadi ini masalahnya. Saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji semula dan dapat membuat penyiasatan, mudah-mudahan perkara ini jangan berlaku lagi.

Selain daripada itu, saya suka juga dengan tegasnya dan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas peruntukan yang besar yang telah diberikan oleh Kerajaan dan bagi Kementerian Pertanian yang telah diuntukkan satu rancangan benteng Lembah Kesang ataupun parit-parit Lembah Kesang Melaka. Lebih kurang saya tengok yang sudah bergali ada 14 batang parit. Tetapi di sini juga saya mengemukakan kepada pihak Kementerian ataupun pihak Pengarah ataupun D.I.D. Saya tengok parit itu mula-mula digali, saya cuma lalu, tiap-tiap hari tidaklah. Tetapi sebulan sekali saya pergi ke tempat itu, orang ramai pun pergi. Dahulu 8 kaki dalam tetapi bila sekarang ertinya sekarang yang tinggal lebih kurang 5 kaki ataupun 4 kaki sahaja. Dengan ini, saya tidak tahulah bagi pihak D.I.D. ini ataupun kontraktor yang mengambil bahagian menggali parit ini dan sudah selesai dikerjakan ataupun hendak korek lagi, itu saya tidak tahu. Saya mengemukakan itu supaya ertinya jangan duit Kerajaan kita habis. Kemudian kontraktor-kontraktor yang senang lenang. Maka orang yang hendak mengharapkan bercucuk tanam besok ertinya parit kambus, duit habis, rakyat bising. Ini saya harap kepada pihak Menteri yang berkenaan melalui Jabatan D.I.D. supaya mengawal betul-betul kontraktor-kontraktor ini kerana benda-benda ini boleh jadi berlaku kerana dia bukan malaikat. Ini saya cerita terus-terang Tuan Pengerusi. Jadi saya harap sungguh-sungguh, inilah satu tempat kawasan yang lebih kurang pertanian yang hendak dibuat dalam kawasan Melaka Selatan di daerah Jasin Pantai iaitu dalam 7 atau 8 ribu ekar yang dapat diusahakan dalam jangka dua tiga tahun ini. Sekarang bila tanah itu sudah kering, maka orang sudah mula mengusaha-

kan pertanian masing-masing. Dengan ini, saya sungguh-sungguh mengharapkan kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat pelaksanaan tanaman hijau ataupun negara hijau ini, pertanian ini dapat kita jalankan selaras dengan kehendak orang ramai dan menerima pelaksanaan rancangan Kerajaan.

Akhirnya, dalam masalah Pecahan-kepala P. 14 dan Pecahan-kepala 199 iaitu Penyelidikan Perikanan. Saya mendapat tahu iaitu Menteri Perikanan ataupun Timbalan Menteri Perikanan selain daripada ikan laut hendak dijaga, ikan darat pun hendak dijaga. Dengan ini, rasa saya, inipun satu rancangan yang baik juga. Ertinya orang tepi laut makan ikan laut dan jaga ikan laut dan udang laut, tetapi orang-orang sebelah darat kita jangan lupa juga kenalah kita kaji bagi pihak Kementerian ini. Ikan darat pun sama juga sedap dengan ikan laut. Udang darat lebih seronok daripada udang laut. Harganya pun sama. Ini saya fikir dan saya berpendapat iaitu rancangan Sungai Kesang hendak diluruskan. Dalam Sungai Kesang sana udang Sungai Kesang telah masyor sampai ke Singapura. Orang datang selalu sampai dekat Sungai Rambai. "Adakah Udang gahai Sungai Kesang? Orang kata, "Ada". Mereka pun pergi mencari kerana udangnya kasar-kasar, Tuan Pengerusi, dan juga ikan-ikan daratnya pun samada Keli, Lembat dan Terbul semuanya kasar-kasar. Jadi sepanjang Sungai Kesang itu sampai ke Jasin.

Saya mengharapkan kalau ada rancangan ternakan ikan darat ataupun udang darat, saya harap Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Perikanan jangan lupa juga buat satu rancangan ternakan ikan darat ataupun udang darat iaitu di kawasan Sungai Kesang yang hendak diluruskan. Mudah-mudahan ini pun akan melebihi satu perkembangan iaitu perusahaan dan perdagangan ikan darat yang dapat kita bela dan kita jaga. Kemudian kita dapat perdagangan samada di dalam negeri kita ataupun lebih-lebih lagi kita dapat perdagangan keluar negeri. Jadi ini dapat menambahkan hasil negara kita sendiri. Mudah-mudahan dengan ini sahaja rasa saya dapat bagi pihak Kerajaan memperluaskan lagi dan rakyat pun dapat, ertinya bekerja. Jadi tidak adalah susah dengan mengelakkan pula daripada pengangguran

pemuda-pemuda dan belia-belia ini maka ini rasa saya mendapatkan kemajuan kepada Kerajaan kita sendiri pada masa akan datang.

Akhirnya sekali, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan menyokong Rang Perbekalan Tambahan bagi Kementerian Pertanian dan Perikanan.

Tuan Pengerusi: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Dungun tolong pendekkan tegurannya, masa sangat suntuk sekarang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, suka saya mengambil bahagian bercakap bagi Kepala 14 iaitu butir 1 hingga 11—Pertanian, 61 iaitu Parit dan Perikanan—195.

Tuan Pengerusi, secara ringkas saya ingin menyebutkan berhubung dengan pertanian. Saya nampak kita ada memberi peruntukan kepada beberapa Jabatan bagi membanyakkan pengeluaran pertanian kita khasnya dalam bidang-bidang penyelidikan dan penyiasatan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin tekankan ialah tentang kedudukan penyelidikan yang berada di bawah Kementerian ini iaitu MARDI tidak begitu cergas ataupun tidak begitu segera, boleh dikatakan lambat sedikit. Kerana sebagaimana yang kita tahu bahawa di tempat-tempat lain beberapa pengeluaran-pengeluaran pertanian telahpun dijayakan walaupun ianya bersama dengan kita dalam bidang gerakan pertanian ini, tetapi negeri kita masih lambat. Misalnya kalau dahulu di negeri Thailand tidak ada mempunyai anggur sekarang dia telah dapat kemajuan anggur, demikian juga perkara-perkara yang lain yang diselenggarakan oleh mereka, bererti kita ini telah lambat sedikit dalam gerakan pertanian ini. Saya harap supaya hal ini disejajarkan walaupun langkah pertanian ini adalah satu bidang yang lambat tetapi kalau kita biarkan keadaan lambat, maka dia akan bertambah-tambah lambat.

(Dr Awang bin Hassan *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan tentang masalah pertanian di tanah-tanah baharu. Yang menjadi persoalannya ialah kedudukan di tanah-tanah baharu yang hendak diselenggarakan

oleh petani-petani bagi menanamkan beberapa tanaman ialah masalah tanah itu tanah masam dan selain daripada itu tanah itu airnya panas dengan sebab air tidak belari dan kemudian juga tunggul-tunggulnya banyak yang tidak berdaya hendak dijalankan oleh petani-petani baharu yang menjalankan perusahaan di masa sekarang ini.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan ialah supaya ditambahkan sedikit peruntukan-peruntukan bagi diberi bantuan kepada petani-petani baharu untuk mencabut tunggul-tunggul yang ada di tanah-tanah baharu itu. Dan selain daripada itu, haruslah Kementerian Pertanian membelanjakan sedikit wang dengan memberi bantuan iaitu untuk mengadakan pagar di tanah mereka, kerana memang petani-petani ini adalah terdiri daripada orang-orang yang miskin. Dan yang menjadi musuh utama di bidang ini ialah binatang-binatang yang merusakkan tanaman-tanaman mereka. Kalau di tempat saya di Dungun yang menjadi masalah ialah babi dan binatang-binatang buas yang lain yang memasuki kawasan pertanian. Jadi untuk kaum tani memagar memakan belanja yang banyak, sekarang barang mahal, besi mahal dan sebagainya mahal. Jadi haruslah Kerajaan memberi sedikit pertolongan iaitu memberi pagar dan juga pertolongan dengan mengadakan atau mencabut tunggul-tunggul untuk dapat diselenggarakan tanaman dengan lebih sempurna.

Tuan Pengerusi, berkait dengan hal ini, ingin saya sebutkan tentang ada setengah-tengah tempat musuh-musuh tanaman ini ditembak dan dibunuh. Sekarang ini menjadi tanda-tanya kepada kaum tani yang mempunyai senapang untuk menembak berdasarkan kepada siberan ataupun secular baharu yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian yang berkait di bawah ini iaitu pihak Mergastua di mana diadakan peraturan-peraturan yang ketat dan lesen yang mahal untuk menembak binatang-binatang ini. Yang menjadi tanda-tanya, adakah dikenakan lesen untuk menembak babi misalnya dikenakan \$500 setahun sehingga orang-orang yang ada senapang tidak dapat membunuh musuh-musuh yang merusakkan pertanian mereka ataupun tanaman kawan mereka yang ada di kampung itu. Dan mengikut yang diberitahu hal ini kalau hendak dibunuh hendaklah direportkan kepada pihak Pegawai Mergastua berkenaan

dan mungkin akan dikenakan beberapa denda, itu khabar-khabar yang diperkatakan oleh petani-petani apakala ditanya kepada pihak yang berkenaan dalam bidang ini.

Hal ini harus diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan dan kalaulah hendak dikenakan lesen yang begitu mahal harus disebutkan iaitu pengecualian kepada empunya-empunya senapang untuk membasmikan musuh di dalam kebun-kebun mereka seperti kera, babi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, untuk memberi bantuan kepada kaum tani dalam bidang membaiki tanah ataupun tidak mahu jadi tanah petani itu masam mengikut apa yang saya tahu ialah mengadakan taliair iaitu pengaliran air supaya air tidak bertakung dan tidak panas juga tidak masam. Jadi, harus dibanyakkan peruntukan sedikit bagi taliair-taliair kecil di kampung-kampung. Saya rasa, kalau hendak memohon untuk membuat taliair besar kepada pihak yang berkenaan tentulah tidak dapat, kerana itu memakan wang yang banyak, tetapi kalau peruntukan bagi taliair kecil sudah tentu boleh diberi secara sempurna oleh pihak Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, berkait dengan hal pertanian, saya ingin menyebutkan tentang tanaman kelapa yang digalakkan. Saya mengalu-ngalukan tentang penggalakan yang dibuat oleh pihak Kementerian ini. Cuma yang saya ingin mengambil perhatian tentang keadaan di negeri Trengganu khasnya dan di sekitar penanam-penanam kelapa di tepi pantai yang tanahnya adalah pasir. Apa yang saya tahu siaran yang dikeluarkan menghendaki orang-orang di situ kalau hendak menerima bantuan tanaman semula kelapa ataupun pemulehan kelapa ialah dengan menggali parit. Saya ketawa juga apakala melihat siaran itu kerana keadaan tanah di situ bukan sebagai tanah yang di Sabak Bernam, tanah di sebelah sini, kerana lain caranya. Apa yang saya nampak kalaulah peraturan itu hendak dijalankan kepada penanam-penanam kelapa di sana sudah tentu tidak akan dapat dan tidak ada begitu berfaedah menggali parit sekadar lebih kurang dua kaki dan di sana memang tidak ada air untuk masuk, kalau gali sampai 10 kaki insya Allah baharulah ada air. Kalau dua kaki itu tidak boleh jadi untuk menyuburkan kelapa. Cara lain harus dibuat misalnya kalau orang-orang yang menanam kelapa di situ adalah cara gali lubang iaitu

satu petak cara 4 petak dimasukkan sampah-sampah di dalam lubang-lubang itu supaya akar kelapa itu dapat menyerap baja yang dibakar sampah-sampah yang di lubang yang disediakan itu. Itu satu cara yang dibuat oleh orang di situ, mungkin ada satu cara yang lain yang difikirkan oleh pihak yang lebih matang ataupun yang lebih arif dalam hal ini, itu adalah lebih baik, tetapi dengan cara yang saya katakan tadi gali parit sebagaimana di Sabak Bernam adalah tidak begitu sesuai.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perikanan, saya mengalu-alukan pihak Kerajaan mahu mengurangkan jumlah kaum nelayan di negara kita. Cuma saya minta supaya kedua-dua Jabatan iaitu Jabatan Perikanan yang mahu mengurangkan kaum nelayan dan Jabatan Pertanian yang mahu menerima kaum nelayan untuk menjadi tanggungjawab mereka pula hendaklah disediakan tempat yang sempurna supaya mereka boleh hidup di sana setelah lari dari sini, jangan hanya memberi tanah 3 ekar kepada kaum nelayan sedangkan mereka tidak begitu mahir di dalam bidang pertanian. Saya rasa, harus difikirkan dengan secara semasak-masaknya untuk mengalihkan daripada menjadi kaum nelayan kepada kaum tani ataupun sebagainya.

Tuan Pengerusi, hendaklah difikirkan juga tentang kedudukan nelayan ini khasnya nelayan-nelayan miskin di mana perlu beberapa bantuan harus diberi kepada mereka. Selain daripada itu, ingin saya sebutkan di sini iaitu tentang kedudukan ancaman nelayan yang memang sentiasa ada bagi negeri Trengganu dan negeri Pantai Timur. Saya syorkan supaya Kerajaan memikirkan dan mengkaji agar kaum nelayan ini dapat diberi dan dibekalkan dengan senjata-senjata api supaya dapat mereka melawan dengan nelayan-nelayan asing yang mempunyai senjata dan sebagainya ataupun mempunyai alatan-alatan yang besar dan sebagainya yang mereka melihat dengan mata sendiri memusnahkan alatan-alatan mereka di tengah lautan. Itulah harapan saya.

Pada akhirnya, saya mengharapkan pada pihak Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya membuat suatu usaha dengan lebih besar lagi iaitu menternak penyu. Tempat saya dikenal dengan Kuala Abang banyak penyu, tetapi sekarang penyu sudah kurang

sedikit kerana pukut harimau di tengah lautan walaupun tidak dekat dengan lautan kita, tetapi di tengah-tengah lautan, pukut harimau dan ada bermacam-macam pukut yang dapat mematkan penyu dan ternakan yang dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan pada masa ini sungguh kurang. Saya harap galakan usaha yang lebih banyak lagi untuk menternak penyu supaya hasilnya akan kita perolehi di masa yang akan datang.

Tuan Sulaiman bin Bulon (Bagan Datoh): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dibuat bagi Kementerian Pertanian dan Perikanan ini. Saya hendak menyentuh Kepala P. 14, Pecahan kepala 100 A (i), (viii) dan Pecahan-kepala 101: A (iv) dan A (vii).

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya FAMA pada masa ini haruslah membanyakkan aktiviti-aktiviti yang jauh di kampung-kampung bagi melihat sejauh mana dari dekat atas kesulitan-kesulitan yang ada dialami oleh orang-orang kampung. Sebabnya saya berkata begitu kerana pada pandangan saya, aktiviti-aktiviti yang ada di dalam FAMA hari ini tidak begitu berat, kerana umpamanya tentang kajian dan penyelidikan soal padi dan beras sudah pun diambil alih oleh suatu lembaga yang lain, tentang perikanan juga sudah diambil alih oleh suatu lembaga yang lain, dan tentang soal lada hitam begitu juga sudah diambil alih oleh lembaga lain, dengan ini kedudukan FAMA hari ini tidaklah begitu berat bagi mereka menjalankan kerja dan usaha seperti mana pada mulanya ditubuhkan FAMA ini.

Saya memikirkan soalnya ialah tentang bagaimana kedudukan rakyat di kampung-kampung yang susah dapat dikaji. Misalnya harga durian di dusun sangat jauh bezanya, dengan harga durian yang di Kuala Lumpur. Kalau harga durian dusun di sana harganya 50 sen dan di Kuala Lumpur ini tidak kurang daripada \$2.00 dan \$2.50 sebuah.

Ini suatu masalah bagi FAMA juga untuk menyasat bagaimana jauhnya perbezaan harga di antara satu kampung dengan sebuah bandar yang besar. Jadi di mana letaknya harga ini yang begitu jauh melambung, malahan pendapatan di kampung-kampung tidak begitu lumayan, tidak begitu tinggi. Bukan sahaja soal durian, juga soal lain yang harus difikirkan bagaimana hari

ini yang sayuran-sayuran di pasar-pasar besar dan di pekan kecil-kecil, itu bukannya sayuran yang ditanam oleh orang-orang kampung tetapi oleh penanam-penanam sayuran yang tinggal berhampiran dengan bandar-bandar besar itu tadi dan sayuran-sayuran ini pula dihantar ke kampung dipasarkan.

Ini patutlah juga FAMA mengambil peranan bagaimana hendak mengelakkan kejadian seumpamanya berlaku lagi supaya kehidupan orang-orang di kampung bertanam cucuk dapat dipulihkan dengan membanyakkan tenaga orang-orang di kampung berusaha dengan mendapat harga pasaran yang lebih baik dan tidaklah seperti hari ini kita dapati sebaliknya. Ini satu usaha yang patut dijalankan oleh FAMA kerana tujuan kita ialah hendak meninggikan taraf hidup rakyat jelata dan dengan keadaan begini kalau FAMA boleh merapatkan dirinya dengan orang-orang kampung, saya percaya keadaan di kampung akan dapat dibela.

Juga saya merasakan yang Persatuan Peladang dengan FAMA ini akan mempermainkan ataupun menjalankan aktiviti yang sama. Jadi walau bagaimanapun keadaannya adalah badan-badan ini datangnya daripada satu Kementerian, tetapi saya khuatir barangkali berlaku pertelingkahan antara FAMA dengan Persatuan Peladang pula nanti. Begitu juga disatu ketika dahulu saya teringat akan pengalaman saya memikirkan soal antara syarikat kerjasama dengan Persatuan Peladang yang sentiasa tidak bersepakat di antara satu sama lain dan begini juga saya takut barangkali, boleh jadi, Persatuan Peladang dengan FAMA bila menjalankan aktiviti di kampung-kampung kerana baharu-baharu ini saya fahamkan FAMA hendak meletakkan Cawangan-cawangannya kampung merata-rata bagi mencari jalan bagaimana hendak memajukan harga pasaran kelapa dan di situ juga ada cawangan-cawangan Persatuan Peladang tujuannya sama barangkali ini saya takut akan menjadi satu keadaan yang tidak menyenangkan orang-orang di kampung dan mereka tidak tahu ke mana hendak ditujukan.

Saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat mengawasi soal ini supaya kedua-dua badan ini dapat menjalankan kerja dengan selaras dan keadaannya nanti akan dapat hasil yang lebih baik, licin dan teratur.

Lagi satu, saya khuatir dan saya suka juga hendak mengingatkan Yang Berhormat Menteri kadang-kala ada juga soal pertikaian politik dimasukkan ke dalam Persatuan Peladang. Juga kalau keadaan begini diteruskan, saya rasa, ini akan merusakkan kedudukan Persatuan Peladang. Dengan sebab itu, saya minta Yang Berhormat Menteri juga dapat mengawasi soal bagaimana hendak melicinkan pentadbiran Persatuan Peladang ini supaya berjalan dengan lebih baik dan berkesan muga-muga rakyat akan dapat menumpukan kepercayaan penuh kepada apa yang hendak kita jalankan di dalam kampung-kampung yang tujuan hendak mempertingkatkan taraf hidup mereka itu. Saya rasa kalau kekecohan politik dibawa ke dalam Persatuan Peladang maka hancurlah persatuan peladang ini nanti.

Hal ini saya rasa sedang dalam perjalanannya dan bagaimanapun ianya akan berlaku dan cara yang boleh mengelakkan daripada berlakunya seumpama ini, Yang Berhormat Menteri hendaklah menyusulnya dengan cermat dan teliti supaya tidak berlakunya akibat daripada perbuatan tadi.

Begitu juga selain daripada itu, pengarah-pengarahnya, pegawai-pegawainya hendaklah juga diawasi supaya tidak menjadikan Persatuan sebagai satu alat yang hendak meruntuhkan kejayaan kita yang menitikberatkan kerja-kerja meninggikan taraf hidup rakyat.

Dan akhir sekali ialah saya hendak menyentuh soal yang berhubung dengan perkara 101 (iv) iaitu Membena Semula Rancangan Bagan Datoh berhubung dengan Parit dan Taliair. Biasanya, kita meluluskan peruntukan ini ialah dalam bulan Disember masa mesyuarat kita yang seumpama ini diadakan, tetapi Yang Berhormat Menteri, saya dapati yang pelaksanaan kerja dijalankan oleh pegawai-pegawai, engineer ataupun pihak yang berkuasa D.I.D. ini adalah lambat menjalankan usahanya itu. Apa yang telah berlaku tahun lalu lepas diluluskan peruntukan ini didapati memakan masa enam bulan dan lebih, baharu cuba memulakan kerjanya di dalam rancangan itu. Umpamanya peruntukan diluluskan dalam bulan Januari, bulan Jun ataupun Julai belum lagi mulakan kerjanya. Bila sampai ke bulan Ogos, maka mulalah hujan turun, masa tengkujuh, dan bila masa tengkujuh inilah

yang pegawai-pegawai ini sibuk bergiat menjalankan kerja masing-masing. Dengan cara begini apabila berjalan dan mula sudah sebahagian daripadanya dikerjakan dan datang oleh sang hujan pula merosak balik kerja-kerja yang dibuat itu. Dengan keadaan begini, nampaknya merugikan sangat-sangat wang kita, dan terpaksa membuat balik kerja-kerja yang diusahakan. Begitu juga kalau sudah sampai bulan Julai, Ogos, September belum lagi jua siap dan November, Disember sudah datang balik kepada peringkat hendak meluluskan Belanjawan Tahunan semula bagi tahun yang akan datang. Soal yang macam ini, saya kuatir akan menjadikan tergendala kerja-kerja yang hendak kita jalankan itu, sedangkan usaha itu adalah dikehendaki sangat-sangat supaya dijalankan dengan seberapa segera kerana kita takut rancangan yang hendak dijalankan itu akan terbengkalai. Soal inilah yang saya harapkan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh tahun ini apabila hendak menghantar peruntukan ke daerah hendaklah dicepatkan sedikit. Tidak menunggu masa musim tengkujuh baharu hendak dihantar wang. Saya harap perkara ini akan mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri.

Begitu juga dalam soal Rancangan Telok Bahru/Telok Sireh, di Perak, dalam kawasan saya, kawasan ini berkali-kali saya dapat ialah peruntukan tanda sahaja. Saban tahun peruntukan tanda. Saya tidak tahu di mana sebab tergendalanya daripada mendapatkan peruntukan yang sebenarnya. Orang-orang dalam kawasan ini sedang menunggu kemudahan yang akan diberi, kerana mereka tidak dapat hendak mengusahakan tanah mereka itu selagi Kerajaan tidak menulung membantu membuatkan parit dan taliair, kerana tanah ini memanglah tanah yang berair, bertakung air. Kalau tidak dapat Kerajaan menulung mereka itu dengan memberikan saluran airnya, sudah tentu tanah itu tidak dapat dikeringkan dan tanah ini tidak akan diusahakan. Dalam kawasan ini lebih 1,000 ekar tanah yang sudahpun diberikan kepada rakyat, orang kampung untuk berusaha. Cuma sebahagian kecil sahaja yang berusaha iaitu mereka-mereka yang ada tanah yang tinggi sedikit, maka itulah yang dapat diusahakan. Mana-mana tanah rendah yang sedikit mereka tidak dapat kerjakan di situ kerana didapati airnya begitu dalam, tidak dapat diusahakan. Ini juga mendatangkan

merbahaya kepada orang yang berusaha sekarang yang sudahpun kelapanya sedikit sebanyak sudah berbuah dan begitu juga saya percaya, tempat ini juga, pihak Kementerian ataupun pihak Jabatan Pertanian di sana pun susah hati dengan keadaan tempat ini yang masih lagi hutan belukar, kerana kawasan percubaan pertanian di sana terlalu dekat dengan kawasan ini. Jadi kalau dibiarkan begitu sahaja dengan tidak diberikan bantuan dengan secukupnya kepada mereka-mereka yang hendak berusaha di situ tentulah mengganggu usaha-usaha pihak Jabatan Pertanian yang mempunyai beratus-ratus ekar tanah yang menjalankan percubaan menanam kelapa.

Saya rasa perlu bercakap di sini tentang soal ini kerana kebbaikannya itu ada baiknya juga kepada pihak Kementerian ini dan lebih lagi baiknya sudah tentulah kepada rakyat yang sentiasa menunggu rahmat daripada Kementerian ini untuk menulung mereka supaya mereka dapat berusaha di tempat itu. Saya rasa perlu menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri, kerana dahulupun saya sudah bercakap berkali-kali dengan Yang Berhormat Menteri supaya tempat ini dapat diberikan bantuan, tetapi malangnya, saya dapati yang tahun ini juga cuma diadakan peruntukan tanda. Saya harap mudah-mudahan tahun yang hadapan ini akan dapatlah satu peruntukan yang sebenarnya yang boleh dapat menulung mereka itu nanti.

Selain daripada itu, tidak ada apa yang hendak saya cakapkan, melainkan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi memberikan peluang bagi saya bercakap di Dewan ini.

Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis): Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Will you please be brief? We are short of time.

Datuk James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Sir, I shall be as brief as possible. Mr Chairman, Sir, I would like to participate in the debate on this particular Head. Before I start, I think it will help matters if I could mention here that there are a few points which I would like particularly to emphasise in connection with the various sub-heads:

- (i) the financing of agricultural farms;
- (ii) types of crops to be planted;

(iii) marketing and export of those crops; and

(iv) the necessity for speed in research.

Sir, firstly on the question of financing.

Tuan Pengerusi: Give the page and number of the sub-heads.

Datuk James Wong Kim Min: Sub-head 10, Sir, on MARDI Research Facilities. I notice that under sub-head 10—MARDI Research Facilities, there is a provision of \$200,000 and also under sub-head 29, Agricultural Diversification a sum of \$2.5 million provided for Sarawak. It is very encouraging, Sir, to note that these allocations have been provided, but I would like to appeal here, Sir, for speed in carrying out research by the Government. I think it applies to the rural areas of the whole of Malaysia. The question of cash crops is rather important now and I do hope that speed would be taken by the Government in implementing all these various research projects.

The question again, Sir, which I would like to bring up here is the question of delay. I bring in particular here, Sir, sub-head 28, Pepper Subsidy Scheme, for which \$3.4 million is provided for this year. Mr Chairman, Sir, in the last Council Negri debates in Sarawak, that was from December 18th to 20th, this question was brought up. In fact the Pepper Subsidy Scheme was to be implemented by the State Government in March or April last year when applications were called for from people for pepper subsidy and a lot of applications came in. If my memory serves me right, the deadline was the 30th April when all applications had to be in for the pepper subsidy. Since then, there has been a lot of unhappiness over this among the farmers there. They say that they have made applications for pepper subsidy scheme but nothing has happened. I subsequently found out at the last Council Negri meeting in December that the State Government never received the money at all until December 15 or thereabout. So, in other words, there was a delay in giving the money for the Pepper Subsidy Scheme. I do hope, Sir, that this kind of delay would be avoided in future and this is the kind of thing, Sir, that really destroys people's faith in the Government and the credibility of the Government in the eyes of the farmers.

Another point which I would like to bring out on the Pepper Subsidy Scheme, Sir, is that I do not think that the amount of \$3.4 million would be sufficient and I do hope the Government would consider increasing the subsidy for next year because pepper has never in the past received any subsidy unlike rubber and even palm oil and I think it is time that the Pepper farmers who have received such a raw deal in the past were given a chance to catch up.

The other point I would like to bring out in connection with research, sub-head 26, is the question of kerang. I understand that in Johore and in West Malaysia here generally, it is very cheap—only 8 cents or 10 cents a kati but in Kuching, Sir, it is \$1.00 or \$1.10 or sometimes \$1.20. I was told, Sir, that there used to be kerang in Sarawak which was very cheap in the old days, but lately, I think it is probably due to pollution—river pollution, sawmill pollution, I don't know what causes it—the Sarawak rivers do not produce any more kerang as they used to. As you know, kerang is a very useful and cheap source of protein and I hope that research on this particular sea-crop would be done as soon as possible.

The other thing I want to refer to is Sub-head 187. There was a provision of \$4.8 million under the Five-Year Plan for a beef and dairy pilot scheme and I notice that this year, two years later, only a token provision of \$10.00 has been provided and I wonder whether the Honourable Minister would enlighten the House as to what is being contemplated this year under this particular scheme because I think there is a big opportunity for this scheme in Sarawak, and also the possibilities of this scheme being implemented in the highlands of the Bario Plateau in Sarawak should be considered.

The other point I want to make is under sub-head 29 Agricultural Diversification. I hope also that the Government would consider as soon as possible to find out what is the best type of crop to grow in Sarawak—tapioca, castor or vegetable oil or even ginger—and also find the market for these products. I hope the Government would do something about this, Sir.

Lastly, but not least, Sir, I would like to ask the Minister as to when the Bank Pertanian is going to be established in Sarawak. I am only bringing this up, Sir, because it is

relevant here, in that, the farmers in Sarawak have found difficulty in getting funds to finance their various projects which they hope to implement in their little farms.

The other point, Sir, I would like to bring up is under sub-head 212—Fishing Units for Trails and Demonstrations. For 1973 \$100,000 has been provided for that, but then the provision under sub-head 215—Training of Fishermen in Established Methods of Fishing has been discontinued. I wonder whether the Honourable Minister can enlighten the House as to why this is so as I think this is an important thing in Sarawak and I don't see why it should be discontinued.

Lastly, Sir, I would like to make an appeal here to the Government to please give every assistance possible on the question of swamp padi cultivation in Sarawak. I have already spoken at length on this previously. I notice provision has been made here for the scheme to be carried out and I would like to make an appeal to the Government to carry this out as soon as possible and please increase it for next year because the position in Sarawak, in as far as swamp padi cultivation is concerned, is very important in that we should win the people away from the very wasteful habit of shifting cultivation. That is all.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit bercakap berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan yang saya rasa saya patutlah mengambil kesempatan terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah mengambil inisiatif dan daya usaha dengan secara bersungguh-sungguh bagi memajukan pertanian di seluruh Malaysia khususnya bagi Negeri Perlis ini.

Dengan adanya kegiatan yang bersungguh-sungguh berani, cekap dan cecal daripada jabatan ini maka Negeri Perlis sekarang ini sudah menuju ke ambang kemajuan dalam bidang pertanian, terutama sekali berhubung dengan tanaman padi dua kali setahun dan lain-lain kegiatan yang dijalankan oleh pihak Kementerian ini.

Sungguhpun Negeri Perlis sebuah negeri yang kecil, tetapi di Negeri Perlis adalah

merupakan negeri pertanian pada keseluruhannya iaitu daripada utara hingga ke selatan. Di sebelah selatan sudahpun maju dengan tanaman padi dua kali setahun, tetapi ada setengah-tengah tempat dalam Negeri Perlis iaitu di bahagian Perlis Utara masih lagi belum dapat bantuan ini atau selama-lamanya tidak mendapat bekalan air ini kerana keadaannya tinggi dan tak sampai saluran air ke bahagian ini.

Saya rasa, banyak lagi rancangan-rancangan untuk menggantikan tanaman dua kali setahun bagi Negeri Perlis yang harus pihak MARDI mengambil daya usaha untuk menyasat tempat-tempat yang sesuai dengan tanaman-tanaman yang boleh mendatangkan faedah dan ekonomi bagi rakyat di kawasan Perlis Utara khususnya.

Ada ramai rakan-rakan saya telah bercakap berhubung dengan kemajuan tanaman iaitu termasuk rambutan, durian, kelapa sawit, kelapa dan sebagainya. Jadi saya suka hendak menarik perhatian satu dua perkara iaitu tanaman durian. Pada beberapa tahun yang lalu Negeri Perlis termasyur dengan buah-buah duriannya yang mutunya baik dan kadang-kadang menjadi satu pesta ketika berlaku adanya musim durian di Negeri Perlis dan pesta yang saya katakan tadi iaitu bila musim durian di Negeri Perlis ramailah tuan-tuan punya dusun durian berpindah ke dusun durian mereka itu iaitu letaknya di tepi-tepi bukit dalam Mukim Abi, kurang Batang Paya dan sebagainya berpindah dari situ dan beratus-ratus buah kedai dan banyak lagi tempat-tempat keseronokan termasuk tempat main judi dan sebagainya. Jadi pesta ini tidaklah dapat dilupai oleh sesiapa juga pun kerana kemasyuran tempatnya dan juga kemasyuran buah-buah duriannya dan bukan sahaja durian di Negeri Perlis itu dengan nama durian sahaja tetapi ada nama-nama sendiri seperti nama Sanggul Lintang, Letak Sanggul Cik Lela Pati dan berbagai-bagai nama lagi dan orang luar negeri macam orang di Perak di sebelah utara itu biasa berpesta di sana pada tiap-tiap tahun. Tetapi apa yang berlaku di masa yang akhir ini buah durian di negeri Perlis iaitu tempat yang saya sebutkan tadi sudah tidak bermutu lagi, kerana pokoknya sudah tua dan buah-buahannya selalu diserang oleh ulat, berlubang dan sebagainya. Apa yang saya suka hendak syorkan di sini supaya Kementerian Pertanian ini mengambil inisiatif dengan cara bersungguh-sungguh

supaya menggalakkan mereka itu bertanam semula benih-benih yang baik. Saya rasa, satu syor yang patut diambil perhatian iaitu benih durian daripada negeri Thai.

Selain dari itu, buah durian daripada negeri Thai. Pihak Kementerian sendiri sedia maklum, ada yang berharga sehingga \$10—\$15 sebiji disebabkan isinya banyak dan buahnya kesip. Jadi banyaklah orang yang tahu berkenaan benih buah durian Siam ini. Dan pokok durian ini bukanlah diambil benih daripada bijinya sahaja tetapi diambil daripada rantingnya setelah dibalut sebagaimana ciku dan sebagainya. Dalam tempoh 5 hingga 6 tahun boleh mengeluarkan hasil. Jadi eloklah sekiranya kita menggalakkan pokok durian di tanam semula dengan diberi bantuan benih yang baik sebagaimana saya katakan tadi dan bantuan kewangan yang lebih berlipat-ganda lagi. Pada masa sekarang, saya dapat tahu bantuan tanaman semula hanya diberi kira-kira \$70 tetapi kalau sekiranya bantuan itu diberi dengan lebih banyak dan digalakkan, sudah tentu tanaman durian di negeri Perlis, di tempat-tempat tertentu itu akan berjaya. Dan bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis telah pun menyediakan sebatang jalan untuk menggalakkan pemilik dusun durian itu berusaha iaitu jalan di Kurong Batang sampai ke tepi Padang Golf Batu Pahat Abi dan saya dapat tahu juga bahawa Kerajaan Negeri Perlis akan membina, memperbaiki jalan di antara Batu Pahat Abi Padang Golf tadi hingga ke Anak Chelong untuk menggalakkan tanaman yang saya katakan tadi. Saya rasa patutlah pihak Kementerian ini dan Menteri yang berkenaan sendiri yang budiman terhadap negeri Perlis ini akan dapat berbudi lagi untuk memberikan perhatian yang berat terhadap tanaman yang saya sebutkan tadi.

Satu perkara lagi, untuk menggalakkan tanaman secara besar-besaran buah ciku. Saya rasa ciku ini sejenis tanaman yang sesuai dengan berbagai musim, buahnya sedap dan digemari oleh penduduk dalam negara ini. Buah ciku ini banyak mendatangkan hasil kepada penduduk di kampung, bukan sahaja untuk makanan tetapi sepanjang pengetahuan saya, boleh diproses dijadikan suatu jenis minuman yang mutunya lebih baik daripada jenis minuman berasal dari buah anggur. Sekiranya ciku ini boleh ditanam secara besar-besaran di sini sudah tentu bukan sahaja menjadi makanan mentah

begitu sahaja, tetapi boleh diproses pada masa yang akan datang dan juga akan menggalakkan petani kita bertanam dan mengisi pokok-pokok ciku ini di tanah lapang mereka itu yang dibiarkan secara sia-sia dan tidak mendatangkan sebarang faedah apa-apa.

Satu perkara lagi yang saya amat tertarik hati dengan tanaman anggur. Saya dapat tahu dalam beberapa tahun lalu beberapa orang sahabat saya telah meminta pihak Kerajaan supaya menyasat dan menyelidiki kemungkinan untuk bertanam anggur di Malaysia ini seperti tanaman anggur secara besar-besaran di negeri Thai. Saya juga telah pun berjumpa dengan rakan saya di sebelah negeri Thai dan saya bawa mereka ke negeri Perlis menyasat keadaan tanah di sana, adakah kemungkinan untuk bertanam anggur secara besar-besaran kerana negeri Perlis dan Thai tidak ada beza apa-apa tentang hawanya. Dan sahabat saya itu telah pun membawa balik tanah di beberapa tempat untuk menyasat kemungkinannya, dan didapati tanah di Perlis itu adalah sesuai dimajukan dengan tanaman anggur iaitu daerah-daerah bukit di utara negeri Perlis, Bukit Wan Kelian dan sekitarnya, dengan syarat hendaklah kita ambil benih dari negeri Thai dan menggunakan baja kimia seperti yang digunakan di negeri itu sendiri. Dengan adanya penyiasatan itu, saya berseru supaya pihak Kementerian ini melalui persatuan peladang umpamanya akan dapat mengadakan percubaan untuk memajukan tanaman ini. Saya juga pernah menemui Pengarah Pertanian di Kementerian dan melawat tempat percubaan tanaman dan didapati tanaman itu baik dan subur dan saya percaya kalau sekiranya perkara ini dicuba sekurang-kurangnya dalam negeri Perlis dahulu bolehlah mendatangkan hasil yang baik pada masa yang akan datang.

Satu perkara lagi, apa yang saya suka hendak sebutkan bahawa Malaysia ini telah mengimpot berjuta-juta ringgit jagung makanan ternak. Saya dapat tahu antara 28 hingga 30 juta ringgit setahun harga jagung diimpot ke negeri ini untuk diproses, dijadikan bahan makanan ternak. Saya rasa, ini satu daripada perkara yang harus diambil perhatian oleh Kementerian ini untuk menggalakkan rakyat, petani di kampung bertanam jagung untuk makanan ternak dan diproses di Malaysia ini. Satu tempat yang saya suka menarik perhatian juga di dalam negeri Perlis iaitu kawasan sebelah utara,

banyak tanah kosong iaitu tanah pinggir yang gagal iaitu di Jalan Padang Besar, Tasoh dan lain-lain tempat lagi. Kalau sekiranya Kementerian ini mengambil perhatian, berurus dengan Kerajaan Perlis untuk mendapatkan tanah itu sebagai tapak percubaan untuk menanam jagung di situ dengan menjaminkan pasarannya, maka sudah tentu akan menjadi peransang dan cabaran kepada penduduk di kawasan itu untuk bertanam dengan secara besar-besaran di dalam tanah bendang mereka itu yang terbiar kosong berbulan-bulan lamanya menunggu hari hujan.

Jadi, bolehlah tanaman itu dianggapkan satu tanaman jangka pendek yang lebih dinamik, yang lebih berfaedah, yang dapat memberikan pertolongan beribu-ribu orang petani-petani bertanam jagung untuk makanan ternakan, bukan sahaja 1,000—2,000 relong yang ada di kawasan yang saya katakan tadi tetapi berpuluh-puluh ribu relong dapat ditanam dengan jagung.

Penduduk-penduduk kampung dan khususnya petani-petani sekarang ini bukanlah boleh dianggap sebagai penduduk-penduduk dan petani-petani yang malas, tetapi apa yang mereka mahu sekarang ini supaya hasil pertanian mereka itu mendapat jaminan dengan sepenuh-penuhnya oleh pihak-pihak tertentu. Kalau sekiranya kita beri seruan kepada mereka supaya mereka itu bertanam kacang tanah tetapi kita tidak jaminan pasarannya maka sudah tentu mereka itu akan membuat perusahaan-perusahaan yang sia-sia sahaja kerana habis tinggi mereka dapat jual kepada orang-orang tukang kereta tolak, jual sekupang dua, begitu sahaja, tetapi tidak dapat dijual dengan secara besar-besaran sebagaimana yang kita serukan kepada rakyat. Apa yang kita persoalkan sekarang ini ialah soal pasaran.

Orang-orang kampung atau petani-petani bersedia menjawab cabaran-cabaran sekarang ini kalau sekiranya kita benar-benar hendak memberikan perhatian dan pertolongan kepada mereka itu. Pada akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mengambil perhatian soal-soal am iaitu soal-soal yang berkaitan dengan pegawai-pegawai pertanian. Saya dapat tahu banyak Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini yang belum cukup pegawai-pegainya. Umpamanya dalam Jabatan Kehaiwanan, Bahagian Haiwan umpamanya, yang saya dapat tahu sudah bertahun-tahun pihak yang

berkenaan meminta supaya ditambahkan lagi pegawai-pegawai untuk melancarkan lagi rancangan-rancangan yang amat berfaedah kepada petani-petani kerana Jabatan ini bukanlah bekerja 8 jam sehari, tetapi ada yang sehingga 17-18 jam sehari untuk menyampaikan hajat dan maksud petani-petani semua sekali. Jadi eloklah kalau sekiranya pihak Kementerian ini menimbangkan semula supaya diperbanyakkan lagi pegawai-pegawai, mudah-mudahan rancangan pertanian khususnya rancangan ini akan lebih maju lagi pada masa hadapan kerana banyak tempat-tempat, banyak rancangan-rancangan yang seharusnya dijalankan beberapa tahun dahulu, tetapi oleh sebab tidak mencukupi pegawai-pegawainya maka rancangan itu tidak dapat berjalan dalam tahun yang dimaksudkan.

Saya ucapkan berbilang tahniah kepada Pejabat Haiwan ini yang walaupun pegawai-pegawainya tidak mencukupi, tetapi telah menunjukkan minatnya yang besar dan jasa yang begitu baik terhadap petani-petani sekelian. Bagaimanapun saya berharap juga supaya pihak Kementerian ini akan dapat menambahkan pegawai-pegawainya.

Lagi satu perkara yang akhir sekali iaitu berkaitan dengan gaji Pegawai Pertanian Muda dan Pembantu Pegawai Pertanian Muda. Saya dapat tahu gajinya terlampau rendah mengikut syor Lapuran Suffian iaitu dimulai dengan \$160 dan mati \$420 begitu sahaja, tidak seperti pegawai-pegawai juruteknik yang lain. Saya berharap dan berseru kepada pihak-pihak mana yang berkenaan supaya perkara ini dapat ditimbangkan kerana apa yang saya sebutkan pada awal-awal tadi bahawa Kementerian Pertanian adalah Kementerian yang amat penting yang menjadi jiwa, urat nadi bagi petani-petani dan orang-orang di kampung-kampung. Kiranya kedudukan mereka itu mendapat jaminan gaji yang baik, maka dapatlah Jabatan Pertanian menjalankan tugasnya dengan lebih giat lagi, kerana saya memang berfikir Kementerian ini tentu akan meniru contoh-contoh daripada pihak negeri-negeri lain yang maju dalam pertanian iaitu pihak-pihak pegawai pertanian bukan sentiasa berada di pejabatnya pada tiap-tiap masa sebagaimana di Taiwan, di Korea, Jepun dan lain-lain lagi, tetapi mereka itu sentiasa berada di tengah-tengah masyarakat pertanian, orang ramai di kampung-kampung pada setiap masa kerana orang ramai di

negeri-negeri yang maju dalam pertanian lebih kasihkan tanah mereka itu sama dengan kasihkan diri mereka itu. Mereka mahu tanah yang seekar itu mendapat pendapatan yang seimbang antara satu sama lain. Jadi kalau benar perkara yang saya katakan tadi maka pegawai pertanian adalah menjadi kawan kepada petani-petani pada setiap masa bukan kawan di pejabat, tetapi kawan di kampung-kampung, di kawasan-kawasan pertanian.

Jadi dengan sebab itu soal gaji pegawai-pegawai di Kementerian ini terutama sekali dalam Jabatan Pertanian, Haiwan ini hendaklah dipertimbangkan semula supaya sejajar dengan tugas-tugas mereka itu sebagai panglima, sebagai askar bagi memajukan petani-petani di kampung-kampung.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian yang telahpun mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan permintaan atau permohonan peruntukan wang bagi Kementerian Pertanian dan Perikanan.

Segala tegur-teguran, cadangan-cadangan dan rayuan serta permohonan akan mendapat perhatian daripada Kementerian ini dan juga daripada saya sendiri.

Saya suka mengambil peluang di sini membuat penjelasan atau jawapan kepada beberapa soal yang dibangkitkan oleh beberapa orang ahli. Ahli Yang Berhormat dari Mukah telahpun membangkitkan masalah berkenaan dengan kekurangan daging di dalam Negeri Sarawak dan juga harga daging yang sangat mahal di dalam negeri itu. Di sini saya sukalah menerangkan iaitu pihak Kementerian saya telahpun menubuh satu lembaga yang dinamakan Lembaga Perusahaannya Haiwan Negara atau USAHAIWAN dan Lembaga ini telahpun ditubuhkan untuk menjalankan segala rancangan-rancangan bagi membanyakkan pengeluaran daging dan susu di dalam negeri ini. Lembaga ini di dalam rancangannya akan mengadakan 7 rancangan bagi permulaannya di dalam negeri ini iaitu 3 telahpun diputus dan dijalankan atau dimulakan, satu di Behang, Perak; satu di Trengganu dan satu lagi ialah di Gemas, Negeri Sembilan. Tiga rancangan

telahpun diluluskan dan inshallah akan dijalankan dalam tahun 1973 ini iaitu satu di Johor, satu di Pahang dan satu di Sarawak.

Satu lagi rancangan ialah pengambilan alih kawasan pemeliharaan lembu yang ada di Kluang oleh Lembaga USAHAIWAN ini. Tiap-tiap rancangan ini meliputi kawasan seluas lebih kurang 2,500 membawa kepada 3,000 ekar dan lembu akan ditempatkan di kawasan ini iaitu lembu untuk pengeluaran daging dan susu.

Di sini nampaklah kepada saudara-saudara ataupun kepada Ahli Yang Berhormat iaitu satu rancangan akan diadakan di Sarawak dan berkenaan dengan rancangan di Sarawak ini rundingan telahpun dijalankan dengan Kerajaan Negeri bagi mendapatkan tanah yang sesuai baginya dan inshallah akan dapat dijalankan di dalam tahun ini juga.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara meminta supaya menahankan impot barang-barang dalam tin seperti buah-buahan dan sebagainya. Dalam masalah ini pihak Kerajaan sedar berkenaan dengan kemasukan barang-barang daripada luar negeri terutama sekali buah-buahan dan sebagainya dengan banyaknya maka dengan sebab itulah Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun bersetuju untuk menaikkan cukai berkenaan dengan kemasukan buah-buahan itu.

Saya percaya rakyat dalam negeri ini terutama sekali peladang-peladang dan petani-petani adalah sangat sukacita di atas langkah yang dijalankan oleh Kerajaan ini oleh sebab ini adalah satu cara bagi menggalakkan penanaman dan pengeluaran buah-buahan di dalam negeri ini.

Ada juga Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, berasa kesal di atas langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan kerana menambahkan pembayaran impot sebanyak 100% terutama sekali impot buah-buahan dan beliau berharap supaya pihak Kerajaan mengkaji masalah ini semula. Tetapi ada pula Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyatakan iaitu di negeri Thailand mereka telah dapat mengeluarkan buah-buahan dengan banyaknya seperti buah apel, buah anggur dan lain-lain buah-buahan juga dalam negeri itu dan dapat dijual dalam negeri dengan harga yang murah. Tetapi kita harus mengkaji semula bagaimanakah

negeri Thailand dapat mengeluarkan buah-buahan dengan banyak dalam negerinya pada masa ini. Thailand telahpun mengenakan impot "ban" berkenaan dengan buah-buahan daripada luar sejak 10 tahun dahulu. Jadi rakyat yang ada dalam negeri Thailand pada masa itu telahpun merasa azab sengsara berkenaan dengan mendapatkan buah-buahan di dalam negeri ini. Tetapi hasil daripada impot "ban" itu mereka telah dapat mengeluarkan buah-buahan dengan banyak dan menyenangkan rakyat yang ada dalam negeri itu.

Masalah yang ada di hadapan kita ialah diumpamakan mana keluar dahulu—ayam keluar dahulu ataupun telur keluar dahulu? Kalau sekiranya kita tidak kenakan sekatan-sekatan yang sedikit sebanyak atau mengenakan cukai yang lebih tinggi kepada impot buah-buahan dan sebagainya, boleh jadi tidak ada galakan sama sekali kepada penanam-penanam buah-buahan atau pengeluaran-pengeluar buah-buahan di dalam negeri ini kerana kalau sekiranya di pasar hari ini kita boleh membeli buah-buahan, yang dibawa masuk daripada luar harganya tinggi. Tetapi buah-buahan yang dikeluarkan di dalam negeri seumpama limau dari Trengganu boleh dibeli dengan harga 10 biji ataupun sehingga 16 biji seringgit. Kalau sekiranya penanam-penanam buah-buahan di dalam negeri ini tidak mendapat harga yang baik bagi buah-buahan yang dikeluarkan oleh mereka, sudah tentulah mereka tidak akan dapat galakan berkenaan dengan mengeluarkan buah-buahan dan selama itulah kita tidak akan dapat buah-buahan tempatan dengan banyak di dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara juga telah meminta supaya pihak Bank Pertanian melebihi peranan dengan meminta pelanggaran sandaran berkenaan dengan pinjaman bagi menebus balik tanah yang sudah digadai dan sebagainya. Saya rasa dalam perkara ini bolehlah Ahli Yang Berhormat itu berunding dengan pihak Bank Pertanian kerana Bank Pertanian juga mempunyai berbagai-bagai tugas. Saya percaya ini juga boleh diberi pertimbangan oleh pihak Bank Pertanian—berkenaan dengan pinjaman dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya rancangan pawah yang dijalankan oleh Jabatan Haiwan binatang-binatang pawah janganlah cuma diberi kepada orang

perseorangan, tetapi hendaklah diberi kepada unit-unit Persatuan Peladang. Dasar seperti itu telahpun dijalankan sejak tahun 1972. Selain daripada kita memberi lembu-lembu pawah kepada orang perseorangan, pihak Jabatan ini juga memberi lembu-lembu pawah kepada unit-unit Persatuan Peladang yang ada di dalam negeri ini. Kita dapati rancangan memberi lembu-lembu pawah kepada unit-unit Persatuan Peladang adalah sangat memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telahpun bertanya mengapakah peruntukan bagi Kementerian ini dikurangkan daripada \$164 juta kepada \$158 juta? Ini disebabkan oleh beberapa perkara. Yang pertama sekali kebanyakan daripada rancangan-rancangan parit dan taliair yang besar-besar telahpun siap, seumpama Rancangan Perairan Muda dan Rancangan Perairan Kemubu dan sudah tentulah perbelanjaan bagi rancangan-rancangan itu dapat kita kurangkan bagi tahun 1973.

Yang kedua, kekurangan perbelanjaan bagi Jabatan Parit dan Taliair itu disebabkan segala urusan-urusan kerja bagi Jabatan Parit dan Taliair dan bagi masa akan datang bagi Rancangan-rancangan tersebut akan dijalankan oleh pihak Lembaga-lembaga MADA dan Lembaga KEMUBU yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat itu juga menegur berkenaan dengan penyakit demam babi atau swine fever yang ada berlaku dalam negeri ini dan beliau bertanya mengapakah pihak Kerajaan tidak memberi jaminan yang daging babi itu tidak merbahaya kepada manusia sekiranya dimakan dan sebagainya. Saya rasa, perkara itu pihak Kementerian saya atau khasnya Jabatan Haiwan tentulah tidak berkemampuan dan tidak mempunyai kuasa untuk hendak menyatakan daging babi yang berpenyakit itu tidak merbahaya kepada manusia. Perkara itu, saya rasa terpaksa dirujuk kepada Jabatan Kesihatan untuk menentukan samada merbahaya atau tidak.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegur berkenaan dengan perselisihan yang berlaku di antara nelayan-nelayan kecil dan nelayan-nelayan pukut tunda. Perkara itu telahpun dibangkitkan daripada semasa kesemasa dan boleh dikatakan di dalam tiap-tiap mesyuarat Dewan Rakyat yang diadakan, perkara seumpama ini dibangkit. Perkara

yang berlaku di Port Weld baharu-baharu ini susah hendak ditentukan pihak manakah yang salah kerana biasanya perkara yang seumpama ini kesalahannya ada kepada kedua-dua pihak. Pihak nelayan pukut tunda dan juga ada kalanya pihak nelayan kecil pula membuat satu-satu angkara yang tidak diingini, dan melanggar undang-undang negeri ini. Pihak Kementerian saya memberi perhatian yang berat berkenaan dengan perkara ini dan di bawah undang-undang atau peraturan baharu yang kita buat, manamana nelayan bot ataupun perahu pukut tunda yang melanggar kawasan-kawasan dan juga melanggar syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Perikanan, kalau sekiranya sabit kesalahannya disini mahkamah, maka pihak mahkamah akan hukum merampas bot-bot itu. Dengan ada syarat-syarat yang ketat seumpama ini saya percaya kuranglah bot-bot ini melanggar syarat-syarat yang dikenakan atau yang ditetapkan oleh pihak Kementerian atau pihak Jabatan Perikanan.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara ialah berkenaan dengan membaikkan atau meluaskan lagi perusahaan orchid di dalam negeri ini.

Di sini saya suka menegaskan iaitu tugas ini telahpun diberi kepada MARDI dan MARDI telah pun mengadakan pegawainya untuk menjalankan siasatan dan kajian untuk memajukan perusahaan orkit di dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara juga telah pun menyatakan rasa kesalnya berkenaan dengan kekurangan vaccine semasa berlakunya demam babi atau swine fever di dalam negeri ini. Sebenarnya pihak Jabatan Haiwan telah pun mempunyai vaccine yang cukup untuk penyakit itu kalau sekiranya penyakit-penyakit itu tidak berlaku dengan terkejut, dengan banyak seumpama yang berlaku baharu-baharu ini. Jadi, pihak Jabatan Haiwan sendiri tentulah tidak berkemampuan untuk menyimpan vaccine dengan banyaknya untuk cukup mencucuk ataupun memberi rawatan kepada babi yang ada di dalam negeri ini keseluruhannya pada waktu itu juga. Jadi, berkenaan dengan penyakit babi ini saya disini berharaplah kepada pembela-pembela babi atau penternak-penternak babi di dalam negeri ini memberi kerjasama yang penuh dalam rancangan menternak babi supaya penyakit saumpama

itu tidak berlaku lagi. Penyakit yang seumpama ini, daripada kajian kita, bukanlah timbul atau berpunca daripada penternak-penternak yang besar-besar yang menjalankan ternakan babi dengan cara teratur dan baik. Penyakit ini datangnya daripada penternak-penternak yang duduk di luar-luar bandar dan di kampung-kampung. Manakala berlaku sesuatu penyakit mereka tidak membuat aduan dengan segera. Maka dengan sebab itulah penyakit ini merebak dengan begitu hebat dan manakala merebak baharulah mereka membuat gaduh untuk mendapatkan rawatan dan seumpamanya dengan sekejap sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah menyatakan kesalnya dan tidak bersetuju dengan rancangan Kerajaan untuk mengeluarkan cuma 90% padi untuk keperluan rakyat dalam negeri ini. Beliau telah mengesyurkan supaya pihak Kerajaan menukarkan dasar ini dan mengeluarkan sebanyak 100% ataupun lebih. Jadi di sini saya sukalah menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu iaitu pada masa dahulu rancangan kita ialah untuk mengeluarkan padi atau beras 100% bagi keperluan rakyat yang ada dalam negeri ini, tetapi setelah saya mengkajikan masalah ini dengan mendalam dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pihak Kerajaan telah pun memutuskan supaya anggaran yang mula ataupun rancangan yang awal itu ditukarkan daripada 100% kepada 90% sebabnya ialah ada kalanya, harga padi atau beras di pasar dunia adalah lebih murah daripada apa yang kita bayar atau kita sanggup atau jamin bayar kepada petani-petani dan peladang-peladang.

Pada masa sekarang ini kita membuat jaminan kepada peladang-peladang dan petani-petani iaitu kita akan membayar padi-padi yang dikeluarkan dengan harga \$16 sepikul padi kering iaitu tidak basah, cuci dan dipintu kilang. Ini adalah satu jaminan yang dibuat oleh Kerajaan. Manakala harga di pasar kita boleh dapati dengan harga cuma \$12.00 sepikul. Maka dengan sebab itu apa yang kita buat pada masa yang sudah, ialah kita telah membeli beras daripada luar dengan harga murah dan kita beli beras daripada rakyat sendiri dengan harga yang mahal; kemudian kita campurkan dua ini dan kita ambil harga yang average dan dengan itu kita dapat menjalankan perusahaan ataupun perniagaan kita dengan tidak merugikan

Kerajaan walaupun kita menetapkan harga yang lebih. Tetapi kalau kita mengeluarkan padi di dalam negeri lebih daripada 100% kita akan hadap pula satu masalah baharu iaitu apa akan jadi kepada padi yang lebih daripada 100% kemahuan dan keperluan rakyat ke mana kita hendak jual padi itu. Kalau kita hendak jual beras itu keluar daripada Malaysia sudah tentulah kita terpaksa menjual dengan cara subsidy iaitu menjual dengan harga yang lebih murah, kerana padi boleh dapat dibeli di luar Malaysia dengan harga yang lebih murah daripada apa yang kita bayar kepada petani dalam negeri ini. Maka dengan sebab itulah pihak Kerajaan memikirkan adalah mustahak bagi kita tidak mengeluarkan 100% tetapi kita menstabilkan harga padi dalam negeri ini supaya rakyat boleh dapat harga yang baik, boleh dapat pendapatan yang baik dan dengan itu perusahaan padi dalam negeri ini akan menjadi mewah dijalankan sebagai satu perusahaan yang menguntungkan. Maka dengan sebab itulah pihak Kerajaan menjalankan segala rancangan-rancangan samada rancangan tali-air, rancangan bantuan dan credit bagi baja, insecticide, dan lain-lain untuk menambahkan pendapatan rakyat yang menjalankan perusahaan padi. Dan sehingga hari ini saya percaya kemajuan-kemajuan kepada peladang-peladang dan petani-petani boleh kita nampak bertambah baik daripada setahun kesetahun.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telahpun memohon supaya pihak Kerajaan menambahkan lagi peruntukan berkenaan dengan alat-alat jentera dan sebagainya. Berkenaan dengan perkara ini pihak Kementerian dan juga Bank Pertanian sendiri adalah dari satu masa ke satu masa menjalankan kajian bagi membaikkkan keadaan-keadaan itu.

Berhubung dengan masalah nelayan, maka di sini saya sukalah menyatakan iaitu pihak Kerajaan telahpun menubuhkan satu badan baharu yang dinamakan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau MAJUIKAN dan Lembaga ini adaiah diberi tugas untuk membaikkkan keadaan-keadaan nelayan-nelayan dengan cara samada mengadakan bot-bot kepada nelayan-nelayan ataupun memberi pinjaman kepada nelayan-nelayan ataupun menjalankan perusahaan menangkap ikan bersama sama dengan lain-lain pihak atau sendiri. Lembaga MAJU-IKAN pada masa sekarang ini mengadakan

dua rancangan yang besar, yang pertama sekali ialah membina bot-bot baharu dan bot-bot ini akan dijual dengan secara ansuran kepada nelayan-nelayan di Pantai Timur dan satu rancangan lagi ialah mengadakan perusahaannya sendiri sebagai rancangan perintis di Pulau Langkawi menjalankan penangkapan ikan bersama-sama dengan nelayan-nelayan yang ada di Pulau Langkawi. Sekiranya, rancangan di Pulau Langkawi ini berjaya maka pihak MAJU-IKAN akan meneruskan beberapa rancangan lagi di Pantai Timur, di Pantai Barat dan juga di Sarawak dan Sabah sekiranya mustahak.

Di bawah rancangan membaiki penghidupan nelayan ini pihak MAJU-IKAN telah pun diperuntukkan sebanyak \$2.4 juta dan sekiranya mustahak wang samada daripada Kerajaan mahupun pinjaman daripada mana-mana pihak akan didapati bagi mengadakan rancangan untuk membaiki nasib nelayan-nelayan yang ada di dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah pun meminta supaya pihak Kerajaan menambah atau melanjutkan latihan petani-petani supaya peiadang-peladang dan juga pekerja-pekerja pertanian boleh mendapat latihan yang lebih baik. Di sini saya sukalah menegaskan iaitu pihak Kerajaan akan mengadakan tiga buah instituit pertanian lagi iaitu satu di Parit, satu di Ayer Hitam, Johor, dan satu lagi ialah di Trengganu. Jadi, dengan adanya tambahan tiga buah sekolah lagi ini, maka lebih banyak lagi pegawai-pegawai pertanian dapat dikeluarkan dan lebih banyak petani-petani dan peladang-peladang akan dapat dilatih.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga telah pun memohon supaya bantuan berkenaan dengan rancangan kelapa ini ditambah. Ini akan diberi perhatian dan saya sukalah menegaskan di sini iaitu pihak FAMA akan memulakan 3 rancangan memproses kelapa dan pemasaran kelapa kering secara perintis: iaitu di Teluk Anson kawasan Bagan Datoh, di Sabak Bernam dan satu di Johor. Sungguhpun ada diantara Ahli Yang Berhormat tadi menyatakan tidak payah cuba lagi dan cadangkan terus sahaja jalankan secara besar-besaran. Tetapi oleh sebab ini adalah satu perkara yang sangat rumit, maka mustahak kita memulakan di tiga tempat dan kalau sekiranya ia boleh di-

jalankan dengan baiknya, maka kita akan luaskan lagi usaha itu di beberapa tempat bagi masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis telahpun bertanya mengapakah subsidy lada hitam ini lambat diberi. Sebenarnya wang untuk subsidy lada hitam ini pada asalnya ialah wang subsidy untuk getah, tetapi dengan sebab pihak kerajaan memikirkan adalah mustahak diberi subsidy kepada lada hitam, maka dengan sebab itu wang yang diperuntukkan kepada getah diambil sedikit untuk diberikan kepada lada hitam, ini mengambil masa untuk menguruskan maka dengan sebab itulah subsidy ini telah pun terlambat sedikit diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan iaitu kerang di Sarawak mahal harganya \$1.10 sekati dan Sarawak tidak mengeluarkan kerang. Tetapi yang sebenarnya pihak Jabatan Perikanan Sarawak telah pun mula membiakkan kerang di negeri Sarawak dan kerang di negeri Sarawak boleh dikatakan adalah sama baiknya dengan kerang yang didapati di sini.

Berkenaan dengan latihan kepada nelayan-nelayan, ini kita telah berurus supaya nelayan-nelayan daripada Sarawak dibawa ke Pulau Pinang untuk dilatihkan di Instituit Latihan Nelayan Pulau Pinang dan pada masa yang sudah kita telah mengambil 5 orang daripada Sarawak, 5 orang daripada Sabah daripada jumlah 50 orang yang dilatih di Instituit Latihan Nelayan Pulau Pinang itu.

Selain daripada itu, ada beberapa orang Ahli telah menegurkan berkenaan dengan kekurangan pegawai-pegawai pertanian, pegawai D.I.D., pegawai Haiwan dan lain-lain. Jadi dalam masalah ini pihak Kementerian juga sedar di atas kekurangan ini, tetapi kebanyakan daripada Bahagian-bahagian ataupun Jabatan ini telah pun mengadakan rancangan-rancangan melatih pegawai-pegawai. Pada masa sekarang Jabatan Pertanian sendiri telah pun menghantar sebanyak lebih kurang 90 orang yang berlatih di luar negeri dan kita harap pegawai-pegawai ini akan balik tidak berapa lama lagi untuk memenuhi tempat-tempat yang kosong. Begitu juga MARDI ia sendiri pun telah menghantar lebih daripada 80 orang dan manakala pegawai-pegawai ini

kembali kelak, maka dapatlah pegawai-pegawai ini mengisi tempat-tempat yang kosong sekarang. Jadi dengan sebab MARDI baharu ditubuhkan lebih kurang dalam 2 tahun yang sudah dalam masa itu dibuat rancangan menghantar pegawai berlatih dan penuntut dipilih berlatih di universiti-universiti maka terpaksa kita menunggu pegawai-pegawai itu lulus daripada pengajiannya sebelum dapat kita memenuhi tempat-tempat yang kosong itu. Jadi setakat ini saya memohon supaya peruntukan bagi Kementerian saya ini diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40,707,400 untuk Kepala B. 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan \$117,902,871 untuk Kepala P. 14 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

Kepala B. 15 dan P. 15—

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan anggaran belanja mengurus bagi Kementerian saya untuk tahun 1973 yang berjumlah \$26,491,696 di bawah Kepala Bekalan B. 15 dan Belanja Pembangunan berjumlah \$55,765,180 di bawah Kepala P. 15. Bagi belanja mengurus peruntukan berjumlah \$26.5 juta lebih kurang itu adalah dipecahkan mengikut kegiatan-kegiatan berikut:

(i) Pentadbiran Am:			
(a) Pentadbiran dan Kewangan	\$	617,540	
(b) Eksepot Barang-barang Utama		891,520	
(c) Penyelidikan, Taksiran, Pasaran dan Perancangan	...	105,400	
(d) Bahagian Petroliaam	...	386,940	
(e) Pentadbiran Rancangan Menanam Semula Getah Kerajaan	...	163,500	
(f) Pengeluaran Surat Milek Geran Tanah	...	50,000	
(ii) Perhutanan	...	3,097,800	
(iii) Galian	...	1,784,000	
(iv) Penyiasatan Kajibumi	...	2,341,441	
(v) Ukur	...	15,492,925	
(vi) Tanah Persekutuan	...	1,560,630	
Jumlah	...	\$26,491,696	

Bagi peruntukan pembangunan pula bekalan yang dipohonkan ini adalah dimaksudkan bagi membiayai rancangan-rancangan dan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

(i) Rancangan Tanam Semula Getah	\$42,057,000
(ii) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia	10,550,000
(iii) Kilang Nenas Tanah Melayu	10,000,000 (peruntukan tanda)
(iv) Rancangan Penanaman Nenas	1,300,450
(v) Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad	10,000,000 (peruntukan tanda)
(vi) Perhutanan	1,336,900
(vii) Penyiasatan Kajibumi	155,000
(viii) Ukur	365,810

Bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengikuti penjelasan saya dengan lebih sempurna lagi, maka penerangan yang akan diberi ini akan dimulai dengan belanja mengurus dan diikuti kemudian dengan anggaran pembangunan. Sebagai yang kita sedia maklum Kementerian ini baharu sahaja berumur setahun jagong. Walaupun demikian hasil yang telah diterbitkan adalah cukup memuaskan. Pada pertengahan tahun 1972 dua buah bahagian baharu yang sangat perlu telahpun ditubuhkan di Ibu Pejabat Kementerian, iaitu Bahagian Petroliaam dan Bahagian Penyelidikan. Semenjak tertubuhnya Kementerian ini dasar asasnya ialah supaya menyelesaikan segala masalah yang dihadapi dengan cara "Integrated Approach" dan ini adalah memerlukan perdamangan dan penyelarasan yang erat di antara Ibu Pejabat Kementerian dan Jabatan-jabatan serta pertubuhan-pertubuhan yang di bawah kawalan Kementerian. Alhamdulillah dasar yang ditetapkan ini telahpun boleh menghasilkan perubahan-perubahan yang lebih sesuai dengan kehendak perusahaan-perusahaan utama yang di bawah tanggungjawab Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, sebagai yang dapat diperhatikan dari jumlah \$26.5 juta bekalan belanja mengurus ini lebih daripada 76% adalah dimaksudkan bagi membayar gaji dan upahan pegawai dan kakitangan. Kelebihan peruntukan gaji ini dari paras tahun yang lepas bukan sahaja bagi membayarkan kenaikan gaji tahunan biasa bagi pegawai-pegawai yang telah sedia berkhidmat bahkan juga bagi pegawai dan kakitangan tambahan yang akan diambil bekerja dalam tahun ini. Ini adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan dengan ujudnya perkembangan

kegiatan Kementerian ini dalam memainkan peranannya bagi mencapai matlamat ekonomi negara. Dari bakinya \$5.3 juta ataupun 20% adalah bagi perkhidmatan dan bekalan iaitu perbelanjaan pejabat yang biasa yang berselerak di serata negara. Pembelian harta modal adalah berjumlah \$456,213 sahaja ataupun 1.7% dan bakinya sebanyak \$444,210 ataupun 1.6% lebih kurang adalah bagi pemberian dan bayaran tetap. Dari itu nyatalah bahawa peruntukan yang dibekalkan ini tidaklah membazir. Dari peruntukan \$444,210 itu Kerajaan akan menyumbangkan perbelanjaan sebanyak \$12,000 setahun kepada Kumpulan Kelapa Asia. Mengenai perkara ini sukacita saya mengambil peluang menyebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa pada akhir tahun lalu telah berlangsung Persidangan Kumpulan Kelapa Asia di Kuala Lumpur dan kita berasa bangga menjadi tuan rumahnya.

Mengenai anggaran pembangunan pula dari jumlah lebih kurang \$48.265 juta adalah pinjaman secara langsung dan \$7.5 juta adalah peruntukan secara pinjaman. Dari jumlah \$55.8 juta ini juga \$53.9 juta atau hampir 98.5% adalah ditumpukan kepada usaha pengeluaran dua hasil utama negara, iaitu Getah dan Nenas. Daripada jumlah ini lebih kurang \$4.6 juta adalah bagi Rancangan Menanam Semula Getah di Sarawak. Dan bakinya \$1.3 juta atau hampir-hampir 2.4% adalah bagi kegunaan kegiatan perhutanan sejumlah kecil \$155,000 bagi kegiatan kaji-bumi dan yang lebihnya iaitu \$365,810 adalah dimaksudkan bagi kegiatan Pejabat Ukur.

Oleh kerana peruntukan mengenai Perusahaan Getah yang maseh lagi menjadi teras ekonomi negara kita—dan nenas ini adalah menjadi sebahagian besar dari jumlah wang yang dipohonkan, maka rasa saya adalah elok bagi saya, Tuan Pengerusi, menjelaskan secara lanjut sedikit mengenai tujuan peruntukan ini.

Sebagai yang dapat diperhatikan dari anggaran bercap Rancangan Menanam Semula Getah di Malaysia Barat adalah tiga jenisnya dan semuanya ini adalah dikampungkan di bawah pecahan Kepala 1. Rancangan No. 1 yang memerlukan peruntukan \$½ juta dalam tahun 1973 dijangka tamat pada akhir tahun 1972 ini, kerana semua luas kawasan yang dirancang telah siap dijalankan dan semua pembayaran kepada

lima daripada projek di bawah ini telahpun diselesaikan. Walaubagaimanapun ada dua projek lagi yang masih layak menerima pembayaran dan peruntukan yang dipohonkan ini adalah dimaksudkan bagi menyelesaikan pembayaran yang demikian.

Di bawah Rancangan No. 2 ini tanggungan di bawah Sekim Perusahaan Getah (Tanam Semula) untuk ladang-ladang 1964, semakin berkurangan dan dijangka semua pembayaran akan dapat diselesaikan pada akhir tahun 1972. Walaupun begitu peruntukan sebanyak \$1 juta masih lagi diperlukan untuk bayaran yang mungkin tidak dapat diselesaikan menjelang akhir tahun 1972 tadi dan juga untuk melanjutkan rancangan ini jika perlu untuk sepanjang masa berjalannya Rancangan Malaysia Kedua. Sementara itu sekim Perusahaan Getah (Tanam Semula) untuk pekebun-pekebun kecil No. 2 sedang diperluaskan, sesuai dengan keperluan yang bertambah untuk ditanam semula. Perkembangan ini meliputi pekebun-pekebun kecil secara perseorangan dan juga tanaman baharu berkelompok di bawah kumpulan wang "B" yang lama dan sekarang ini yang ditadbirkan oleh RISDA. Sebahagian daripada rancangan berkelompok ini mungkin juga dijalankan oleh syarikat-syarikat bekerjasama. Matlamat kawasan bagi tahun 1973 ialah 120,000 ekar dan peruntukan berjumlah \$6 juta adalah dimaksudkan bagi rancangan ini.

Rancangan No. 5 yang memerlukan peruntukan \$30 juta akan digunakan bagi menjalankan rancangan tanam semula dan tanam baharu bagi pekebun-pekebun kecil di bawah rancangan No. 5 kumpulan "B" lama. Matlamat rancangan ini dalam tempoh rancangan Malaysia Kedua sesudah ditukar di bawah RISDA ialah 120,000 ekar setahun untuk tanam semula dan 30,000 ekar setahun untuk tanam baharu. Rancangan ini juga mendapat peruntukan dari sekim menanam semula No. 2 dan sekim menanam semula No. 3 peruntukan \$4.6 juta di bawah pecahan-kepala 11 untuk penanaman getah di Sarawak diperlukan untuk menyelesaikan pembayaran untuk rancangan yang telah dijalankan sehingga akhir tahun 1972. Rancangan penanaman ini akan diberhentikan dalam tahun 1973 ini dan sebagai gantinya penanaman semula lain-lain tanaman seperti lada hitam ataupun rancangan menternakkan binatang akan diusahakan.

Peruntukan secara langsung berjumlah \$3,050,000 dan secara pinjaman berjumlah \$7.5 juta di bawah pecahan kepala 2 ini adalah bermaksud memperluas dan menambahkan lagi bilangan kilang-kilang memproses getah keluaran pekebun-pekebun kecil menjadi getah "Crum" yang bermutu (hevea crumb). Sebanyak enam buah kilang lagi akan dibena dalam tahun 1973 ini dan dua daripadanya akan mempunyai kemudahan bagi mengeluarkan "Latex Concentrate" (susu getah). Sehingga akhir tahun 1972 sebanyak sembilan buah kilang telah siap dibena. Enam buah kilang yang akan dibena dalam tahun 1973 ini akan ditempatkan di Kota Star, Lenggong, Keluang, Segamat, Cukai dan Behrang.

Di bawah pecahan-kepala 3 Kilang Nenas Tanah Melayu Berhad peruntukan tanda \$10 ini dikehendaki bagi membolehkan Kerajaan membeli saham kilang yang berkenaan dalam tahun 1973. Seperti yang kita sedia maklum kilang ini telah diberi pinjaman sebanyak \$6 juta dalam tahun 1972 bagi mendirikan kilang yang kedua iaitu di Pontian, Johor.

Peruntukan \$1,300,450 di bawah pecahan kepala 4 adalah dimaksudkan bagi membiayai perbelanjaan penanaman semula nenas yang dijangka berjumlah 3,000 ekar dalam tahun 1973. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini sukalah saya mengulangi bahawa rancangan ini telahpun dilancarkan dalam tahun 1971 dan sehingga akhir tahun 1972 lebih kurang 400 ekar telah dijangkakan siap ditanam semula.

Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad ataupun FIMA telah ditubuhkan oleh Kerajaan dalam tahun 1972 dengan tujuan utamanya mendirikan kilang-

kilang memproses pengeluaran makanan tempatan serta mengendalikan perkara pemasarannya. Peruntukan sebanyak \$2 juta telah dibekalkan dalam tahun 1972 tetapi bagi tahun 1973 permohonan tanda sahaja diperlukan kerana banyak projek yang dijangka akan dapat dilancarkan dalam tahun ini masih lagi dalam kajian lanjutan syarikat ini.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi jumlah peruntukan bagi Jabatan Perhutanan di Malaysia Barat dan Timur ialah lebih kurang \$1.3 juta berbanding dengan peruntukan \$2.2 juta dalam tahun yang lepas. Kekurangan peruntukan ini bukanlah disebabkan kerana kekurangan projek-projek yang akan diselenggarakan tetapi ialah kerana kebanyakan projek-projek yang dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua telah hampir-hampir siap. Sebagai yang dapat dilihat projek-projek perhutanan ini adalah kesemuanya projek lanjutan (Continuation Projects).

Dari jumlah peruntukan yang dipohonkan ini \$279,600 di bawah Pecahan-kepala 24, 37 dan 41 adalah dimaksudkan bagi membuat banciaan kayu-kayan di dalam hutan di Malaysia Barat, Sarawak dan Sabah. Kerja

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup dan Ahli Yang Berhormat boleh sambung semula pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.